

698521

17 SEPTEMBER 1993

PERHIMPUNAN AGUNG UMNO 1993

# Tradisi & Tragedi

---

(Dalam Perhimpunan Agung UMNO 1993?)

---



# **MOHD SAYUTI OMAR**

# **Tradisi & Tragedi**

---

*(Dalam Perhimpunan Agung UMNO 1993?)*

---



TINTA MERAH  
Kuala Lumpur  
Malaysia  
1993

**TRADISI & TRAGEDI**  
(Dalam Perhimpunan Agung Umno 1993)

Cetakan Pertama Julai, 1993  
© Mohd Sayuti Omar

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dihasilkan semula, disimpan dalam sistem simpan-kekal, atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau sebarang cara samada cara elektronik, sawatan, salinan foto, rakaman dan sebagainya tanpa terlebih dahulu mendapat izin daripada penerbit.

Diaturhuruf dan diterbitkan oleh:  
**Tinta Merah**  
301 Block A 11 Seksyen 4, Wangsa Maju,  
53300 Kuala Lumpur, Malaysia.  
Tel: 03-4113597

Dicetak oleh  
**Istiramai Enterprise Sdn. Bhd.**  
No. 6 & 12, Jalan Nirwana 37,  
Taman Nirwana,  
68000 Ampang, Selangor.

ISBN: 983-9032-05-4  
Harga: RM 10.00

m  
204.36220  
11520

698521


9 DEC 1993

Perpustakaan Negara  
Malaysia

---

Kepada bangsaku yang cintakan kedamaian  
dan yakin bahawa Islam kembali gemilang  
ditangan bangsa Melayu!

---




## Isi Kandungan

---

Prakata Penerbit	i
Muqadimah	iv
1. Salam Kepada Perwakilan	1
2. Wawasan 2020 Tidak Islamik?	17
3. Antara Teknologi Usang Dan Politician Lama	29
4. Siapa Kuda Anwar Ibrahim?	43
5. Kalau Kalah, Sanusi Bersara?	57
6. Macam Mana Kalau Anwar Terpelanting	73
7. Kenapa Pak Lah Perlu Dikekalkan?	85
8. Tungku Bukit Marak Berak Cair!	101
9. Beranikah Anwar Lawan Ghafar	121
10. Bapak Borek, Anak Tak Rintik	135
11. Air Mata 1993	147
12. Tradisi & Tragedi (Penutup)	163





Prakata

**S**EPERTI biasa menjelang perhimpunan agung UMNO, akan muncullah buku-buku politik. Para penulis buku-buku politik yang bertindak sebagai penganalisis, pengamat dan pengulas senario politik negara serta menjadi pengkritik tokoh politik mengambil kesempatan untuk melontarkan pemikiran, pandangan dan mesej mereka ke dalam perhimpunan agung UMNO melalui buku. Kehadiran buku-buku politik menjelang perhimpunan agung UMNO ini semacam sudah menjadi tradisi yang merancakkan lagi perhimpunan itu.

Menjelang tiba perhimpunan agung UMNO tahun ini, yang diramalkan hangat kerana berlaku pertandingan, beberapa orang penulis awal-awal lagi telah pun menyiapkan buku masing-masing. Antaranya kini sudah berada di pasaran.

Melihat kepada banyaknya buku-buku politik di pasaran menjadikan kami merasa gerun untuk menerbitkan buku ini, kerana sudah tentu ia akan menghadapi persaingan yang hebat.

Bagaimanapun setelah meneliti keseluruhan isi kandungan buku ini yang jelas membawa maksud, mesej dan punya stil penulisan/pengulasan tersendiri, menyebabkan kami merasa buku ini perlu diterbitkan untuk dijadikan bahan bacaan

umum khasnya oleh perwakilan UMNO dan pemerhati politik tanah air.

Kelainan paling ketara, buku ini tidak menyorot atau mengkritik mana-mana tokoh tertentu secara khusus sebaliknya pengarang membuat analisis secara menyeluruh berhubung pergolakan politik UMNO dan membuat apreasi ke atas tokoh-tokoh dikira berpotensi untuk naik dalam UMNO.

Buku ini juga cuba mengemukakan satu pandangan betapa pentingnya para perwakilan UMNO membuat pemilihan pemimpin berdasarkan kepada kemampuan pemimpin itu bukannya berdasarkan kepada apa yang pemimpin itu dapat berikan kepada mereka.


Penulis membentang dan menekankan, bahawa pemimpin yang bakal menerajui UMNO pada masa akan datang hendaklah berjiwa Islam, yang berani dan sedia melaksanakan Islam, tanpa ragu atau takut sesuai dengan tuntutan zaman!

Atas kelainan itu kami merasa buku ini, tidak boleh tidak perlu diterbitkan dan diharap menjadi bahan rujukan khususnya kepada perwakilan UMNO agar dapat digunakan sebagai panduan dalam menentukan pemimpin negara pada masa akan datang.

Diatas minat dan perhatian anda terhadap buku-buku terbitan kami, diucapkan berbanyak terima kasih.

Wassalam.  
Tinta Merah,  
Kuala Lumpur.





# MUQADIMAH

**S**ELURUH dunia kini sedang mengorak langkah menuju perubahan dan evolusi dalam segenap bidang kehidupan. Perubahan yang membuka era baru dunia ini ditunggu dengan berbagai perasaan dan debaran mengikut kepentingan sesuatu kaum atau individu. Bagi umat Islam perubahan yang sudah bermula itu sangat dinantikan kerana ia diramalkan menguntungkannya. Sebaliknya golongan kuffar (Yahudi dan Zionis) berada di bendul kecemasan dalam menanti perubahan itu kerana ia (diramalkan) bakal merosakkan ketamadunan hidup yang mereka agung-agungkan selama ini.

Perubahan itu melibatkan dua bidang; ekonomi dan politik - dimana kekuasaan keatas kedua bidang itu akan bertukar tangan daripada golongan kuffar kepada golongan (ummah) Islam.

Kemuncak kepada perubahan ini boleh merosakkan dunia Barat yang rata-rata berpegang pada fahaman sekular. Mereka sudah mula sedar evolusi itu boleh menjahannamkan seluruh struktur kehidupan mereka. Justeru itu dunia Barat yang menjadi gergasi dunia pada masa ini sedang memperhebatkan serangan ke atas umat Islam.

Realiti ini sangat nyata dan jelas. Negara-negara kecil yang

terdiri daripada negara baru merdeka dan negara ketiga, sedang giat menyusun pembangunan ekonom sendiri. Negara-negara sedang membangun/baru merdeka kini tidak lagi bergantung "perut" kepada negara besar. Mereka sedang berusaha memecahkan pemonopolian kuasa ekonomi dan juga kuasa dunia yang ditakluki oleh Yahudi dan Zionis. Dalam erti kata lain mereka sedang mara untuk mengapai kemerdekaan hakikin - lahir dan batin.

Sehubungan dengan itu pemusnahan ke atas kaum Islam (ethnic Islam) di Bosnia - Herzegovina pada masa ini dilihat sebagai percubaan oleh kaum kuffar untuk melihat reaksi dan kekuatan Islam. Mereka mahu menguji sekemas manakah jalinan ukhwah Islamiah dan sekuat manakah kekuatan perpaduan umat Islam diseluruh dunia.

Justeru itu pembunuhan di Bosnia- Herzegovina tidak harus dilihat sebagai satu tradisi kekacauan dunia di akhir zaman - sebalik satu titik mula yang dilakukan oleh kuffar untuk cuba meruntuhkan pembangunan Islam yang sedang berkembang pada masa kini. Seharusnya umat Islam semua mengambil prihatin dan iktibar ke atas peristiwa itu, disamping mengobarkan semangat untuk terus berjihad.

Sekiranya percubaan kuffar ke atas umat Islam di Bosnia - Herzegovina itu berjaya, maka mereka tidak segan silu dan bimbang ragu lagi untuk terus menyerang umat Islam di seluruh dunia, bagi mempastikan "armada" pemusnahan tamadunan mereka akan kecundang ditengah jalan.

Hakikat perkembangan Islam diseluruh dunia yang menggalakkan kini dapat dilihat kepada apa yang berlaku dalam negara kita sendiri - Malaysia. Walaupun Malaysia sebuah negara kecil, dan menjadi "narapiadana" kepada penjara ekonomi Zionis dan Yahudi, namun atas kesedaran itu kita telah berjaya meloloskan diri daripada dakapan mereka sedikit demi sedikit.

Penubuhan Majlis Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) yang diilhamkan oleh Dr. Mahathir dan mendapat sokongan menggalakkan dari negara ketiga (membangun),

membuktikan bahawa negara-negara kecil yang terpinggir di tepi benua sudah mula bangkit memperjuangkan hak masing-masing.

Begitu juga di rantau sebelah Asia Barat, negara-negara Islam di Jiza Arab sedang berusaha membentuk gagasan ekonomi sendiri, dalam usaha menentukankekayaan mereka dapat diekspolitisasikan untuk kepentingan Islam sepenuhnya. Mereka sedang keras berusaha untuk melepaskan diri dari karung kezaliman dunia Barat.

Kebangkitan umat Islam ini juga turut merebak di beberapa buah negara bekas taklukkan komunis Russia seperti Uzbekistan, Turkmenistan, Kazakhstan dan lain-lain yang baru dua tahun terbebas dari cengkaman komunis Mosco.

Perubahan kedua yang digeruni oleh dunia Barat ialah perubahan ke atas kuasa politik dunia (*political power*). Malah perubahan ini dikira sangat ditakuti kerana ia boleh merombak cengkaman kekuasaan Barat ke atas kuasa dunia seluruhnya.

Para pakar ketenteraan Barat mengaitkan perubahan ini dengan kebangkitan semula Islam untuk menjadi kuasa dunia. Mereka menjadikan kejatuhan kuasa-kuasa kuffar dan fahaman yang mengambil sistem hidup duniawi seperti komunis, sosialis, kapitalsis dan sosialis yang diagungkan Barat sebagai bukti sangat jelas ianya berlaku ekoran kebangkitan Islam.

Penyalinan kuasa dan sistem hidup sekular kepada Islam menunjukkan Islam akan mengulangi kegemilangan yang kedua setelah muncul sebagai kuasa dunia lebih 1000 tahun lalu. Pengulangan sejarah kebangkitan ummah yang kedua ini hampir menjadi realiti bila mana negara-negara kecil yang sebelum ini dijadikan "anjing kurap" oleh Barat telah dapat mendikarikan ekonomi mereka masing-masing.

Fenomena ini begitu ditakuti oleh Zionis dan Yahudi.

Justeru itu, mereka dengan segala macam kelengkapan dan kepakaran cuba sedaya upaya menghalang kebangkitan Islam ini.

Usaha yang tidak habis-habis dilakukan ialah dengan melaga-lagakan negara Islam sesama sendiri. Untuk tujuan itu

Barat - Zionis dan Yahudi memperkuatkan semula penempatan mata-mata gelap dan peristik mereka seperti CIA, MOSAD dan sebagainya di seluruh dunia, khususnya negara yang ramai umat Islam dan yang menjadikan Islam sebagai sistem pemerintahan seperti Malaysia.

Peristik Yahudi dan Zionis ini terus memainkan peranan penting menimbulkan huru-hara dalam negara Islam. Apa yang berlaku di Pakistan, Iraq, Somalia, Arab Saudi, Mesir, Afghanistan, Algeria dan sebagainya adalah atas caturan dan program peristik Yahudi dan Zionis.

Begitulah senario dunia hari ini. Lembaran baru akan menjelma tidak lama lagi. Dan Islam yang pernah menjadi "tuan" kepada dunia ini diyakini kembali mengambil tempat di kerusi kekuasaan dunia. Dalam konteks kaum kerohanian pula mereka mengaitkan kebangkitan dan kegemilangan ini akan munculnya Imam Mahdi untuk memimpin dunia!

Justeru demikian maka kena pada masa dan ketikanya, kita selaku bangsa Melayu yang berpegang teguh kepada ajaran Islam sama-sama menunggu dan menangani kebangkitan itu. Dalam hubungan ini orang-orang Melayu (UMNO) yang kebetulan pada masa ini diberi kesempatan menentukan dasar, maruah bangsa, dan menjaga martabat agama - menerusi UMNO, patut sama memainkan peranan penting dalam hal ini.

Menjadi tanggung jawab Melayu (UMNO khasnya) menantang kebangkitan ini sebaik mungkin. Memastikan agar Melayu menjadi salah satu kaum yang terkedepan dan mengepalai kebangkitan ini.

Bagi mereka yang menganggotai UMNO satu-satu cara untuk mereka berperanan ke arah itu ialah dengan menggunakan segala peluang yang ada pada UMNO. Peluang memilih pemimpin dalam jemaah (parti) adalah satu salah satu dan hendak digunakan dengan sebaik mungkin.

Mereka boleh mengatur dan juga menentukan kejayaan negara. Dengan membuat pilihan ke atas mereka yang sesuai untuk menjadi pemimpin yang serasi dengan urutan masa dan Jadual Allah. Penentuan pemimpin yang jitu dan relevan

dengan tuntan masa dan arus zaman adalah penting. Jika kita memilih pemimpin yang anti kepada kebangkitan Islam, peluang keemasan ini berlalu begitu sahaja, kerana pemimpin itu akan memandang sinis dan pesimis padanya.

Justeru itu, sempena perhimpunan agung UMNO pada November ini hendaklah mencari seorang pemimpin yang kental dengan semangat Islam. Mereka yang berani melaksanakan dan sedia menanti kebangkitan itu tanpa syak wasangka dan ragu bimbang lagi.

Kesempatan pada pemilihan pucuk pimpinan ini hendaklah digunakan sebaik mungkin. Pilihlah pemimpin berdasarkan tujuan ataupun untuk niat mencapai matlamat itu. Jangan lagi dalam pemilihan kali ini perwakilan memilih pemimpin berdasarkan apa yang mereka (pemimpin) dapat sumbangkan kepada diri individu tertentu, tetapi berdasarkan apa yang pemimpin bakal kita pilih itu dapat sumbangkan kepada Islam. Jika kita memilih pemimpin yang boleh berkhidmat kepada diri kita dan bukan untuk negara dan Islam, sudah pasti harapan suci untuk melihat Islam gemilang akan sia-sia sahaja.

Pemimpin yang harus dipilih oleh kira-kira 2000 perwakilan pada November ini, bukan lagi sebagai pemimpin untuk bangsa Melayu, bukan lagi sebagai pemimpin untuk rakyat Malaysia, sebaliknya pemimpin itu adalah untuk seluruh ummat Islam sedunia. Taraf atau nilai pemimpin itu bukan setakat Malaysia lagi, sebaliknya biarlah yang bertaraf antarabangsa! Berfikir besar, berpandangan jauh dan mempunyai semangat dan cita-cita Islam yang syumul dan global!

Saya yakin dan percaya jika UMNO dapat melahirkan pemimpin demikian, bangsa Melayu akan bewibawa dijagat raya ini dan Islam akan terpelihara ditangan bangsa kita. Jadilah UMNO sebagai khalifah Allah di dunia ini! Itu mungkin satu pengharapan yang besar, tetapi ia tidak mustahil untuk menjadi kenyataan!

Akhirnya, saya sekali lagi mengharapkan kesempatan baik yang ada kepada bangsa Melayu melalui UMNO, untuk menentukan corak dan jenis pemimpin akan digunakan sebaik

mungkin dan tidak disia-siakan begitu sahaja. Mereka harus ingat, jika mereka silap memilih pemimpin, bererti mereka silap memilih jalan ke Syurga!

Percaya dan yakinlah, nasib dan masa depan sesuatu bangsa itu terletak dalam genggamnya sendiri. Sesuatu bangsa itulah akan menentukan nasib mereka samada berdaulat ataupun tidak. Pendaulatan paling kemuncak untuk sesuatu bangsa itu ialah apabila ia berjaya membentuk ampayar kekuasaanya untuk menuju akhirat.

*"Tuhan tidak mengubah nasib sesuatu kaum itu, melainkan dia mengubah apa yang ada dalam dirinya sendiri."*


Wassalam.

MOHD SAYUTI OMAR

Kuala Lumpur - Taskent

Mei - Jun.





1

SALAM KEPADA  
PERWAKILAN

**S**EKIRANYA tidak ada apa-apa halangan perhimpunan agung UMNO (Baru) yang ke 6 akan berlangsung pada 4 November hadapan. Perhimpunan tahun ini mengkhususkan kepada pemilihan pucuk pimpinan dalam parti itu. Seperti lazimnya, pemilihan pucuk pimpinan dalam UMNO menjadi perhatian seluruh pemerhati politik baik dari dalam atau luar negeri. Ini kerana UMNO merupakan parti tulang belakang kerajaan Malaysia. Lazimnya perubahan pucuk pimpinan dalam UMNO turut merubahkan barisan pemimpin dalam kerajaan. Kelaziman itulah menjadi perhimpunan agung UMNO diberikan perhatian penuh minat.

Dalam perhimpunan kali ini juga, buat pertama kali anggota UMNO Sabah turut sama mengambil bahagian. Kalau dalam perhimpunan tahun lepas mereka datang hanya sebagai pemerhati, tetapi kedatangan mereka kali ini adalah sebagai "ahli UMNO" mutlak yang punya hak dan kewajipan sama dengan anggota UMNO Semenanjung.

Dalam perhimpunan kali ini seramai kira-kira 2000 orang perwakilan dari 153 Bahagian akan hadir termasuk 225 orang daripada Sabah. Kehadiran wakil dari Sabah dikira sedikit sebanyak dapat merubahkan keadaan perhimpunan pada tahun

ini. Perwakilan di Sabah dianggap masih belum mempunyai pandangan dan pengalaman tersendiri dalam UMNO. Maka itu mereka dikatakan menjadi satu faktor yang menentukan senario pemilihan kali ini.

Sebagai persediaan perhimpunan tahun ini barangkali semua Bahagian UMNO sudah awal-awal membuat persiapan. Mereka mungkin sudah mula membuat perhitungan dan penentuan tokoh mana harus dipilih menjadi bakal pemimpin, dan tokoh mana pula yang perlu ditukar ganti dengan muka baru. Dalam lipatan hati masing-masing mungkin sudah ada calon-calon baru yang menjadi pilihan hati!

Adalah sesuatu yang praktikal kalau UMNO sudah membuat persiapan awal-awal. Itu boleh menyenang dan memudahkan bila tiba hari pemilihan nanti. Kalau pun ada perubahan ialah disaat-saat akhir kerana sebab-sebab tertentu yang sangat mendorong dan terdesak.

Keadaan seperti itu sering berlaku dalam UMNO. Seorang perwakilan terpaksa mengubah calon pilihan hatinya dan akur dengan perkembangan terakhir. Ada dua faktor kenapa mereka merubah pilihan asal, pertama kerana mengejar wang, kedua kerana dipaksa oleh pihak tertentu, biasanya ketua mereka (Ketua Bahagian).

Apabila berbicara soal pemilihan dalam perhimpunan UMNO, apa yang menarik untuk ditinjau, bagaimana pemilihan itu dibuat. Maksudnya, apakah kriteria-kriteria yang digunakan oleh perwakilan sekalian untuk memilih pemimpin? Apakah asas yang mereka jadikan panduan untuk mengangkat seseorang itu menduduki barisan kepimpinan?

Perkara ini perlu diselidiki untuk diketahui apakah kriteria yang digunakan itu sudah bertepatan dengan adat Melayu dan juga kehendak agama Islam. Jika kriteria yang digunakan tadi tidak tepat ataupun relevan, ia menyebabkan berlaku pemilihan tidak jitu. Seperti memilih tebu terkena teberau, memilih ruas terkena buku. Memilih gadis terkena janda. Keadaan ini kena diperbetulkan demi untuk melahirkan satu sistem pemilihan yang tepat!

Sesungguhnya proses memilih pemimpin adalah penting. Ia sama penting dengan proses memilih bijih benih. Bagi petani dan peladang tentu tahu bagaimana cara untuk memilih biji benih yang baik. Untuk memilih biji benih yang baik ada cara dan kriteria yang khusus. Silap memilih biji benih menyebabkan peladang dan petani akan merana dan mengalami kerugian sepanjang musim.

Biji benih yang tidak baik akan menyebabkan pokok yang bakal naik nanti tidak akan subur dan penuh dengan penyakit. Walhasilnya yang rugi ialah petani kerana ia tidak mungkin akan berbuah lebat, ataupun tidak berbuah langsung. Ini menjadikan sepanjang musim itu petani atau peladang tersebut hanya kelelahan percuma sahaja, tenaga habis, wang habis, hasilnya nol.

Demikian juga dengan pemimpin. Jika kita mengangkat dikalangan mereka yang tidak baik, maka ia bukan sahaja membawa keburukan, sebaliknya boleh memusnahkan harapan negara. Ia boleh menghancurkan cita-cita bangsanya. Boleh merosak agamanya sendiri dan boleh menjahanamkan tanah airnya sendiri.

Lantaran itu dalam memilih pemimpin hendaklah berteraskan kepada sistem yang benar, berpandukan kepada kaedah-kaedah yang baik, yang adil dan dilakukan dengan sempurna, penuh keikhlasan dan kejujuran.

Dalam hal ini asas yang paling baik dan terjamin mutu kebaikannya ialah asas dan dasar yang ditunjuki oleh Islam. Asas ataupun sistem pemilihan yang dituntut oleh Islam terbukti membawa keberkatan dan kegemilangan sepanjang masa.

Berdasarkan kepada kecemerlangan dan kegemilangan Islam itu, maka sudah sampai masanya untuk anggota UMNO meletakkan asas pemilihan pemimpin kepada asas dan dasar Islam. Mereka sudah patut menjadikan acuan asas pemilihan pemimpin mengikut Islam ke dalam organisasi UMNO. Mengambil keseluruhan asas dan dasar Islam dalam proses memilih pemimpin.

Sudah sampai bagi para perwakilan tidak memilih pemim-

pin berpandukan kepada kebendaan atau melihat apakah keuntungan bakal diterima dari seseorang pemimpin yang dipilih itu. Sudah sampai masanya untuk perwakilan tidak memilih pemimpin yang hanya pandai membuat janji, dan liat untuk melaksanakannya.

Sudah sampai masanya untuk perwakilan memilih pemimpin, bukan kerana pemimpin itu memberi pangkat dan imbalan harta kepadanya, sebaliknya pilihlah pemimpin yang mempunyai nilai kerja dan juga tanggungjawab kepada bangsa dan negara. Memilih pemimpin yang ikhlas, jujur dan mempunyai keazaman yang tinggi untuk mendaulatkan bangsa dan memerdekakan agamanya.

Perwakilan hendaklah tidak lagi menerima rasuah dalam apa sahaja bentuk bagi menaikkan seseorang pemimpin. Perwakilan harus sedar jika mereka memilih pemimpin kerana diberi "rasuah" maka lama kelamaan pemimpin yang mereka pilih itu juga akan menjadi seorang pemimpin yang korapsi.

Mulai sekarang pilihlah seorang pemimpin yang sayang kepada bangsanya, yang cinta kepada agamanya dan yang kasih kepada tanah airnya. Yang ingin menjadi pemimpin untuk membela bangsanya, bukan menjadi pemimpin untuk membela dirinya sendiri. Yang ingin menjadi pemimpin kerana mahu membela agamanya, dan bukan yang menjadi pemimpin kerana hendak bermegah-megah dan mengaut keuntungan dunia.

Jika UMNO mengharapkan kemunculan seorang pemimpin versi Islam, maka mereka hendaklah menggunakan kaedah pemilihan cara Islam. Hanya dengan menggunakan sistem pemilihan Islam sahajalah menjamin terpilih seorang pemimpin berjiwa Islam. Ibarat untuk memilih biji benih yang baik, hanya seorang petani yang pakar dalam bidang itu serta tahu ciri-cirinya sahaja, baru memperolehi biji benih yang baik.

Sekiranya perwakilan UMNO masih lagi menggunakan kaedah atau asas pemilihan yang tidak ditunjuki oleh Islam, maka hasrat untuk melahirkan seorang pemimpin Islam menjadi sia-sia. Adalah tidak mungkin mengharapkan lahir anak itik dari sebiji telor ayam!

Penggunaan metode pemilihan pemimpin cara Islam ini bukan sahaja perlu diperingkat Majlis Kerja Tertinggi sahaja, tetapi ia juga perlu dipemilihan peringkat Cawangan dan Bahagian lagi. Kerana pemimpin-pemimpin dikedua peringkat itu lah bakal menentukan pemimpin peringkat MKT. Jika pemimpin itu sudah buta mengenai Islam, maka sudah tentu mereka juga akan mengangkat pemimpin yang buta tentang Islam pada peringkat MKT kelak.

Sebelum kita menghayati bagaimanakah kriteria pemilihan pemimpin yang digarisi oleh Islam, elok kalau kita kembali ke zaman lampau (sejarah) untuk melihat bagaimana bangsa kita mengalami kepincangan dan kerosakan lantaran kesilapan memilih pemimpin. Barangkali tersangat jauh untuk kita kembali ke zaman **pra-kemajuan** bangsa kita. Elok kalau kita perhatikan apa yang berlaku disekitar satu atau dua dekad kebelakangan ini, dimana zaman yang dikatakan Melayu mulai merasa nikmat kemerdekaan.

Dalam sejarah UMNO sendiri sudah berlaku beberapa krisis dan juga pergaduhan sesama sendiri. Kebanyakan krisis itu ialah berpunca daripada tindak tanduk dan sikap pemimpin itu sendiri. Perbalahan yang boleh menyebabkan UMNO berpecah dan membahayakan bangsa Melayu juga meletus.

Dua peristiwa besar telah berlaku dalam UMNO, dimana bahananya disebabkan kesilapan perwakilan memilih pemimpin. Maksudnya disebabkan perwakilan telah membelaikangkan asas agama dan mendahului asas-asas kebendaan dalam memilih pemimpinnya. Gara-gara kesilapan ini menyebabkan kuasa politik bangsa Melayu pernah berada dalam keadaan seperti telor di hujung tanduk!

Peristiwa pertama ialah, pertandingan merebutan jawatan Timbalan Presiden UMNO diantara Tengku Razaleigh Hamzah dengan Datuk Musa Hitam dalam tahun 1982/84. Kedua pemimpin ini telah diletakkan di atas pentas untuk diadili. Pemilihan mereka masing-masing berpandukan kepada; siapa paling popular dan banyak dapat memberi kemewahan dan juga memberi janji berbentuk kebendaan. Dalam pemilihan

diantara kedua tokoh itu, perwakilan sama sekali tidak menggunakan kaedah dan juga kriteria yang ditunjuki Islam. Implikasi daripada kesilapan itu tokoh yang dipilih itu bukan sahaja tidak dapat berkhidmat dengan baik tetapi menghamparkan impian dan harapan rakyat. Hasrat dan harapan rakyat yang diletakkan ke atas bahunya musnah sama sekali.

Pemimpin tersebut juga banyak menimbulkan kerosakan kepada negara. Pada period kepimpinannya lah berlaku pembunuhan beramai-ramai di Kampung Memali, Mukim Siong, Kedah pada 19 November, 1985.

Mungkin pemimpin berkenaan cukup marah bila dikaitkan peristiwa itu dengannya. Tetapi sejarah mengetahui dan tidak dapat ditutup, bahawa pemimpin itu bertanggungjawab ke atas peristiwa kejam dan tidak bermaruah itu. *Diary sejarah politik Malaysia* tidak boleh membohongi siapakah yang dikira terlibat dengan peristiwa kejam itu:

Demikian juga pada tahun 1987, perwakilan sekali lagi membuat pemilihan pemimpinnya. Pemilihan kali ini juga berdasarkan kepada kebendaan dan membela kangkan asas-asas ataupun kriteria yang dikemukakan oleh agama.

Pada tahun 1987 berlaku pertandingan merebut jawatan Presiden UMNO diantara Dr Mahathir Mohamad dengan Tengku Razaleigh Hamzah. Hasil pemilihan itu, Dr Mahathir telah berjaya mengalahkan Tengku Razaleigh dengan menggunakan berbagai helah dan tektik! Sekali lagi Tengku Razaleigh yang menawarkan khidmat kepada negara kecundang.

Bermula pada tahun itu maka bermaharajalelah Dr Mahathir memerintah Malaysia. Kemunculan Mahathir menjadi pemimpin bukan diatas pemilihan berdasarkan kepada kriteria dan ciri-ciri yang ditunjuki oleh Islam. Wal hasilnya, apa sudah jadi kepada bangsa dan negara? Mahathir telah melakukan sesuatu kepincangan yang besar ke atas negara. Politik wang berleluasa dalam UMNO. Keadaan ini menyebabkan wujudnya golongan elit dan koprat. Wujudnya beberapa gergasi bisnesman dan koprat Melayu yang besar. Tetapi rakyat bawah masih lagi miskin dan merempat.

Disebabkan Mahathir tidak mempunyai asas agama dan tidak faham mengenai falsafah pembangunan Islam, menyebabkan beliau silap mentakrifkan pembangunan manusia sebenarnya. Pada perkiraan Mahathir kemajuan manusia ialah kebendaan. Maka itu ia telah berusaha membawa kebendaan kepada manusia. Dia terlupa sebenarnya pembangunan hidup manusia itu ada dua fasa; pembangunan lahir (kebendaan) dan pembangunan batin (kerohanian). Pembangunan manusia itu bukan sahaja setakat menyediakan pasaran dunia, tetapi harus juga pembentukan Iman mengikut Quran dan Hadith. Mahathir barang kali lupa bahawa manusia membangun dengan dua unsur; rohani dan jasmani.

Kerana kejahilan itu maka wujudlah masyarakat yang pincang. Berlakulah ketidak seimbangan pembangunan. Natijah dari itu maka wujudlah manusia-manusia yang mementingkan dunia dan juga lahirlah *politician dajal* yang menjualkan dunia demi kepentingan diri; dan mengajar manusia menerkam dunia secara melulu.

Satu lagi kesan terbaru daripada pemerintahan Dr Mahathir ialah, menyebabkan institusi raja-raja berada di ambang kejatuhan dengan terpindanya perlumbagaan Perkara 181(1) dan 181(2) baru-baru ini. Institusi Raja yang menjadi payung kepada hak dan keistimewaan Melayu sedang bergoyang dan akan di terbangkan "angin" pada bila-bila masa sahaja.

Sekiranya pemimpin selepas Mahathir nanti juga mempunyai pandangan dan stil kepimpinan seperti Mahathir, kita yakin orang Melayu akan kehilangan pelindung dan bentengnya itu. Orang Melayu akan terdedah ditanah lapang bumi-nya sendiri - dari ribut taufan dan gelombang laut menggilा.

Kemusnahan institusi Raja-Raja boleh mendatangkan kecelakaan kepada bangsa Melayu. Institusi yang menjadi benteng (dalaman) akan roboh. Institusi raja adalah simbol kepada kuasa politik bangsa Melayu. Kalau diibarat kepada sebatang pokok, institusi itu adalah terasnya. Jika teras itu sudah rosak dan lemah, walaupun besar dan rendang pokok itu, akhirnya dia jatuh dan tumbang secara perlahan-lahan.

Dengan fenomena yang berlaku itu siapakah yang harus disalahkan? Siapakah yang perlu diletakkan dosanya. Pembunuhan di Memali, kemiskinan rakyat, kehilangan institusi raja-raja, siapakah yang boleh kita hukum? Jawabnya ialah perwakilan UMNO itu sendiri kerana mereka lah yang memilih dan bertanggungjawab memberi peluang dan kuasa kepada mereka (pemimpin) itu untuk memerintah negara mengikut kemauan nafsu serakah mereka.

Perwakilan UMNOlah yang harus bertanggungjawab di atas apa yang berlaku ke atas bangsa, negara dan agama. Kerana mereka lah orang yang memberi kuasa dan juga "senjata" kepada pemimpin untuk melakukannya. Jika mereka tidak memberi senjata dan kuasa, mereka itu (para pemimpin) tidak boleh berbuat apa-apa.

Dalam hal ini perwakilan bolehlah dianggap sebagai bapa yang menentukan dan juga memberikan kebebasan kepada anak-anaknya samada untuk menjadi baik ataupun jahat? Kedudukan dan status perwakilan dalam hal ini begitu besar sekali!

Justeru kerana itu, maka adalah amat wajar sekali kalau perwakilan UMNO sekalian memikirkan hal ini dengan masak-masak. Mereka menjadikan setiap undi yang ada kepada mereka dengan niat dan nawaitu untuk membaiki kepincangan masa lampau dan membawa kecemerlangan kepada bangsa mengikut peraturan agama. Mereka menjadikan undi mereka sebagai penentu masa depan negara dan bukannya dijadikan alat (kuasa) kepada seseorang pemimpin untuk melakukan apa sahaja mengikut nafsu mereka.

Perwakilan UMNO khususnya dan ahli UMNO amnya, harus sedar bahawa mereka adalah "Raja", yang boleh menentukan baik buruknya negara pada masa akan datang. Mereka harus bersyukur selagi mempunyai kesempatan itu dan hendaklah digunakan dengan sebaik mungkin. Amanah rakyat yang memilih UMNO patut dihormati dan dijaga. Dalam hubungan itu cita-cita untuk menampilkan pemimpin Islam dalam UMNO mungkin sia-sia, jika pemimpinnya sendiri tidak bersedia me-

lengkapkan diri mereka dengan ciri-ciri dan semangat kepimpinan Islam. Untuk merealisasikan cita-cita ini, semua pihak harus kembali kepada Islam secara total.

### Proses pemilihan pemimpin mengikut Islam.

Sebagai agama yang syumul (lengkap), Islam telah mengatur semua rukun-rukun kehidupan ummahnya. Dari hal-hal sekecil-kecilnya sampailah kepada hal-hal yang sebesar-besarnya. Dari soal yang dianggap remeh temeh, menjaga haiwan ternakan sampai kepada soal yang penting seperti membentuk negara.

Begitu juga dengan perihal untuk memilih pemimpin, Islam telah menggariskan dengan jelas dan nyata. Islam telah menuarkan kaedah dan juga cara-caranya. Semua ini dibentangkan dalam kitab suci Al Quran Nur Karim.

Bagi mereka yang sering membelek Quran, mengkaji dan suka menganalisis firman Allah akan menemui hal-hal ini. Dan kita juga percaya perwakilan UMNO (kecuali sesetengah yang di Sabah) mengetahui hal ini. Tetapi kenapa mereka tidak praktikkan, mungkin kerana segelintir sahaja yang menganggapnya penting, sementara yang lain pula merasa *inferiority complex* untuk membentangkan kepada UMNO.

Sementara setengah yang lain dalam UMNO mungkin tidak mengetahui hal ini, dan tidak merasa tertarik disebabkan mereka sudah ketagihan dan fasih dengan kitab-kitab sekular yang ditulis oleh ulama Yahudi dan juga Orientalis Barat, seperti Machiavelli, Martin Luther, Thomas Hobbes, John Locke, Rousseau, Thomas Paine dan lain-lain.

Perkara terpokok yang ditekankan dalam proses pemilihan pemimpin dalam Islam ialah, sikap bermusyawarah - yakni berbincang sebelum mengambil keputusan. Islam tidak menggalakkkan pemilihan pemimpin dibuat secara melobi dan undian, kecuali dalam hal-hal tertentu, setelah diadakan kempen kehebatan diri seseorang tokoh dan juga kemurnian dasar perjuangan masing-masing.

Dalam soal memilih pemimpin, Islam menggalakkkan diada-

kan perbincangan secara tertib dan mengangkat dikalangan yang layak dengan *consensus* dalam perbincangan. Dalam Islam pemilihan pemimpin tidak dibuat secara tersembunyi seperti mana berlaku dalam sistem pemilihan (demokrasi) hari ini dengan cara undi sulit.

Dalam hal ini parti Pas telah cuba mengamalkannya. Adalah baik kalau UMNO turut mengamalkan apa yang dilakukan oleh Pas. Walaupun Pas belum mempraktikkan secara menyeluruh, tapi setiap kali Pas mengadakan pemilihan puncuk pimpinan, parti itu tidak pernah dilanda kegawatan yang rewel. Dan sudah pasti jika Pas bersedia untuk mengamalkan secara total, segala bentuk kepincangan-kepincangan kecil yang masih menghimpit parti itu juga akan terhindar.

Kaedah ataupun formula untuk memilih pemimpin ini ditunjukkan dengan jelas oleh Rasulullah. Terdapat sebuah hadith baginda yang menerangkan kaedah-kaedah untuk mengangkat pemimpin dan juga menyenaraikan kriteria-kriteria yang harus ada kepada seseorang yang hendak dipilih menjadi pemimpin.

Dalam hadith itu menyebut sekurang-kurang ada lima perkara pokok ataupun kaedah yang patut ada kepada seseorang yang hendak diangkat menjadi pemimpin.

1. Alim - hafiz Quran dan hafal Hadith Nabi, serta tahu seluk beluk dan hal ehwal kepimpinan.
2. Yang lebih tua (matang).
3. Yang lebih awal memeluk Islam.
4. Yang lebih warak (aura).
5. Yang lebih dahulu melakukan Hijrah ataupun menunaikan Haji.

Itulah lima kriteria ataupun ciri-ciri yang ditekan dalam Islam. Dalam pada itu kaedah untuk mengangkat seseorang itu menjadi pemimpin, ialah mereka yang memenuhi syarat-syarat serta mempunyai keistimewaan dan juga kelebihan tersendiri.

Misalnya jika semua calon pemimpin itu mempunyai ke-

wibawaan dan juga keistimewaan yang hampir sama; sama-sama hafal Quran dan Hadith, sama pula usianya, sama-sama warak, sama-sama telah berhijrah dan menunaikan fardu Haji, maka hendaklah dipilih secara syura - perbincangan dengan cara baik untuk memilih salah seorang daripada calon-calon itu menjadi pemimpin.

Demikianlah betapa teratur dan tertibnya proses pemilihan pemimpin dalam Islam. Ia dibuat bukan kerana kelebihan seorang itu pada hartanya atau kerana kehebatannya dibidang dunia lain, tetapi kerana kelebihan yang telah disenaraikan di atas tadi.

Dari pengertian Hadith tersebut maka jelas kepada kita, sekiranya seseorang itu perah bercakap, mempunyai harta banyak, berwajah tampan atau cantik, namun jika ia tidak memenuhi kriteria diatas itu, ia tidak layak untuk menjadi pemimpin ataupun diangkat sebagai pemimpin.

Islam benar-benar mengangkat pemimpin yang berkelayakan. Justeru itulah, ini memberi satu jawaban kepada kita kenapa Islam pada zaman solehfussoleh dahulu berjaya hingga dapat menaluki 3/4 dunia. .

Malah Islam menolak sama sekali sesiapa yang cuba mempengaruhi untuk mendapatkan jawatan dalam pemerintahan. Hal ini diterangkan sendiri oleh Rasulullah dalam Hadithnya bermaksud:

*Dari Abu Musa r.a. katanya: Saya bersama dua orang kawan saya datang kepada Nabi Saw yang sedang menyatakan; angkatlah kami untuk jawatan pemerintahan, ya Rasulullah. Dan yang seorang lagi menyatakan perkara yang serupa itu pula. Beliau menjawab; Sesungguhnya kami tidak mengangkat untuk itu orang yang memintanya dan tidak pula orang yang sangat mengharapkannya."*

- Riwayat Bukhari.

Soal kedua yang ditekan oleh Islam ialah kemampuan, kredibiliti dan juga keperibadian yang dimiliki oleh seseorang itu. Islam sangat menekan kepada mereka yang berilmu, dan mempunyai akhlak yang baik. Dalam soal ini keperibadian dan sifat-sifat Rasulullah menjadi panduannya. Sifat-sifat yang

dimiliki oleh Rasullullah ialah Siddik, Amanah, Tabligh dan Fatnah.

Ternyata panduan yang ditunjuki oleh Quran dan Hadith itu adalah yang *perfect*, yang tidak boleh kita pertikaikan atau membantahnya. Mungkin kita tidak dapat pemimpin seperti mana yang digariskan oleh Quran dan Al Hadith itu seratus peratus. Tidak mungkin ada manusia yang semaksum Rasulullah lagi selepas baginda. Tidak mungkin ada lagi yang amanah, siddik, fatnah dan juga tabligh seperti Rasulullah. Tetapi adalah tidak mustahil untuk kita menemui orang yang mewarisi sebahagian daripada sifat-sifatnya.

Dalam hal ini para pemikir dan ulama Islam membuat penghuraian sendiri mengenai sifat-sifat atau ciri-ciri yang patut ada kepada seseorang pemimpin Islam. Sudah tentu huraian ini juga bertunjangkan kepada asas Quran dan Hadith tadi. Mungkin kalau kita tidak menemui orang seperti mana ditunjuki Quran dan Hadith itu, tetapi kita mungkin dapat menemui pemimpin seperti mana kata pemikir Islam ini.

Pertama kita perhati apa kata Al-Farabi mengenai asas-asas seorang pemimpin yang baik; "Kesempurnaan tubuh, pemahaman yang luas, penggambaran yang menyeluruh, kesempurnaan ingatan, kemampuan mengenal pasti akar umbi sesuatu dengan hujah yang sedikit, kesanggupan menyampaikan sesuatu dengan benar berdasarkan kepada kecintaan ilmu, menghindari permainan percuma (politiking - Pen) sia-sia, kemampuan membendung keinginan makan berlebihan serta hawa nafsu yang lain, lapang hati dan cintakan keadilan, bencikan paksaan, tidak mengenal takut dan melakukan sesuatu mengikut keyakinan dan cukup keupayaan."

Al Ghazali pula menyarankan: "Mempunyai daya intelek yang tajam, berpengetahuan dan berfungsi, sayang kepada rakyat, diplomatik, berpandangan jauh, tegas, benar-benar berazam, berpengetahuan mengenai keadaan negara dan sejarah raja-raja dan sentiasa memastikan supaya semua pegawai dan wakil menjalankan tugas mereka dengan baik dan sempurna."

Ibnu Khaldun pula menyebut: "Suka memaaafkan kesala-

han, suka melindungi pihak yang lemah, murah hati pada tetamu, pelihara yang miskin, sabar dalam kesusahan, jujur dalam kata dan laku, menghormati agama dan ulama, serta guru dan orang yang berumur, tidak sompong khususnya pada fakir miskin, suka mendengar teguran, mempunyai semangat jemaah, menghargai dan menghormati kawan, menempatkan orang yang layak ditempat yang perlu dan menjauhi kehidupan mewah.

Demikian pandangan dan juga penghuraian sifat-sifat yang perlu ada kepada seseorang yang ingin menjadi pemimpin mengikut pandangan Al Farabi, Al Ghazali dan Ibnu Khaldun.

Kita yakin dan percaya jika para perwakilan bersedia untuk mengambil asas-asas atau kriteria memilih pemimpin seperti mana yang ditunjuki oleh Quran dan Hadith, serta berpandukan kepada pandangan ketiga orang pemikir Islam tadi, UMNO mampu untuk melahirkan seorang pemimpin yang bertaraf mujaddid pada masa akan datang. Seorang pemimpin yang komited dengan Islam, yang berani dan sanggup melaksanakan sesuatu yang haq.

Hanya dengan menampilkan pemimpin demikian sahaja, baharulah cita-cita agung bangsa Melayu untuk memerdekaan bangsa, negara dan agama melalui UMNO akan berjaya. Tanpa wujudnya pemimpin demikian, adalah sukar untuk melihat UMNO mampu membawa wawasan agung bangsanya itu.

Barangkali adalah mustahil dan tidak mungkin untuk kita mendapat seorang yang maksum dalam UMNO seperti Nabi Muhammad atau memiliki 100% sifat-sifat yang disebutkan diatas tadi untuk diangkat menjadi pemimpin. Namun dalam pada itu, tidak mustahil untuk kita menemui seorang yang memiliki 5% sifat-sifat demikian.

Kalau kita tilik dikalangan tokoh UMNO dengan microscop Islam, mungkin kita akan menemui siapa yang layak. Jika mereka tidak amanah seperti Rasulullah, mungkin ada dalam UMNO yang bercita-cita untuk bersikap amanah dan tidak sanggup bersekongkol dengan kemungkarann.

Kalaupun dalam UMNO tidak ada orang seperti Rasulullah yang bersifat jujur; barang kali ada yang tidak mahu me-


lihat ketidak-jujuran bermaharajalela. Kalaupun tidak ada yang mempunyai sifat fatanah, tetapi ada yang berfikiran kreatif dan juga boleh ditegur. Kalau pun tidak ada yang bersih, tetapi mungkin ada pemimpin yang tidak mempunyai sebarang skandal dan *affair* dengan mana-mana bintang filem, atau artis ataupun isteri orang.

Maka pemimpin-pemimpin sedemikianlah yang patut diangkat dan dipilih oleh perwakilan UMNO untuk menjadi pemimpin dan obor kepada kegemilangan Islam dan bangsa Melayu pada masa akan datang.

Dan sebagai panduan kepada pemimpin yang bakal dipilih nanti, di sini diturunkan pidato sulung Syaidina Abu Bakar as-Siddik sebaik sahaja beliau diangkat menjadi khalifah. Mudahan pidato ini akan menjadi azimat dalam mengingatkan tugas dan tanggungjawab seorang pemimpin. Ia sangat berguna dijadikan sempadan demi memastikan kepimpinannya mendapat keberkatan dunia dan akhirat.

*"Wahai saudara-saudara, sesungguhnya aku telah dipilih untuk memegang kekuasaan atasamu, padahal aku bukanlah terbaik di antaramu, maka jika aku berlaku baik maka bantulah aku tetapi jika aku berlaku kesalahan betulkan aku. Kejujuran adalah amanah, dusta adalah khianat. Barang siapa yang lemah antara kamu akan menjadi kuat di sisiku sehingga aku kembalikan haknya, insya-Allah. Barang siapa yang kuat antara kamu akan menjadi lemah di sisiku sehingga aku ambil hak orang lain ditangan yang serupa. Taatilah aku selagi aku taat kepada Allah dan Rasul-Nya, apabila aku menderhaka kepada Allah, maka kamu tidak wajib taat kepadaku."*

MOHD SAYUTI OMAR



**2**

# **WAWASAN 2020 TIDAK ISLAMIK?**

**A**KAL BUDI dan pendidikan seseorang boleh mempengaruhi apa sahaja tindakan dan keputusan yang dibuatnya. Jika orang itu terlibat dengan dunia politik, apa juga keputusannya akan dipengaruhi oleh budaya dan pendidikannya. Begitu juga kalau dia seorang pemimpin negara, dasar negara, polisi pemerintahannya akan dipengaruhi oleh budaya dan ilmu yang dimilikinya.

Kenyataan ini dirasakan benar jika kita memerhati dan mengambil contoh kepada pemimpin negara kita terutamanya Dr. Mahathir. Setiap keputusan dan dasar negara yang digubal banyak dipengaruhi oleh budaya dan pendidikan yang diterimanya.

Misalnya Wawasan 2020, yang merupakan wawasan Dr. Mahathir untuk memajukan negara dalam masa 30 tahun akan datang, ianya digubal mengikut akal budi dan ilmu yang ada kepadanya. Gagasan itu digubal menurut acuan pemikiran Dr. Mahathir dan berdasarkan ilmu yang ada padanya.

Kesemua sembilan perkara yang menjadi kerangka Wawasan itu berdasarkan kepada kebendaan. Wawasan itu telah memberikan tumpuan spesifik dan special kepada pembangunan lahiriah manusia semata-mata. Tidak ada satu bahagian pun

dalam Wawasan itu yang memberi penekanan kepada kedaulatan agama Islam. Ataupun yang mempercayai bahawa pendekatan (akidah) agama boleh memajukan hidup manusia di dunia dan akhirat.

Demikianlah akal budi dan pendidikan mempengaruhi Dr. Mahathir dalam usahanya membangun bangsa Malaysia (negara) menjadi bangsa contoh dikalangan negara-negara membangun.

Takdirnya Dr. Mahathir Mohamad menerima pendidikan agama dan dididik dalam lingkungan budaya Melayu tulen yang bertunjangkan kepada Islam, sudah pasti wawasan yang digarapkan itu akan berteraskan kepada Islam. Wawasan itu akan memberikan penekanan kepada kedua aspek hidup manusia - dunia dan akhirat. Mahathir tentu sekali akan menjadikan Islam sebagai roh kepada wawasannya itu.

Mungkin kini Wawasan 2020 itu juga tidak disebut sebagai wawasan 2020, sebaliknya akan bertukar menjadi Wawasan Islam Malaysia.

Wujudnya demikian kita tidak boleh salahkan kepada Dr. Mahathir. Ini berlaku kerana beliau tidak mempunyai asas didikan agama Islam yang mantap serta tidak dididik untuk mengenal akar umbi budaya Melayu sebenarnya. Maka apa juga keputusan tindakan dan visinya berpandukan kepada ilmu yang dimiliknya.

Dan dalam hal ini lebih malang lagi kerana orang yang rapat dengan Dr. Mahathir juga terdiri dari mereka mempunyai asas pendidikan yang sama dengan beliau. Maka tidak adalah penasihat yang tahu mengenai agama untuk memberi didikan dan pengetahuan mengenai Islam kepada beliau. Se mentara kalau ada yang tahu mengenai agama tidak pula menasihatnya. Mereka lebih suka mengampu demi *survival* diri mereka sendiri. Orang-orang seperti Wan Mokhtar Ahmad, Yusof Noor, Hamid Othman sangat arif mengenai agama. Tepati mereka ini merasa *inferiority complex* dan tidak yakin dengan ilmu mereka.

Mereka tidak percaya kalau mereka mempertahankan agama, bercakap atas asas agama, mereka boleh popular seperti

tokoh-tokoh lain. Dalam erti kata lain orang-orang ini tidak yakin dengan sistem Islam. Malah secara tidak langsung orang inilah menjadi perosak kepada agama.

Justeru itu kalau UMNO benar mahukan kepada perubahan terhadap perkembangan dan kemajuan agama, perwakilan UMNO jangan sahaja tonjolkan mereka yang berpendidikan dan berlatar belakang Islam sahaja, tetapi carilah orang yang telah mengimplementasikan Islam dalam kehidupan mereka dan bukannya yang munafik!

Satu perkara lagi yang jelas wawasan 2020 itu juga membelakangkan kepentingan bangsa Melayu. Dr Mahathir tidak menjadikan aspirasi dan keazaman Melayu sebagai intipati atau roh wawasan itu. Keadaan ini bahaya, kerana jika wawasan itu berjaya, identiti dan tradisi dan juga ciri-ciri kemelayuan lama kelamaan akan lenyap.

Dalam menggarapkan wawasan itu Mahathir seperti lupa perjuangan Melayu asal, untuk mendaulatkan bangsa Melayu di atas muka bumi ini. Untuk menjadikan bangsa Melayu sebagai tuan di tanah airnya ini. Menjadikan bangsa Melayu sebagai kerangka dalam segala pembentukan negara. Mahathir lupa?

Dengan hasrat mahu mewujudkan satu bangsa (bangsa Malaysia) kita bimbang identiti Melayu akan terhakis sebaliknya identiti dan rupa diri bangsa lain yang dominan.

Demikianlah akal budi, pendidikan, lingkungan hidup amat penting dalam membentuk seseorang agar menyintai Allah dan menghalakan diri ke jalan sebenarnya.

## Wawasan 2020

Untuk membuktikan yang Wawasan 2020 tidak memberi emphasis kepada Islam serta membelakangkan aspirasi bangsa Melayu disini diturunkan kesembilan perkara yang menjadi dasar ataupun rangka wawasan tersebut. Dengan ini kita dapat menilai sejauh manakah falsafah Islam, pegangan Islam diam-bil kira dalam pembentukan wawasan ini.

1. Mewujudkan negara Malaysia bersatu, yang mempunyai

matlamat yang dikongsi bersama. Ia mesti menjadi negara yang aman, berintergrasi diperingkat wilayah dan kaum, hidup dalam harmoni bekerjasama sepenuhnya, secara adil, dan didokong oleh satu bangsa Malaysia yang mempunyai kesetiaan politik dan dedikasi kepada negara.

2. Mewujudkan sebuah masyarakat yang berjiwa bebas, tenteram dan maju dengan keyakinan terhadap diri sendiri, bangga dengan apa yang ada, dengan apa yang dicapai dan gagah menghadapi segala masalah. Masyarakat Malaysia ini mesti dapat dikenali melalui usaha mencapai kecemerlangan, sedar semua kemampuannya, tidak mengalah kepada sesiapa dan dihormati oleh rakyat negara lain.
3. Berusaha mewujudkan dan membangunkan masyarakat demokratik yang matang, mengamalkan satu bentuk persefahaman yang matang, demokrasi Malaysia berasaskan masyarakat yang boleh menjadi contoh kepada banyak negara membangun.
4. Mewujudkan masyarakat yang sepenuhnya bermoral dan beretika, yang mana warganegaranya kukuh dalam nilai agama dan kejiwaan dan didorong oleh tahap etika paling tinggi.
5. Mewujudkan masyarakat liberal dan bertolak ansur, yang mana rakyat Malaysia pelbagai kaum bebas mengamal adat, kebudayaan dan kepercayaan agama mereka, dan pada masa yang sama, meletakkan kesetiaan mereka kepada satu negara.
6. Mewujudkan masyarakat saintifik dan progresif, masyarakat yang mempunyai daya perubahan yang tinggi dan memandang jauh ke depan, yang bukan saja menjadi pengguna teknologi, tetapi juga penyumbang kepada tamadunan saintifik dan teknologi masa depan.

7. Mewujudkan masyarakat penyayang dan budaya menyayangi, iaitu sistem sosial yang mana kepentingan masyarakat lebih diutamakan daripada diri sendiri, yang mana kebajikan insan tidak akan berkisar kepada negara atau orang perseorangan, tetapi di kelilingi sistem keluarga yang kukuh.
8. Memastikan masyarakat yang adil di bidang ekonomi. Ini adalah masyarakat yang melaksanakan pengagihan kekayaan negara secara adil dan saksama, yang mana wujud perkongsian sepenuhnya bagi setiap rakyat dalam perkembangan ekonomi. Masyarakat sedemikian tidak akan wujud jika masih ada pengenalan kaum berdasarkan fungsi ekonomi dan kemunduran ekonomi berdasarkan kaum. Dan...
9. Mewujudkan masyarakat makmur yang mempunyai ekonomi bersaing, dinamik, giat dan kental.

Demikianlah sembilan Wawasan Dr. Mahathir Mohamad yang diimpikan terlaksana dalam masa 29 tahun dari sekarang. Ternyata wawasan itu mencerminkan kesungguhan Mahathir dalam melahirkan generasi Malaysia yang berfikiran besar, *dedicated* dan dinamik (berdaya maju).

Jika kita meneliti daripada ke sembilan Wawasan itu, jelas ianya menekan kepada pembangunan dunia semata-mata. Sedikitpun Mahathir tidak menekan kepada pembangunan rohani manusia itu sendiri. Wawasan itu juga dikira tempong dan bertentangan dengan semangat dan aspirasi orang Melayu yang telah meletakkan kepentingan agama selepas kepentingan bangsa dalam peti perjuangannya.

Mahathir tidak sedikit pun menjadikan Islam sebagai satu juzu yang diperjuangkan. Ataupun menyakini bahawa kemurnian agama Islam dapat membentuk keperibadian generasi akan datang menjadi maju dan dinamik. Dalam setiap perkara berhubung dengan pembentukan masyarakat, beliau mahukan masyarakat yang berakhlaq dan berkeperibadian, tetapi beliau tidak menyatakan apakah teras ataupun sumber untuk me-

wujudkan perkara itu.

Lantaran itu kita menjadi tertanya-tanya dimanakah sumber atau pegangan yang dijadikan asas ataupun acuan untuk melahirkan masyarakat yang diimpikan itu. Mahathir tidak menyatakan, apakah sumber yang memungkinkan lahir masyarakat demikian.

Mungkin masyarakat berdaya maju dan berfikiran besar akan lahir nanti tanpa ada asas dan tunjang jati. Dari sini menggambarkan, masyarakat Wawasan 2020 yang lahir nanti tanpa teras dan didikan agama mereka menjadi seperti robot.

Apa perlu disedari masyarakat yang lahir tanpa teras dan pegangan diri, menyebabkan masyarakat itu akan kelam kabut dan berantakan. Menjadi masyarakat tidak bermoral, tanpa pegangan dan punya keperibadian luhur, seperti mana masyarakat di negara Barat.

Lantaran itu kita tidak yakin wawasan Mahathir akan berjaya. Sekiranya ia tidak meletakan agama sebagai pegangan dan panduan maka cita-cita dan impian Dr. Mahathir itu hanya sebagai mimpi sahaja. Kalau pun terbentuk sebuah masyarakat dalam masa 30 tahun lagi, ia ternyata menjadi sebuah masyarakat robot yang tidak mempunyai perasaan kemanusiaan dan keyakinan kepada diri sendiri.

Demikianlah akal budi, pendidikan, lingkungan hidup amat penting dalam membentuk seseorang agar menyintai Allah dan menghalakan diri ke jalan sebenarnya.

Dalam hal ini kita tidak boleh marahkan kepada Dr. Mahathir Mohamad. Kalau ada dikalangan UMNO yang cintakan Islam dan mahu menjadikan Islam sebagai matlamat perjuangan, mereka tidak boleh marahkan Mahathir. Apa yang Mahathir buat adalah cukup baik mengikut pandangan dan hati budinya.

Apa yang perlu mereka harus perbetulkan keadaan ini. Jika mereka mahukan UMNO melaksanakan apa yang menjadi niat perjuangan mereka (Islam), maka mereka perlu perbetulkan kepincangan ini. Salah satu caranya ialah dengan memilih pemimpin yang mempunyai semangat, cita-cita dan komitmen

kepada Islam. Hanya pemimpin yang type demikian sahaja yang dapat melaksanakan impian tersebut.

Sesuai dengan zaman ini yang merupakan zaman kebangkitan Islam, UMNO mempunyai peluang terbaik untuk mengangkat pemimpin yang mempunyai jiwa Islam. Mereka harus gunakan pernilihan tahun ini sebagai premis persediaan ke arah itu.

Selagi UMNO masih mengangkat pemimpin yang mengagungkan fahamanan nasionalisme sempit yang bersalutan dengan *isme-isme* sekularisme, dan tidak cuba memberanikan diri memilih pemimpin Islam maka selama itu cita-cita mereka (Islam) akan terampungan dan UMNO sendiri tidak mengalami perubahan membanggakan.

Apa yang membimbangkan jika UMNO tidak memilih pemimpin mengikut tuntutan masa dan zaman, UMNO akan ketinggalan dan nasib orang Melayu dan agamanya juga akan hancur lebur. UMNO harus peka kepada tuntutan semasa. Dalam istilah lain UMNO harus mengikut jadual Allah yang telah ditetapkan yang boleh diselongkari dari hadis-hadis nabi.

Pada masa sekarang siapa sahaja yang berjuang tidak menuruti jalur semasa atau menongkah arus mereka akan kecundang. Perjuangan itu akan sia-sia sahaja.

Jikalau para perwakilan berani membuat perubahan dalam UMNO, kita cukup percaya dan yakin UMNO akan mengalami perubahan yang maha dahsyat. UMNO akan menjadi lebih gemilang, lebih berjaya dari apa yang telah dicapai sebelum ini.

Sekiranya UMNO bersedia menukar tradisi dan dasar perjuangan, kita cukup yakin UMNO mampu menjadi pemimpin kepada kebangkitan Islam di sebelah timur ini. UMNO boleh menjadi pencetus kepada kesemarakan semangat Islam di Nusantara ini.

Tetapi soalnya apakah perwakilan UMNO peka kepada perkembangan ini serta berani membuat perubahan ke atas struktur kepimpinan UMNO? Perubahan pertama yang perlu dilakukan ialah dengan mengambil pemimpin yang berjiwa Islam, ada pengetahuan dan committed dalam Islam untuk

memimpin UMNO.

Sudah pasti kalau seorang tokoh Islam naik dalam UMNO dia akan berjaya mengubah suaikan UMNO. Dia akan menjadi UMNO sebagai sebuah gerakan Islam di rantau sebelah sini. Ia tidak akan kekalkan UMNO terus menjadi wadah atau lapangan tempat elita Melayu mencari rezeki dan mengumpul harta.

Apa yang kita mahu UMNO harus mempunyai skop dan ruang lingkung serta komitmen perjuangan lebih luas dari itu. Jadikan UMNO sebagai sebuah perjuangan universal. Ia bukan sahaja setakat memikirkan nasib Melayu dan Islam di sini, tetapi di seluruh dunia ini.

Bagi mereka yang sedar dan ikhlas dalam perjuangan, akan menyedari bahawa perjuangan UMNO itu terlalu sempit. Ia seperti perjuangan regionalistik yang hanya untuk menyelamat segolongan manusia sahaja.

Kenapa terjadi demikian? Puncanya ialah kerana mereka yang memimpin UMNO terdiri mereka yang sama jenisnya. Mereka yang lahir dari rahim budaya dan ilmu yang sama. Mereka yang sama-sama dibesarkan dan dididik dalam suasana sekular. Sejak dari Tuanku Abdul Rahman hingga ke Dr. Mahathir.

Perhatikan bagaimanakah budaya hidup Tuanku dan juga asas pendidikannya. Beliau mendapat pendidikan di London dan dididik dalam keadaan yang mewah. Begitu juga dengan Allahyarham Tun Razak, asas pendidikannya juga sekular, beliau menuntut di London. Hussein Onn juga kelulusan "pondok" di London. Pun begitu dengan Dr. Mahathir; mereka ini tidak pernah mendapat didikan agama dan asas Islam yang kuat. Mereka ini antara pemimpin yang tidak yakin pada kekuatan Islam sebagai agama pemerintah. Mereka mengambil Islam hanya sebagai baju diri sahaja kerana kebetulan mereka dilahirkan oleh ibubapa beragama Islam.

Lantaran asas pendidikan dan budaya yang dipakai oleh pemimpinnya begitulah menyebabkan UMNO *rigid* dan tidak berkembang. Dasar dan matlamat UMNO tidak berubah, ia

menjadi sempit dan kedaerahen. Kesenambungan melahirkan pemimpin demikian menyebabkan beterusannya kesenimbungan stail dan budaya stereotype dalam UMNO.

Kini sudah sampai masanya untuk ahli UMNO bertindak merombak perjuangan parti itu. Mereka patut melebarkan perjuangan UMNO menjadikan perjuangan yang universal. Menjadikan perjuangan UMNO bukan sahaja untuk membawa kesejahteraan dunia semata-mata, sebaliknya kesejahteraan akhirat juga.

Sudah sampai masanya untuk perwakilan (UMNO) membuat perubahan, mengubah corak dan stail serta matlamat perjuangan UMNO. Untuk merealisasikan ini ia bukan setakat melambung slogan, tetapi UMNO harus menampilkan seorang pemimpin yang berjiwa besar, berani, berpandangan jauh dan punya hubungan antarabangsa yang baik khususnya dengan negara-negara Islam.

Kita percaya kalau UMNO dapat memilih pemimpin yang demikian, dalam masa 30 tahun lagi perjuangan UMNO bukan lagi seperti hari ini. UMNO tidak lagi menjadi wadah tempat mencari makan ataupun syarikat perniagaan bagi sesetengah Melayu tetapi UMNO akan menjadi satu gerakan Islam penting di rantau sebelah sini di akhir abad ini.

Pada waktu itu, nama UMNO juga mungkin sudah bertukar daripada *United Malay National Organization* kepada *United Muslim International Organization* (UMIO).

Untuk mencapai dan membawa UMNO ke arah itu tidak mustahil, kerana segala apa diatas dunia ini bermula daripada "tidak ada" kepada ada.

Bangsa yang berjiwa besar itu ialah yang berani membangunkan empayaranya sendiri!




Dendangan terakhir daripada Dr. Mahathir dan Siti Hasmah, lagu  
"Selamat Tinggal Bungaku"

MOHD SAYUTI OMAR



Ya Allah ya tuhanku selamatlah Perhimpunan Agung kali ini, jangan pula tradisi bertukar menjadi tragedi. Nampaknya Mahathir awal-awal lagi sudah berdoa.



**3**

## **ANTARA TEKNOLOGI USANG & POLITICIAN LAMA**

**K**ITA jarang sekali mendengar Encik Ghafar Baba mengeluarkan pendapat yang bernas atau saranan-saranan yang hebat dan bermutu tinggi. Apa yang sering terluah dari mulut Timbalan Perdana Menteri ini ialah mengenai hal-hal yang remeh temeh. Pasal perkara-perkara kecil yang tidak menyentuh minda langsung. Encik Ghafar jarang sekali bercakap perkara yang boleh mencabar pemikiran orang Melayu.

Yang selalu diperkatakan beliau ialah mengenai soal perpaduan kaum, soal pendatang haram dan soal peneroka Felda dan Felcra. Lain pada itu beliau akan bercakap pasal projek ber-billion-billion. Kalau ada pilihan raya kecil, maka Encik Ghafar Baba akan menaburkan janjinya untuk membawa projek bernilai berbillilon-billion. Dia menjadi "taukeh" yang menjaja projek. Sebab itu beliau digelar sebagai **Mr Billion**.

Mengenai perkauman sudah berbuih mulut Encik Ghafar memperkata perihal itu. Tetapi tahap perpaduan rakyat Malaysia masih lagi duduk di tahap lama. Komen terbaru mengenai perpaduan kaum ialah tidak wujudnya perpaduan dalam badan-badan dan kelab sukan.

Sikap berpuak-puak mengikut etnik masih berlaku. Orang

China hanya sedia membantu orang China dalam bidang perniagaan, orang Melayu bermiaga sesama Melayu sahaja. Semen-tara orang India pula sesama India sahaja. Pendeknya per-pa-duan kaum di negara ini hanya wujud diatas kertas sahaja, tetapi tidak dapat dipraktikkan 100% dalam kehidupan sehari-hari.

Begitu juga mengenai nasib hidup para peneroka. Barang kali sudah lebih 40 tahun Encik Ghafar memperjuangkannya, tetapi keadaan para peneroka masih ditahap lama. Kehidupan mereka tidak mengalami perubahan besar, setanding dengan perubahan negara.

Kalau dulu mereka mempunyai pendapatan sekitar RM 3 hingga RM 5 sehari, maka hari ini begitu jugalah nasib para peneroka kita. Kalau dulu mereka bersungut pasal tidak dapat memiliki geran tanah terokaan mereka, maka hari ini masalah itu jugalah yang menjadi ular sawa yang membelit kehidupan mereka.

Pendeknya nasib peneroka tidak berubah, di mana sahaja Encik Ghafar pergi, masalah itulah yang diperkatakan dan dikendungnya macam orang Asli mendukung anaknya masuk ke hutan, tetapi nasib peneroka tetap juga begitu!

Mengenai pendatang haram, akhir-akhir ini Ghafar seperti menjadi jurucakap pasal pendatang haram pula. Suatu ketika dulu beliau telah membuka pintu seluas-luasnya kepada pendatang haram masuk ke Malaysia. Maka wujudlah berbagai agensi pengambilan pendatang haram. Katanya agensi yang mengendalikan kemasukan pendatang haram itu dimonopoli oleh company anaknya. Tamrin dikatakan menjadi orang kaya baru sekejap. Bayangkanlah kalau setiap seorang pendatang dikenakan bayaran antara RM 500 hingga RM 1000.

Sejak Encik Ghafar Baba membuka pintu itu beratus ribu pendatang haram terutamanya dari Indonesia, Bangladesh, dan Ceylon masuk ke Malaysia. Kini kita menghadapi kelebihan pendatang haram, dimana jumlahnya sudah sampai 450,000 yang didaftarkan, manakala yang tidak didaftarkan dianggar lebih 300,000. Secara tidak langsung pendatang haram kini menjadi satu masalah baru kepada negara kita.

Kerana terlalu ramai pendatang haram masuk, sedangkan peluang perkerjaan dan guna tenaga mereka terhad maka mereka menjadi satu masalah baru. Berlakunya pencurian, rompakan dan jenayah di kalangan mereka. Kadang kala orang kita (rakyat Malaysia) juga turut sama menjadi mangsa.

Fenomena ini mungkin dapat dirasai oleh penduduk di sekitar Kuala Lumpur. Kalau suatu masa dulu mereka dapat membiarkan kain di hamparan begitu sahaja, tetapi hari ini tidak boleh lagi. Lepa mata sikit, kain itu akan disapu bersih. Kalau dulu penduduk flat boleh tinggalkan kasut di luar, tetapi hari ini, janganlah buat kalau tidak mahu beli kasut baru, atau balik berjalan kaki ayam.

Jenayah kecil itu tidak terjadi sebelum kebajiran pendatang haram dari Indonesia. Tetapi sejak Encik Ghafar membuka pintu negara, Kuala Lumpur telah melimpah dengan kebanjiran mereka, maka jenayah-jenayah "bilis" begitu sudah mula menjadi satu asam garam yang sungguh menyakitkan hati rakyat Malaysia. Itulah kesan daripada dasar politik Encik Abdul Ghafar bin Baba.

Menghimpun segala topik-topik yang dicakap dan dipertjuangkan oleh Ghafar Baba, (dan ianya masih belum dapat diselesaikan hingga sekarang, malah sesetengah menjadi semakin rumit), menyebabkan kita akan bertanya, sejauh manakah kewibawaan dan kesungguhan Ghafar Baba dalam menyelesaikan masalah itu?

Sehingga sekarang perpaduan yang dilaungkan itu masih belum menjadi kenyataan seratus peratus? Para peneroka yang sangat mengharapkan pembelaan seperti dipermain-mainkan. Pendatang haram pula semakin hari semakin bertambah dan menjadi kronik.

Semua ini siapa yang bersalah? Bila kita melihat masalah ini dengan konteks semasa dan perjuangan politik Encik Ghafar Baba, maka beliaulah yang perlu memikulkan masalah ini. Beliaulah yang bertanggungjawab. Dan kegagalan itu semua menunjukkan kurang mampunya beliau dalam menyelesaikan masalah negara. Kegagalan itu semua dan sesetengah masalah

semakin merebak menunjukkan kurang bijaknya Encik Ghafar dalam menyelesaikan masalah sosial.

Dari sinilah barang kali menjadi ukuran kepada umum bahawa Encik Ghafar Baba tidak mampu untuk menjadi pemimpin dalam saat Malaysia menuju Wawasan 2020.

Lantaran kerana terbiasa dengan isu-isu kecil yang remeh temeh dan juga kegagalan Encik Ghafar menanganinya, menyebabkan kenyataan-kenyataan Ghafar tidak menjadi perhatian. Pandangan Ghafar tidak diberi tumpuan. Dan saranannya juga tidak dijadikan sebagai titik pemikiran kepada rakyat Malaysia. Ada kala pandangannya dibiarkan begitu sahaja. Orang tidak pernah terkejut dan memandang serius kepada pendapatnya. Paling malang kegagalan itu dikaitkan dengan kemampuan dan kredibilitinya.

Justeru kerana kebiasaan itu, baru-baru ini apabila Encik Ghafar Baba bercakap pasal bahasa dan teknologi usang ia seperti memukau orang ramai kerana topik seperti itu tidak pernah disentuh olehnya sebelum ini Encik Ghafar dirasakan seperti dalam bermimpi dan orang tidak percaya bahawa Encik Ghafar Baba sudah mengubah topik percakapannya kepada masalan-masalah yang basi (*obsolete*) kepada masalah yang dikira biasa mengugat minda Melayu.

Mungkin pandangan dan saranan yang diberikan oleh Encik Ghafar baru-baru ini boleh mengejutkan para sarjana dan tokoh akademik yang memandang lesu kepada saranan dan pendapat Ghafar sebelum ini. Mungkin juga sejak itu menyebabkan sarjana telah mencatatkan nama Ghafar sebagai tokoh idealis penting negara.

Cuba kita renungi dan hayati saranan dan pandangan Encik Ghafar mengenai bahasa dan teknologi. Kata Encik Ghafar Baba, Bahasa Melayu akan menjadi bahasa dunia apabila negara ini mencapai taraf pembangunan ekonomi yang tinggi.

Alasan yang diberinya, apabila negara kita sudah maju dan dapat menguasai bidang teknologi menyebabkan orang luar yang hendak mempelajari teknologi kita mereka terpaksa mempelajari bahasa kita.

Dalam istilah lain Ghafar berharap, apabila kita sudah berjaya dalam bidang teknologi, kita akan menggunakan perantaraan teknologi itu dengan bahasa kita sendiri dan tidak lagi menggunakan bahasa teknologi orang lain.

Nah... hebat pandangan Encik Ghafar Baba. Sudah tentu para pejuang bahasa sangat senang dengan kenyataan Ghafar itu?

Sementara dalam hubungan ini kata beliau, bagi menjaminkan industri negara berkembang, negara ini memerlukan pemindaian teknologi yang terkini, dan bukannya yang sudah usang. Maksud Encik Ghafar, kita tidak mahukan mesin-mesin yang telah diguna oleh negara Barat kemudian diimport oleh kita dengan separuh harga, seperti mana berlaku ke atas pembelian alat-alat pertahanan negara, dimana kerajaan membeli jet-jet pejuang yang sudah dipakai. Kesannya menyebabkan teknologi "janda" itu mendatang masalah kepada negara dan membahayakan penggunaannya.

Kita mahukan kepada teknologi yang baru, yang belum diguna dan dipakai oleh negara lain. Dalam istilah lain, kita perlu melahir dan mencipta teknologi kita sendiri.

Nah...demikian dua pandangan dan pendapat Encik Ghafar Baba yang dikira *brilliant* dan sama hebat dengan pandangan Saddam Hussein dan George Bush bekas Presiden Amerika. Pandangan itu sesungguhnya mengejutkan banyak pihak, bukan sahaja rakyat kelas rendah yang biasa mendengar Encik Ghafar bercakap pasal setinggan, tetapi juga para teknokrat, para sarjana, saintis, sejarahwan, atlit dan lain-lain. Untuk itu syabas diucapkan kepada Ghafar bin Baba.

Memang kita berharap demikian, terutama dalam soal bahasa Melayu. Kita sudah lama memperjuangkan untuk mendaulatkan bahasa Melayu. Tetapi malangnya cita-cita itu menjadi satu pesaka lapok. Usahakan hendak memperbaiki sebutan bahasa dikalangan rakyat marhain yang tidak mengetahui peranan bahasa dalam tamadun kehidupan, hendak betul sebutan bahasa dikalangan pegawai kerajaan dan menteri yang begitu tahu peranan dan pengaruh bahasa dalam ketamadunan

bangsa pun susah. Malahan mereka masih mendewa-dewa bahasa Inggeris. Pada mereka tanpa bahasa Inggeris nilai *educated* mereka jatuh.

Masalah bahasa menjadi sama kronik dengan masalah perpaduan kaum. Kita mengakui bahasa Melayu, bahasa kebangsaan tetapi kita liat untuk menggunakannya. Kita merasa malu untuk menggunakan bahasa Melayu dalam conference atau seminar besar. Semangat bangsa kita terhadap bahasa Melayu tidak seperti semangat orang Indonesia yang berani menggunakan bahasa Melayu dalam semua urusan rasmi mereka. Jadi sampai ke bila pun bahasa kita tidak akan menjadi bahasa dunia seperti mana Encik Ghafar impikan itu, kerana orang kita sendiri jijik kepada bahasa kita. Impian Ghafar itu akan menjadi impian semata-mata sampai ke bila-bila pun selagi orang Melayu tidak sanggup mengubah sikapnya.

Makanya, kalau soal bahasa kita sudah tidak bisa untuk menguasainya, apa lagi mengenai bidang sains yang kita tidak mempunyai asas dan budaya sains yang mantap, lebih-lebihlah tidak berjaya.

Kalau bahasa yang boleh diperjuangkan dengan semangat patriotik pun tidak berjaya, apa lagi teknologi yang memerlukan bukan sahaja semangat sebaliknya kemahiran dan daya kreativiti yang tinggi, makinlah tidak berjaya.

Apabila kita menyedari kepincangan dan ketidak logikan ini maka kita secara diam-diam pula merasakan betapa tidak logiknya pandangan Encik Ghafar Baba itu. Kita merasakan saranan Encik Ghafar Baba itu dibuat tanpa berasaskan kepada kemampuan kita. Maka itu jadilah pandangan Encik Ghafar sebagai sengaja dibuat-buat untuk menunjukkan dia hebat konon, sedangkan saranan itu jauh daripada rasionalnya.

Cuba kita perhati ulasan seorang sarjana terhadap impian Encik Ghafar Baba itu, katanya;

"Menguasai dan menghayati sains sebagai ilmu yang bersifat rasional sebenarnya menuntut transformasi budaya yang mendalam dan menyeluruh sifatnya dalam pemikiran dan pandangan hidup bangsa kita. Budaya

Dalam istilah lain Ghafar berharap, apabila kita sudah berjaya dalam bidang teknologi, kita akan menggunakan perantaraan teknologi itu dengan bahasa kita sendiri dan tidak lagi menggunakan bahasa teknologi orang lain.

Nah... hebat pandangan Encik Ghafar Baba. Sudah tentu para pejuang bahasa sangat senang dengan kenyataan Ghafar itu?

Sementara dalam hubungan ini kata beliau, bagi menjaminkan industeri negara berkembang, negara ini memerlukan pemindaan teknologi yang terkini, dan bukannya yang sudah usang. Maksud Encik Ghafar, kita tidak mahukan mesin-mesin yang telah diguna oleh negara Barat kemudian diimport oleh kita dengan separuh harga, seperti mana berlaku ke atas pembelian alat-alat pertahanan negara, dimana kerajaan membeli jet-jet pejuang yang sudah dipakai. Kesannya menyebabkan teknologi "janda" itu mendatang masalah kepada negara dan membahayakan penggunaannya.

Kita mahukan kepada teknologi yang baru, yang belum diguna dan dipakai oleh negara lain. Dalam istilah lain, kita perlu melahir dan mencipta teknologi kita sendiri.

Nah...demikian dua pandangan dan pendapat Encik Ghafar Baba yang dikira brilliant dan sama hebat dengan pandangan Saddam Hussein dan George Bush bekas Presiden Amerika. Pandangan itu sesungguhnya mengejutkan banyak pihak, bukan sahaja rakyat kelas rendah yang biasa mendengar Encik Ghafar bercakap pasal setinggan, tetapi juga para teknokrat, para sarjana, saintis, sejarahwan, atlit dan lain-lain. Untuk itu syabas diucapkan kepada Ghafar bin Baba.

Memang kita berharap demikian, terutama dalam soal bahasa Melayu. Kita sudah lama memperjuangkan untuk mendaulatkan bahasa Melayu. Tetapi malangnya cita-cita itu menjadi satu pesaka lapok. Usahkan hendak memperbaiki sebutan bahasa dikalangan rakyat marhain yang tidak mengetahui peranan bahasa dalam tamadun kehidupan, hendak betul sebutan bahasa dikalangan pegawai kerajaan dan menteri yang begitu tahu peranan dan pengaruh bahasa dalam ketamadunan

bangsa pun susah. Malahan mereka masih mendewa-dewa bahasa Inggeris. Pada mereka tanpa bahasa Inggeris nilai *educated* mereka jatuh.

Masalah bahasa menjadi sama kronik dengan masalah perpaduan kaum. Kita mengakui bahasa Malayu, bahasa kebangsaan tetapi kita liat untuk menggunakaninya. Kita merasa malu untuk menggunakan bahasa Malayu dalam *conference* atau seminar besar. Semangat bangsa kita terhadap bahasa Melayu tidak seperti semangat orang Indonesia yang berani menggunakan bahasa Melayu dalam semua urusan rasmi mereka. Jadi sampai ke bila pun bahasa kita tidak akan menjadi bahasa dunia seperti mana Encik Ghafar impikan itu, kerana orang kita sendiri jijik kepada bahasa kita. Impian Ghafar itu akan menjadi impian semata-mata sampai ke bila-bila pun selagi orang Melayu tidak sanggup mengubah sikapnya.

Makanya, kalau soal bahasa kita sudah tidak bisa untuk menguasainya, apa lagi mengenai bidang sains yang kita tidak mempunyai asas dan budaya sains yang mantap, lebih-lebihlah tidak berjaya.

Kalau bahasa yang boleh diperjuangkan dengan semangat patriotik pun tidak berjaya, apa lagi teknologi yang memerlukan bukan sahaja semangat sebaliknya kemahiran dan daya kreativiti yang tinggi, makinlah tidak berjaya.

Apabila kita menyedari kepincangan dan ketidak logikan ini maka kita secara diam-diam pula merasakan betapa tidak logiknya pandangan Encik Ghafar Baba itu. Kita merasakan saranan Encik Ghafar Baba itu dibuat tanpa berdasarkan kepada kemampuan kita. Maka itu jadilah pandangan Encik Ghafar sebagai sengaja dibuat-buat untuk menunjukkan dia hebat konon, sedangkan saranan itu jauh daripada rasionalnya.

Cuba kita perhati ulasan seorang sarjana terhadap impian Encik Ghafar Baba itu, katanya;

"Menguasai dan menghayati sains sebagai ilmu yang bersifat rasional sebenarnya menuntut transformasi budaya yang mendalam dan menyeluruh sifatnya dalam pemikiran dan pandangan hidup bangsa kita. Budaya

kita tidaklah mempunyai tradisi pemikiran sains yang begitu mantap. Malahan tidak salah rasanya jika dikatakan bahawa bangsa kita masih dalam proses peralihan dari budaya yang berasaskan pertanian sara diri kepada budaya moden dan bandaran yang berasaskan industri.

"Konteks kita dengan tradisi dan teknologi yang terlebih dulu telah berkembang di Barat sejak Revolusi industri itu berlaku dalam suatu hubungan yang bersifat kolonial dengan bangsa-bangsa Barat.

"Oleh yang demikian tradisi sains dan teknologi itu mungkin sahaja masih belum mendarah daging sebagai budaya moden bangsa kita. Memang banyak anggota masyarakat kita yang telah mendapat kesempatan mempelajari ilmu-ilmu moden di negara-negar Barat dalam bahasa-bahasa Barat yang merupakan bahasa pengucapan budaya sains dan teknologi yang telah mantap itu.

"Namun soal yang lebih penting ditanyakan ialah: Apakah kita telah melepaskan diri kita daripada sekadar menjadi para "pengguna" sains dan teknologi Barat itu? Apakah para ahli sains kita sekadar merupakan orang bukan - Barat yang hanya mampu meniru-niru wacana pemikiran sains dalam bahasa-bahasa Barat itu sahaja (khususnya bahasa Inggeris)?

"Sudah berjayahkah kita mengungkapkan kembali budaya sains dan teknologi moden dari Barat itu dalam bahasa kita sendiri, lalu menyerapkannya (dengan penyesuaian yang sewajarnya) ke dalam struktur budaya dan pemikiran kita."

Demikian ulas seorang sarjana Rustam A Sani dalam *Utusan Malaysia* 3hb. Mei, 1993 berhubung dengan saranan dan pandangan Encik Ghafar Baba itu. Disini jelas menunjukkan Rustam tidak yakin ataupun percaya dengan saranan Ghafar Baba itu menjadi satu kenyataan yang semudah seperti diucap-

kan itu. Ulasan itu menunjukkan keraguan beliau kepada rasionalnya saranan dan pandangan Encik Ghafar Baba.

Maka disini kita percaya ramai yang sangsi terhadap apa yang diucapkan oleh Encik Ghafar Baba itu. Ia kelihatan begitu idealis dan praktis sehingga menanpakkan Encik Ghafar meyarankan hal itu dalam sebuah mimpi di siang hari.

Barang kali disebabkan kerapuhan pandangan Encik Ghafar Baba dan kelonggaran fakta saranannya, maka sesekali bila dia bercakap soal-soal berat menjadikan orang tidak yakin kepada keupayaan Encik Ghafar untuk menjadi pemimpin pada masa akan datang. Menyebabkan orang tidak menaruh kepercayaan besar yang beliau layak untuk mengganti Dr Mahathir.

Apabila kita telah tersasul bercakap perihal Encik Ghafar Baba, masa depan dan juga harapannya untuk menjadi Perdana Menteri, secara tidak langsung menyebabkan kita terpanggil untuk bertanya secara ikhlas untuk apakah Encik Ghafar Baba hendak menjadi Perdana Menteri sedangkan kalau dilihat pada usia, pada idea dan sikapnya, beliau tidak sesuai untuk menjadi pemimpin saat negara sedang mengorak langkah ke zaman Dunia Baru Islam ini.

Apakah sebenarnya yang hendak Encik Ghafar perjuangkan apabila beliau menjadi PM kelak? Ataupun apakah rahsia untuk bangsa yang masih belum beliau ungkapkan dan menanti menjadi PM untuk diutarakan?

Atau apakah agaknya bentuk dan stail pemerintahannya nanti. Paling penting, apakah tujuan sebenarnya Encik Ghafar hendak menjadi PM? Sebab kalau dilihat kepada kemampuannya, ternyata dia sudah tidak berdaya lagi. Pandangannya yang obsolete dan *out of date* tidak mungkin laku dan boleh dipakai lagi pada masa akan datang. Seperti kata Encik Ghafar kita tidak perlu lagi kepada teknologi usang dalam usaha mencapai pembangunan negara. Encik Ghafar sedar bahawa sesuatu yang usang sudah tidak berguna lagi.

Sebenarnya pandangan lapuk seperti mana yang yang diluahkan olehnya itu lebih merbahaya daripada pemindahan teknologi usang ke dalam pembangunan negara kerana ia boleh

mengubah semangat dan kesuburan pemikiran manusia?

Dalam hal ini tentu Encik Ghafar mempunyai motif dan juga maksud tertentu. Dia mesti ada sebab tersendiri kenapa dia ingin menjadi PM. Selain daripada ingin mencukupkan rukun dan *profile* sejarah politiknya, Encik Ghafar dilihat ingin menjadikan jawatan itu sebagai batu loncatan untuk menyelamatkan dirinya.

Keinginan Encik Ghafar Baba untuk menjadi PM tidak boleh dinafi dan ditolak oleh sesiapa. Meskipun Ghafar telah menjelaskan beberapa kali tetapi penjelasan itu tidak iklas, ia dilihat sebagai helah politiknya sahaja.

Dalam soal ini Encik Ghafar macamlah Sanusi Junid, yang menjelaskan dia tidak pernah berusaha untuk menjadi Perdana Menteri, sedang hakikatnya dia begitu gigih untuk menempatkan dirinya bagi dinobatkan ke jawatan itu pada suatu masa kelak.

Mungkin orang seperti inilah yang dianggap mempunyai sifat kontradiksi dengan sifat Melayu baru yang berani, innovative dan berterus terang.

Sebenarnya sifat menyembunyikan realiti cita-cita politik umpama burung Puyuh melindungkan diri, kepala tersorot, punggung tertungging. Helah dan muslihat yang tidak bermoral. Sebaliknya orang akan menganggap orang seperti itu pengecut. Dalam hal ini Anwar Ibrahim dirasakan lebih matang dan berani kerana ia sesekali tidak cuba mengelirukan mengehai niat dan ambitionnya untuk menjadi Perdana Menteri.

Kita juga ingin tahu apakah Encik Ghafar belum puas lagi menjadi orang politik. Beliaulah orang paling lama duduk dalam kabinet dan juga dalam UMNO. Kawan-kawannya lain sudah lama berhenti dan pencen, Khir Johari, Hamzah Abu Samah, Samad Idris dan ramai lagi. Mereka itu seangkatan dengan Ghafar bin Baba. Bila orang puji Encik Ghafar sebagai tokoh veteran yang hebat, tak lapuk dek hujan dan tak lekang dek panas, sepatutnya Encik Ghafar tidak perlu merasa bangga. Ia harus menerima pujian itu dengan dua makna. Pertama, dia mungkin diperlu dalam UMNO sebagai bahan antik sahaja

untuk menjadi daya penarik kepada orang lain. Sedangkan disegi nilai kerja, ia sudah tidak sangat diperlukan.

Tahu sendirilah "harga diri" barang antik. Mungkin harganya mahal kerana keantikannya itu, tetapi orang tidak mengguna-pakaikannya, tetapi disimpan sebagai kenangan. Mungkin begitu jugalah yang berlaku ke atas diri Encik Ghafar Baba. Jadi kalau barang antik, dia masih tetap merasakan dirinya seperti barang moden dan baru, nasib Encik Ghafar tidak ubah seperti hidung tak mancung, pipi pula tesorong-sorong.

Ghafar selalu membanggakan dirinya yang tahan lama dan diibaratkan kepada sebuah gasing. Katanya dia sihat kerana dia aktif berpusing seperti gasing. Gasing memang terkenal dengan kuat berpusing. Tetapi tahukah Encik Ghafar, bahawa gasing hanya berpusing di tempat sendiri sahaja - diatas paksinya. Dia tidak mengembang jauh. Dan jika ditanggalkan paksi itu dia akan tergolek.

Begitu juga dengan Encik Ghafar, memang ligat, tetapi tidak berkembang. Fikiran Encik Ghafar tidak innovative, begitu juga tindakan dan keputusan politiknya sudah usang. Cara Encik Ghafar berpolitik masih seperti politik ditahun 50-an. Sudah ketinggalan zaman!

Kita tidak percaya kalau Encik Ghafar mampu membawa kemajuan kepada negara jika ia ditakdirkan menjadi Perdana Menteri. Sebaliknya pemikiran beliau boleh menyekat perkembangan pemikiran bangsa. Apa lagi kepada perkembangan Islam, ia mungkin terhalang kerana komitmen Ghafar kepada agama tidak seberapa. Pendidikan dan pengetahuan beliau dalam bidang agama, tidak membanggakan!. Inilah paling dirisaukan dan membimbangkan.

Apa yang jelasnya Ghafar persis mahu mengambil kesempatan diatas peluang menjadi PM bagi menyelesaikan beberapa masalah bersangkutan dengan dirinya. Dia mahu jadikan jawatan PM sebagai *immunity* bagi menyelamatkan dirinya.

Khabarnya masalah peribadi Encik Ghafar yang paling besar dihadapinya ialah masalah hutang. Encik Ghafar dikatakan sedang menanggung hutang perniagaannya sebanyak lebih

kurang RM 25 juta. Masalah inilah dikatakan menghimpit dirinya menyebabkan Encik Ghafar tidak boleh tidur lena dan sangat mengharapkan jawatan PM untuk membolehkan beliau menyelesaikannya.

Jikalau benar niat Ghafar begitu, mahu menjadikan jawatan PM sebagai immuniti, ternyata perancangan dan nawaitu itu salah. Ia bukan sahaja menyimpang disegi syarak, sebaliknya salah disegi moral dan falsafah perjuangan sebenarnya.

Perjuangan politik bukan mengutama kepentingan diri, tetapi untuk bangsa, agama dan tanahair. Walaupun ada orang mengambil kesempatan diatas kekuasaannya, tetapi itu adalah bukan falsafah perjuangan sebenarnya. Orang yang demikian yang sudah munafik dalam perjuangan!

Sesiapa jua yang memperalatkan perjuangan untuk kepentingan diri, ia tidak sepatutnya disokong. Manusia seperti itu adalah yang munafik dan opportunist dalam perjuangan. Orang yang mengkhanti kemurnian perjuangan dan sekaligus memusnahkan pengharapan bangsa ke atasnya. Ia sama sekali tidak layak untuk menjadi pemimpin.

Adalah mendukacitakan sekali kalau Encik Ghafar cuba menjadikan perebutan jawatannya sebagai PM untuk menyelematkan dirinya. Encik Ghafar sudah mengkhianati kemurnian perjuangannya selama ini.

Pada masa ini langkah paling baik bagi Ghafar dan juga jika beliau mahu dihormati dan dihindarkan dari tuduhan itu adalah elok beliau mengundurkan diri secara terhormat. Encik Ghafar patut menyedari masalah dirinya dan juga kemampuannya. Beliau patut berikan laluan kepada pemimpin muda yang lebih berwibawa.

Ghafar harus peka kepada keupayaan dan kekreatifan beberapa orang tokoh muda seperti Sanusi Junid, Anwar Ibrahim, Abdullah Badawi dan lain-lain. Mereka ini mempunyai pemikiran yang baik untuk kemajuan negara. Janganlah kerana hanya mahu memuaskan nafsu diri sendiri maka kita menyekat peluang orang lain yang relatif lebih layak daripada kita.

Barangkali semua orang setuju, jika Encik Ghafar menarik

diri bersama Dr Mahathir Mohamad dalam setahun dua ini. Orang akan sanjung Encik Ghafar Baba sebagai seorang politik veteran yang *sporting* disepanjang zaman!

Tawaran dan peluang yang diberikan kepadanya untuk mengundur diri adalah merupakan peluang terbaik baginya. Encik Ghafar dikatakan telah ditawar untuk menjadi Pengerusi Perlabuhan Kelang (Port Klang) ataupun dilantik sebagai Gebenor Negeri Pulau Pinang, sekiranya beliau bersetuju mengundurkan diri dan melepaskan jawatan Timbalan Perdana Menteri kepada Anwar Ibrahim.


Sudah tentu jika Encik Ghafar menerima salah satu jawatan itu, ia mungkin dapat mengatasi masalah peribadinya hari ini. Terutama jawatan Pengerusi Perlabuhan Kelang yang dipegang oleh Michael Chan kini. Jawatan itu dikira sangat lumayan dan dapat membantu Encik Ghafar melengsaikan segala hutang piutangnya yang masih ada.

Adalah sesuatu yang terbaik kalau Encik Ghafar memikirkan masalah ini sebelum orang bertindak menjatuhkannya secara tidak beradat. Bertindaklah Encik Ghafar sebelum tradisi dalam UMNO bertukar menjadi tragedi!.



"YAB... disebabkan Anwar begitu bernafsu untuk merampas kerusi saya, saya rasa lebih baik saya undurkan diri sahaja dari kabinet. Saya doakan semoga YAB senang hati dengan keputusan saya ini," mungkin begitulah

Dr. Mahathir Mohamad, disambut di rumah kedua Dr. Mahathir



**4**

**SIAPA KUDA  
ANWAR IBRAHIM?**

**M**uhammad Hj Mohd Taib sudah hampir pasti akan bertanding merebut jawatan Naib Presiden dalam pemilihan akan datang. Beliau awal-awal lagi mengatakan hasratnya untuk bertanding. Dalam suasana orang lain terkial-kial untuk menentukan apakah bertanding atau tidak, Mat Tyson sudah menyatakan pendiriannya. Nampaknya, Muhammad Taib menyediakan "home-work" yang cukup lama untuk mencuba nasib merebut jawatan dalam UMNO. Sebuah buku yang meriwayatkan tentang dirinya juga sudah beredar dan diberi percuma dua bulan lepas!

Dalam perhimpunan 1990 lalu, beliau telah pun dicalonkan untuk merebut jawatan itu. Tetapi Muhammad Taib menarik diri disaat akhir. Beliau hanya bertanding merebut kerusi Majlis Kerja Tertinggi (MKT) dan mendapat undi kedua terbanyak 1259.

Muhammad Taib mempunyai hujah dan alasan tersendiri kenapa ia menarik diri dari bertanding pada tahun 1990. Mungkin dia tidak bersedia ketika itu. Penarikan diri itu ada baiknya kerana kalau dia teruskan juga hajatnya mungkin dia akan menerima nasib sama seperti Muhyiddin Mohd Yassin dan Rahim Tamby Chik.

Dalam hal ini Muhammad Taib dikira punya perhitungan politik agak bijak? Tetapi kalau dia jadi bertanding pada tahun ini, apakah pula alasan mendorong? Apakah dia kini benar-benar bersedia? Apakah dalam masa tiga tahun lalu dia sudah membuat persediaan rapi dari segala sudut? Ataupun percubaan pertamanya ini disebabkan ada motif tertentu? Apakah kerana ia memikirkan pencabar dari golongan Menteri Besar seperti Rahim dan Muhyiddin itu tidak kuat? Maka beliau merasakan dia adalah tokoh dikalangan MB yang berwibawa dan mampu menggugat tiga Naib Presiden sekarang.

Mungkinkah begitu? Muhammad Taib merasakan dirinya kuat. Dia merasakan dia hero apabila dapat membawa Selangor ke tahap pembangunan yang membanggakan? Mungkin dia merasa wira apabila dapat menyelesaikan beberapa isu yang timbul di Selangor, termasuk isu peribadi yang menimpanya. Apakah itu yang dijadikan sandaran untuk beliau bertanding kali ini?

Tetapi persoalannya kini, apakah rasionalnya untuk Mat Taib turut bertanding. Kewajaran menjadi tanda tanya kerana memandangkan kedudukan ketiga tokoh Naib Presiden pada masa ini adalah cocok. Mereka tidak punya cacat cela. Ketiganya mempunyai kekurangan dan kelebihan tersendiri. Sebenarnya tidak ada sebab untuk Muhammad Taib atau sesiapa sahaja cuba menyingkirkan salah seorang daripada mereka.

Apakah tujuan Mat Taib bertanding? Apakah ianya untuk membaiki kedudukannya dalam UMNO! Itulah dua hal yang perlu dijawab; apakah tujuannya untuk menyingkir salah seorang tokoh Naib Presiden ataupun untuk membaiki kedudukannya dalam UMNO?

Melihat kepada suasana dan juga perkembangan politik hari ini, Muhammad Taib tidak ada alasan dan tujuan lain lagi. Kalau ia jadi bertanding, tujuannya satu iaitu hendak menyingkir salah seorang daripada tokoh Naib Presiden. Dan bagi mengemas atau menghalalkan tujuannya, ia akan memberi alasan untuk berkhidmat secara lebih berkesan dan lebih luas lagi dalam parti.

Kita akan merasa terkilan kalau niat Muhammad Taib bertanding semata-mata untuk menyingkirkan salah seorang daripada tokoh itu. Nampaknya Muhammad Taib sengaja mahu memusnahkan karier tokoh berkenaan dan menafikan kehendak perwakilan UMNO 1990. Muhammad tidak patut berbuat demikian. Sebaiknya ia memberi sokongan, bukan melawan.

Sebelum kita mempersoalkan kemampuannya, baik kalau diselidiki siapakah salah seorang dari tiga tokoh Naib Presiden itu yang menjadi idaman Muhammad Haji Muhd Taib untuk "dibunuhnya"? Tidak dapat tidak kalau Muhammad Taib bercita-cita untuk menduduki jawatan itu dia kena membunuh salah seorang darinya kerana jawatan Naib Presiden hanya tiga sahaja? Muhammad Taib terpaksa mengorbankan salah seorang daripada kawannya itu, untuk menempatkan dirinya. Mat Taib kena lakukan korban kubra!

Dalam tahun 1990 dahulu Sanusi telah 'membunuh' Wan Mokhtar Ahmad, calon dari golongan menteri besar. Dengan terkeluarnya Wan Mokhtar, menyebabkan tidak ada lagi wakil menteri besar memegang jawatan Naib Presiden seperti mana tradisinya sebelum ini. Sanusi terpaksa berbuat begitu untuk meletakkan dirinya. Abdullah Ahmad Badawi dan Anwar Ibrahim dikira tidak membunuh Wan Mokhtar kerana mereka berdua mempertahankan jawatan itu.

Sekarang ini nampaknya orang yang menjadi pilihan untuk dibunuh oleh Mat Taib ialah Sanusi Junid, alasannya mungkin kerana Sanusi Junid membunuh rakan sejawatnya di Terengganu itu?

Walaupun begitu Muhammad Taib tidak menjelaskan siapa yang harus dibunuhnya. Padanya yang penting dirinya. Jika dalam perlawanan nanti takdirnya Anwar terpaksa dibunuh, beliau terpaksa juga lakukan asalkan kedudukannya selamat.

Tetapi jika kemasukan Muhammad itu adalah satu perancangan maka ia tidak dapat tidak ada sasaran yang ditujunya. Muhammad Taib ada *target* tersendiri, ataupun ada *master-mind* yang mengaturkan strategi untuknya.

Dalam hal ini kita tidak nampak orang lain lagi selain

dari pada Sanusi yang menjadi tokoh yang bakal dibunuh oleh Muhammad Taib. Gambaran awal menunjukkan Sanusilah yang akan dijadikan mangsanya kelak. Sanusilah yang mungkin terkeluar dengan harapan beliau sebagai penggantinya.

Ada beberapa alasan untuk membuktikan hakikat ini. Yang pastinya bukan kerana populariti Sanusi ketika ini merosot atau kerana jumlah undi yang diperolehnya sedikit menjadi alasan pada Mat Taib, tetapi kerana ada percaturan politik yang "jauh" dalam UMNO hari ini. Seperti ada dalang disebalik kemunculan Muhamamad Taib itu. Ada tokoh yang merestui ataupun menyediakan segala peralatan "logistik" dan sebagainya.

Kemasukan Muhammad Taib bukan bersendirian apa lagi diatas kehendaknya. Namun ianya ditolak dan diasuk oleh kuasa lain dengan satu pengharapan bersama yang begitu istimewa sekali.

Siapakah orang itu?

Orang yang jelas memberi restu kepada Muhammad Taib ialah Anwar Ibrahim. Anwar punya strategi tersendiri dalam hal ini kenapa beliau mahu Muhammad Taib bertanding dan mengharap akan menang. Pada Anwar kemenangan Muhammad Taib nanti akan menyelesakan kedudukannya dalam usaha untuk melonjak menjadi TPM.

Dalam hal ini Anwar sengaja menjadikan Muhammad Taib agar menentang Sanusi Junid. Anwar mahukan Sanusi terkeluar dari race. Anwar tidak suka kepada Sanusi kerana selagi Sanusi berada ditempatnya hari ini, ia menyukarkan Anwar untuk menjalankan misinya dalam UMNO. Pada Anwar Sanusi adalah "pokok berhantu" yang boleh menyebabkan ia akan tersampuk dalam UMNO.

Anwar mahukan Muhammad Taib menjadi lawan Sanusi. Meskipun ada seorang lagi musuhnya, Abdullah Ahmad Badawi. Tetapi kedudukan Pak Lah tidak semerbahaya Sanusi. Meskipun dia mahu juga Pak Lah tidak ada, tetapi Sanusi dulu harus ditendang. Kemudian usaha untuk menyingkirkan Pak Lah akan dilakukan kemudian. Dalam pada itu kedudukan Pak Lah juga akan dicabar, samada orang itu ditaja oleh Anwar atau tidak,

tetapi Anwar dan Mat Taib akan bersatu menyokong tokoh itu.

Dari situasi ini menjelaskan kepada kita bahawa kemasukan Muhammad Taib adalah kerana Anwar. Kerana mendapat *green-light* daripada Anwar. Secara tidak langsung juga kalau itu nawaitunya, ini bermakna Mat Tyson telah bersedia menjadikan dirinya sebagai alat kepada Anwar Ibrahim. Dia rela menjadi kuda Kepang untuk tunggangan Anwar di pentas politik.

Kalau ini berlaku tidak menghairankan, kerana Muhammad Taib dikatakan ada budi yang belum dibalas kepada Anwar. Sampai kini Mat Taib merasakan perlantikannya menjadi MB Selangor adalah diatas usaha dan jasa baik Anwar. Tanpa Anwar yang menjual namanya kepada Mahathir tidak mungkin dia akan berjaya menjadi MB Selangor.

Itu pasallah yang Mat Taib terhutang budi dengan Anwar. Padahal hutang itu tidak harus dibayar. Kerana budi yang dikatakan ditabur oleh Anwar kepadanya itu tidak pun wujud. Sebenarnya Mat Taib tersilap dalam menilai hal ini.

Mat Taib tidak tahu siapa sebenarnya yang menjual namanya kepada sultan untuk menjadi MB dulu. Dia juga tidak tahu siapa sebenarnya yang mahukan kepadanya. Dia juga tidak tahu siapa yang menjadi ayam tambatan Anwar untuk menjadi MB Selangor ketika itu.

Sebenarnya orang yang diingini Anwar untuk menjadi MB Selangor ialah Fahami Ibrahim, bekas Adun Kampung Pandan. Sebab itulah bila Mat Taib dilantik, Anwar frust. Tetapi Anwar ini bijak orangnya, bila dia tahu calonnya tidak dipilih dia pusing hatinya sokong Mat Taib. Untuk mempastikan Mat Taib tahu yang dia sokong Mat Taib, Anwar arahkan dua orang kuatnya menjajakan berita konon dia adalah yang mahukan Mat Taib. Orang Anwar yang menjaja berita itu ialah Dr Jamaluddin dan Nasruddin.

Walau apapun kesilapan itu tidak boleh diperbetulkan kini. Muhammad sangat percaya kepada Anwar Ibrahim. Muhammad melihat itu sebagai bukan permainan politik. Dia merasakan Anwar ikhlas kepadanya. Hubungan baik mereka berdua

semasa dalam ABIM juga mengemaskan lagi ikatan politik mereka berdua.

Perancangan diatas kertas begitu senang. Ia tidak melibatkan tenaga, kewangan dan modal yang banyak. Muhammad Taib boleh bertanding melawan sesiapa sahaja, asalkan ada pencalonan. Tetapi Dr Mahathir telah memberi ingatan mereka yang kurang mendapat pencalonan hendaklah mengundurkan diri daripada bertanding.

Sekarang ini apa yang ingin diketahui apakah persediaan Muhammad Taib untuk bertanding? Apakah dia semata-mata mengharapkan kepada pengaruh Anwar Ibrahim? Apakah dia hanya menggunakan keramat Anwar sahaja? Semata-mata mengharapkan kepada kekuatan Anwar?

Jika Mat Taib tidak mempunyai daya tarikan lain, atau *asset* untuk bertanding dan semata-mata mengharapkan kepada keramat Anwar tindaknya itu silap besar. Mat Taib tidak boleh mengharapkan kepada pengaruh Anwar. Orang yang menyokong Anwar, belum tentu menyokong Mat Taib. Mat Taib perlu membuat persediaan dan mengemukakan *asset* tersendiri. Mengharap kepada pengaruh orang tak ubah seperti menanti hujan apabila berbunyinya guruh dilangit belum tentu hujan turun atau pun tidak.

Kalau Mat Taib mengharapkan kepada penyokong Anwar untuk menyokongnya sudah pasti Mat Taib akan kecewa dan terperangkap. Mat Taib juga harus sedar disebalik pakatan itu mungkin ada usaha untuk memerangkapnya. Apabila dia kalah, popularitinya terjejas. Akibat dari kekalahan itu memerlukan dia mengambil masa lama untuk memulih kembali imejnya.

Mat Taib sepatut mengambil iktibar apa yang berlaku ke atas diri Muhyuddin pada tahun 1990. Mulanya Anwar dikatakan bersetuju menjadikan Muhyuddin sebagai regunya. Tetapi apabila sampai sekerat jalan ditinggalkan Muhyuddin seorang diri. Stail politik Anwar ini Mat Taib patut pelajari dari Muhyuddin. Mat Taib perlu membelek buku *Anwar Ibrahim: Mimpi & Realiti*, satu-satunya kitab muktabar mengenai stail dan perangai Anwar Ibrahim.

Kata kitab itu:

"Selain itu Anwar juga mengamalkan budaya tinggal kawan dalam politiknya. Beliau hanya menggunakan seseorang itu semata-mata untuk kepentingannya sahaja. Apabila dia telah berjaya, dia tidak akan pedulikan. Budaya ini bolehlah diibaratkan budaya Kunta-Kinte. Dia hanya mempergunakan orang untuk kepentingan dirinya sendiri.

"Sudah berapa ramai kawan-kawannya kecewa dengan sikapnya itu. Sebelum ini kawan-kawannya berjuang untuk menaikkannya. Dan dia naik itu juga kerana menumpang tuah kawan-kawannya. Tetapi apabila sudah berada dipuncak, semua pengorbanan kawan-kawannya itu akan dilupakan. Dan apa-apa musibah yang berlaku ke atas kawan-kawannya, dia tidak akan bertanggungjawab. Anwar akan membiarkan begitu sahaja tanpa sebarang pembelaan. Buktiapa yang berlaku ke atas (Prof) Syed Hussein Al Attas. Bila kawan itu dikepung oleh BPR Anwar nampaknya bersikap lepas tangan.." - Anwar Ibrahim: Mimpi Realiti Muka Surat: 119 - 120.

Selain itu Mat Taib juga harus sedar kelicitan politik Anwar. Politiknya macam belut. Tenguk apa yang Anwar lakukan kepada Musa dan Tengku Razaleigh Hamzah pada tahun 1982 dan 1984. Dia menyokong kedua tokoh itu demi kepentingannya pada masa itu. Tetapi perhati pula pada tahun 1987, kedua tokoh itu ditinggalkan begitu sahaja kerana mereka (Tengku Razaleigh dan Musa) tidak membawa apa-apa guna lagi kepadanya.

Apapun itu adalah hal Anwar. Kira-kiranya apakah modal Muhammad Taib? Apakah yang dijadikan azimat dalam pertandingan nanti. Muhammad Taib harus mempunyai satu daya penarik tersendiri, ia tidak boleh menumpang daya penarik orang lain. Dalam politik, orang boleh menjadi kawan dan menjadi lawan dalam satu masa yang sama.

Apakah Muhammad Taib hendak jadikan pembangunan Selangor sebagai modalnya? Mat Taib akan menjaya pembangunan di Selangor sebagai lambang kehebatan dan karisma kepimpinannya. Sejauh manakah kehebatan pembangunan Selangor sebenarnya?

Pembangunan Selangor belum tentu boleh mempesonakan perwakilan. Muhammad Haji Muhd Taib tidak boleh menjadi kemajuan yang dicapai Selangor sebagai modal untuk dia bertanding. Pembangunan di Selangor hanya dapat diiktiraf oleh "orang buta" pembangunan dan "buta sejarah sahaja".

Kepesatan Selangor tidak boleh Mat Taib *claim* sebagai haknya. Perkembangan itu bukan seratus peratus diatas usahanya. Kehebatan pelaburan di Selangor, percambahan industri dan sebagainya bukan diatas usaha Mat Taib. Semua itu hanya kebetulan sahaja. Kemajuan yang dicapai oleh Selangor adalah satu kebetulan kerana Selangor berada dipinggir Kuala Lumpur.

Kemajuan itu tidak boleh dijadikan titik tolak untuk menilai kebijaksanaan Mat Taib. Cuba kalau Perlis atau Kelantan berada di pinggir Kuala Lumpur, negeri itu juga maju seperti Selangor. Kalau kita hendak tahu Mat Taib pandai atau tidak, letakkan Selangor di utara (Perlis) atau di Pantai Timur (Kelantan)? Apa mampukah Muhammad Taib majukan?

Dalam erti kata lain majunya Selangor bukan diatas kebijaksanaan dan kepandaian Muhammad Taib tetapi kerana kebetulan-kebetulan itu semua.

Muhammad Taib umpama tikus yang jatuh di atas beras, dia tidak boleh mengakui beras itu (padinya) pokoknya dia yang tanam.

Asas atau akar kemajuan dan pembangunan di Selangor sememang sudah ada. Orang menanam benih ialah Datuk Harun Idris dan beberapa menteri besar sebelum beliau. Hakikat ini tidak boleh ditolak oleh sejarah. Malahan Datuk Harunlah patut diberi pujian kerana menjadi perintis memajukan Selangor. Tanpa perjuangan Datuk Harun tidak mungkin Selangor jadi seperti hari ini.

Rakyat Selangor tidak mungkin lupa kepada jasa-jasa Datuk Harun. Tanpa perjuangan dan keberanian Datuk Harun, mungkin rakyat marhain negeri Selangor tidak merasai kemajuan. Perjuangan Datuk Harun sungguh besar sekali. Banyak kepentingan Melayu diperjuangkan oleh Datuk Harun yang mana jasa-jasa itu masih belum mampu ditimbul oleh Muhammad Taib.

Itulah hakikat dan sejarahnya. Tetapi hakikat dan sejarah ini dimanipulasikan, diselindung dan diganti dengan nama Mat Taib. Beberapa orang penulis upahan telah "mendapat upah" (illegally paid) untuk menonjol dan mewirakan Mat Taib sebagai bapa pembangunan Selangor.

Orang pertama yang "menegarakukan" dan menjual kehebatan Muhammad Taib ialah Kamal Amir yang menulis buku bertajuk Selangor di Bawah Era Muhammad Taib. Melucukan! Dalam masa tidak sampai setahun Muhammad Taib jadi MB Selangor, Kamal Amir sudah dapat menulis mengenai kehebatan Mat Taib.

Apa yang dilakukan Kamal Amir tidak logik. Lantaran itu ada pihak menuduh Kamal Amir sengaja memprojek dan memuji si Muhammad Taib kerana ia diupah untuk berbuat demikian.

Kalau benar tuduhan itu kita tidak merasa hairan. Muhammad Taib memang terkenal dengan sifat pemurah dan dermawannya. Dia banyak membantu individu tertentu dan juga pengusaha penerbitan surat khabar. Khabar sesiapa sahaja yang datang mengemis kepadanya akan tolong. Setakat RM 100 atau RM 500 ribu, itu perkara biasa baginya.

Seorang pengusaha akhbar Tabloid dikatakan mendapat setengah juta daripada Muhammad Taib. Dengan bantuannya itulah akhbar berkenaan dapat beroprerasi. Justeru kerana ter hutang budi kepada Muhammad Taib, akhbar itu memuji Mat Taib sampai habis. Hari ini akhbar tabloid murahan itu telah menjadi lidah rasmi Mat Taib.

Jadi pujian, kredit dan kehebatan itu adalah kehebatan palsu kerana ianya dibuat diatas paksaan dan bayaran! Sebenarnya kehebatan Mat Taib sama saja dengan MB lain. Sama

dengan Rahim Tamby Chik, Muhyiddin, Khalil Yaacob, Dr. Hamid Pak Wan Teh dan lain-lain. Tidak ada yang lebih. Begitu juga kalau hendak diukur disegi moral dan akhlak, Muhammad Taib dua kali lima sahaja dengan Anwar Ibrahim, sama-sama bawa lari anak orang untuk dikahwinkan.

Begitu juga disegi prihatin Mat Taib kepada rakyat Selangor boleh dipertikaikan. Ketidak seimbangan pembangunan di Selangor kini sudah terasa. Paling ketara ialah kelemahan pelajar bumiputera dalam bidang pendidikan. Kajian yang menunjukkan 96% pelajar bumiputera Selangor tidak berminat untuk belajar, 84% pula tidak mempunyai kesedaran dan 84% pula hanya membuang masa dan tanpa cita-cita hidup menunjukkan kegagalan Mat Taib dalam mendorong rakyat Selangor dalam pembelajaran.

Sebagai sebuah negeri yang dikatakan termaju, sepatutnya fenomena seperti itu tidak wujud. Apa yang berlaku dalam bidang pendidikan di Selangor itu begitu kontradik sekali dengan kemajuan pembangunan dunia.

Disini tidak syak lagi berlakunya fenomena itu disebabkan kerana terlalu menekan kepada pembangunan fizikal. Bila banyak bercakap pasal kilang, pelabur, industri, maka Mat Taib lupa pula pada sekolah. Apakah kerana bercakap pasal sekolah tidak mendapat komisyen, maka ia menjadi alpa kepada bidang maha penting itu?

Apa akan jadi kepada Selangor selepas ini. Kalau semua orang Melayu sudah malas belajar, siapa yang akan mentadbir Selangor. Orang Melayu asyik disogok dengan pembangunan.... pembangunan sedangkan mereka tertinggal dalam bidang pembelajaran. Sedang bangsa lain terus menakluki bidang pembelajaran.

Sebagai bekas seorang pendidik, Mat Taib harus sedar tanpa ilmu, pembangunan tidak akan bergerak. Tanpa ilmu pembangunan tidak berjalan. Lebih penting, apa guna pembangunan kalau yang menjadi taukehnya ialah bangsa-bangsa lain sementara orang Melayu hanya menjadi kuli?

Inilah kepincangan yang mula terasa berlaku di Selangor.

Kepincangan ini bukan salah siapa, salah Mat Taib. Dia sendiri mengakui. Katanya, kepesatan pembangunan industri menjadi punca kenapa pelajar negeri itu tidak bersemangat untuk belajar.

Jika Mat Taib memelihara hal ini, dan sentiasa memberi tumpuan dan perhatian seimbang perkara ini tidak akan berlaku. Tetapi kerana terlalu menekan kepada pembangunan fizikal maka soal pembelajaran dibiarkan begitu sahaja.

Dengan keadaan ini bolehkah kita bangga dengan pencapaian pembangunan di Selangor? Tentu sekali tidak, kerana jelas pembangunan itu sudah mulai pincang, yang boleh menyebabkan bangsa Melayu ketinggalan di belakang bangsa lain. Itukah agenda Melayu yang digembar gemburkan Mat Taib? Erti pembangunan sudah tidak ada makna lagi kalau rakyat sudah bodoh dan dungu. Pembangunan itu akan hanya menjadi pelangi sahaja yang indah ditonton tetapi tidak bisa dipegang.

Maka jelas kalau Mat Taib menggunakan dua perkara tadi sebagai alasan untuk dia bertanding, dia akan kecewa. Orang tidak menilai modalnya itu sebagai bermas. Dia bukan sahaja gagal untuk menunjukkan kecemerlangannya (*excellence*) bahkan juga gagal menunjukkan sikap kepemimpinan Islam yang jujur, amanah, berakhlaq dan berhemah tinggi.

Berdasar kepada itu, jelas Mat Taib masuk bertanding bukan kerana untuk menawarkan khidmat, apa lagi untuk memenuhi agenda perjuangan Melayu, sebaliknya semata-mata untuk kucar daun. Peranan dan niat Mat Taib adalah tidak lebih daripada untuk merosak keadaan yang ada.

Dia menyertai pertandingan semata-mata menjadi alat kepada Anwar Ibrahim. Anwar pula sangat setuju kerana itu boleh mengemaskin kedudukannya dan menghancurkan cita-cita dan perjuangan seorang tokoh nasionalisma yang tak tahu erti tunduk kepada tekanan dan tak tahu erti membodek, iaitu Sanusi Junid.

Sebelum membuat keputusan muktamad elok Muhammad Taib fikir peranan dan tanggungjawab itu sebaik mungkin. Jika ia silap membuat perhitungan dia boleh terperangkap dengan

permainan Anwar itu. Satu hal yang Muhammad Taib perlu sedar, bahawa orang yang ambisis seperti Anwar sanggup membunuh siapa sahaja asalkan ia boleh naik ke atas.

Jadi sebelum kemungkinan buruk berlaku, Muhammad Taib hendaklah berfikir banyak kali. Pergilah berjumpa dengan orang lebih tua ataupun banyak bertanyakan firasat Tok-Tok Guru. Silap-silap kira tahun 1993 menjadi tahun paling trajis kepada-nya. Tahun kekalahan dan kejatuhan untuknya.

Paling diharapkan janganlah Muhammad Taib jadikan tahun ini tahun untuk menjadi kuda tunggangan kepada sesiapa. Kita tidak mahu orang yang mempunyai daya kepimpinan tinggi seperti Muhammad Taib rela menjadi kuda padi kerana semata-mata mengejar kedudukan.. Muhammad Taib seharusnya insaf dan sedar, untuk apa dia menawarkan diri menjadi kuda kepada Anwar (jika benar), sedangkan kuda-kuda di Bukit Kiara pun sudah lama tidak sukakan kepada Anwar Ibrahim!


Apakah Mat Taib lebih bodoh daripada kuda di Bukit Kiara?



Aduh... betapa mesra dan keletahnya Ku Yah tersandar didada Mat Taib. Masa dilamun cinta semua indah, lupa anak isteri dan ayah bunda. Tetapi setalah hidup bersama baru tahu langit tinggi rendah. Dimana Mat Taib cari duit sebanyak RM 5 juta untuk bayar mutaah kepada KU Yah?



Kata Datin Rohani... "dalam baik sempat juga dia curi kahwin lagi satu. Tetapi nasib baik dia sempat sedarkan diri, abang Mat ni tak macam Najib, dapat bini muda terus tinggal bini tua. Busuk-busukpun akhirnya kembali pada bini tua juga..."



5

KALAU KALAH,  
SANUSI BERSARA?

**S**EPULUH orang yang ditanya pendapat mereka mengenai peluang Sanusi Junid untuk mempertahankan jawatannya sebagai Naib Presiden UMNO dalam perhimpunan agung pada November depan, sembilan daripadanya berpendapat harapan Sanusi untuk mengekalkan kedudukannya itu tipis. Menurut perhitungan mereka kedudukan Sanusi sungguh terancam. Sekiranya benar berlaku perebutan untuk jawatan itu mereka mengira Sanusi akan terbuang jauh dari "istana kekuasaan" UMNO.

Alasan yang diberikan juga hampir sama. Menurut mereka kekalahan Sanusi itu nanti bukan bermakna pencabar-pencabarannya lebih hebat daripadanya. Malahan menurut mereka pencabar untuk jawatan Naib Presiden tidak seorang pun mempunyai kelayakan dan keistimewaan seperti Sanusi Junid.

Baik Muhyiddin Mohd Yassin, Muhammad Haji Muhd Taib, Rahim Tamby Chik atau sesiapa sahaja, tidak mampu untuk mengatasi Sanusi baik disegi idea, pemikiran dan komitmen kepada perjuangan membela bangsa Melayu. Buat masa ini Sanusi masih lagi memegang pingat "pemimpin yang geliga dan kreatif."

Alasan kenapa Sanusi mungkin tersingkir ialah kerana stail,

budaya dan juga corak politik Datuk Seri Sanusi Junid itu. Perwatakan politik Datuk Seri Sanusi sendiri yang menyebabkan Datuk Sanusi tidak disukai dan dikira sukar untuk mengekalkan kedudukannya.

Dakwaan mereka (dan orang-orang yang anti Sanusi), Sanusi seorang *politician* yang keras, agresif dan agak radikal. Stail dan budaya seperti itu menurut mereka tidak cocok dengan lingkungan dan cita rasa bangsa Melayu yang lemah lembut. Kata mereka Sanusi sepatutnya menjadi General, bukannya seorang tokoh politik.

Selain itu, kata mereka yang anti Sanusi lagi, beliau (Sanusi) mempunyai sikap dan sifat yang keterlaluan. Misalnya terlalu tegas, terlalu berterus terang, terlalu ikhlas dan terlalu berpegang kepada prinsip dirinya yang bertunjang kepada semangat Bushido itu. Sikap ini kata mereka tidak sesuai diamalkan dalam politik sekular seperti UMNO, yang sekali sekala harus bertenrasi, munafik, berpura-pura dan juga kadang kala harus pandai membodek, mengampu dan melutut!

Disebabkan memakai sifat, sikap dan budaya itulah Sanusi tidak popular. Ia tidak mempunyai ramai kawan, dan ada kalanya orang takut untuk mendekati dan bermesra dengannya!

Yang jelas kerana dia mengamalkan sikap dan budaya itu orang tidak seronok berkawan dengannya. Sebab selagi dia utuh dengan sifat-sifat begitu orang tidak boleh "menangguk di air keruh" dengannya. Beliau tidak mudah untuk melayan kehendak-kehendak peribadi yang menyalahi peraturan dan melanggar lunas-lunas agama dan adat sopan orang Melayu. Walau pun beliau bercakap tidak menggunakan istilah Islam, tetapi Sanusi adalah seorang manusia yang menghormati prinsip Islam. Beliau lebih takutkan Tuhan daripada mana-mana manusia.

Dalam pada itu sesuatu yang aneh dan ajaib, pada masa mereka mencemuh peribadi politik Sanusi dan tidak setuju dengan stail dan kerensah politiknya, mereka memperakui bahawa Sanusi mempunyai keistimewaan yang tidak ada pada tokoh politik lain. Keisitimewaan ini menurut mereka, hanya milik

Sanusi Junid sahaja, dan Allah menganugerahkan keistimewaan itu hanya kepadanya, tidak kepada tokoh-tokoh politik lain dalam UMNO pada masa ini.

Keistimewaan itu ialah tidak lain dan tidak bukan, mengenai kekreatifan dankekayaan idea yang berasaserta mempunyai semangat perjuangan yang kental. Semangat untuk membela rakyat miskin yang ditanam dalam dirinya tidak pernah berubah. Sanusi memang diakui sebagai seorang menteri yang mempunyai idea berasas dan berfikiran kreatif dan inovatif dalam segenap bidang.

Soal ini bukan satu momokkan untuk menonjolkan dirinya, tetapi satu realitas yang diterima oleh semua. Malah sifat kreatif dan inovatif itu sudah senonim atau menjadi *trade mark* kepada dirinya. Kekreatifan ini boleh dilihat pada dirinya dan juga dalam kementeriannya. Dia boleh mencipta sesuatu yang orang lain tidak fikir dan mempopulkarkannya untuk kepentingan negara.

Misalnya dalam saat kementeriannya menghadapi "resensi peruntukan" (peruntukan tidak ditambah, disebabkan pertukaran Menteri Kewangan), Sanusi mampu menggerakkannya. Dia terpaksa berfikir lebih kreatif untuk melaksanakan projek yang tidak banyak melibatkan kewangan. Disinilah membuktikan kemampuan beliau. Sanusi tidak mudah hilang akal atau putus jalan untuk meneruskan perkhidmatannya kepada rakyat dan negara, meskipun peruntukan kementeriannya dikurangkan.

Beliau banyak memperkenalkan "teknologi" tradisional dan menggunakan segala bentuk bahan tempatan dalam usaha untuk membantu petani. Ini dilakukan semata-mata untuk mengatasi masalah ketiadaan wang! Salah satu bentuknya ialah bagaimana beliau memperkenalkan dan menganjurkan petani agar memanfaatkan pohon kelapa dan kebunnya.

Pada mulanya beliau mempopulkarkan air kelapa muda, yang tidak berharga menjadi satu minuman yang paling digemari. Selepas itu beliau menganjurkan kepada petani memanfaatkan kawasan kebun kelapa yang luas itu untuk dijadikan ladang ternakan kambing biri-biri. Dan paling terbaru beliau mempertingkatkan usaha memanfaatkan pohon-pohon kelapa dengan

menanamkan bunga orkid.

Pembinaan Taman Pertanian di Bukit Cahaya Seri Alam yang menjadi satu destinasi perhatian bagi pelawat asing ke negara ini adalah lambang kekreatifan dankekayaan idea Sanusi Junid cukup tinggi. Tidak siapa fikir hutan rimba boleh menjadi satu tempat tarikan palancung. Tetapi Sanusi dengan kekayaan idea dan kekreatifannya berjaya membawa pelawat ke dalam hutan rimba itu!

Kekayaan idea dan kemampuan Sanusi juga terbukti apabila beliau berjaya menghidupkan Kementerian Pertanian yang dianggap kementerian yang mati dan selalunya mengakhiri karier politik seseorang menteri. Sanusi berjaya mengubah tanggapan umum terhadap kementerian pertanian menjadi sebuah kementerian yang penting.

Kejayaan ini boleh disifatkan, Sanusi boleh menghidupkan sesuatu yang mati! Dia boleh memikirkan jalan untuk memanfaatkan apa juar keadaan dan benda. Padanya tidak ada istilah tidak boleh ataupun mustahil. Kepadanya tidak ada satupun makhluk (isi alam) ciptaan Allah dimuka bumi ini dicipta seadanya tanpa sebarang fungsi dan keistimewaan tertentu!

Semangat untuk membantu rakyat miskin ini tidak pernah luntur dalam kamar hatinya. Meskipun zaman berubah dan cita-cita perjuangan bertambah global, tetapi cita-cita asalnya tidak pernah sirna, seperti tokoh-tokoh lain yang cepat menukar matlamat dan cita-cita perjuangan menurut perkembangan semasa semata-mata ingin popular. Disinilah membuktikan Sanusi sebagai seorang pemimpin rakyat sejati yang sentiasa ingat pada falsafah perjuangan dan cita-cita politiknya yang asal.

Selain itu beliau juga dilihat sebagai pejuang bangsa yang kental. Pemimpin yang peka kepada kesusahan dan kemiskinan rakyat. Pemimpin yang bercita-cita untuk memerdekaan rakyat dari segala kesusahan, tekanan dan ketidak adilan.

Mungkin menyedari hakikat inilah maka Dr. Mahathir telah mengekalkan di Kementerian Pertanian agar beliau dapat meneruskan cita-cita luhurnya itu dan sekaligus membuktikan bahawa kementerian yang malap itu berjaya menyala bila ber-

ada di tangan Sanusi Junid, dan yang penting bukan kementerian tetapi menteri!

Apabila memikirkan perihal diri Sanusi Junid yang kontradik itu menyebabkan kita tercari-cari dimanakah silap dan tidak kenanya mengenai diri beliau ini. Kenapa dari satu sudut ia dilihat sebagai pemimpin ulit dan agung, dan dari sudut lain ia dipandang seorang pemimpin yang mempunyai kecacatan yang amat buruk.

Sungguh aneh kalau memikirkan pandangan dan penilaian orang ke atas Datuk Seri Sanusi Junid ini. Dalam hal ini apa yang dapat saya rasakan, wujudnya keadaan demikian ialah disebabkan berlakunya *different views* ke atas diri Datuk Sanusi. Maksudnya orang atau pihak yang membuat penilaian ke atasnya mempunyai sudut pandangan berbeza.

Yang jelas golongan yang mencemuh dan memburukan Datuk Sanusi selain daripada ia "propagandis" kepada saingannya, mereka membuat penilaian itu berpandukan kepada sifat dan peribadi politik Sanusi semata-mata. Ia tidak cuba melihat dan memandang jauh ke hadapan pada visi, idealisme dan intipati perjuangan Sanusi.

Golongan ini adalah biasanya mereka yang mempunyai kepentingan diri. Yang menjadikan tokoh politik sebagai "bank perdagangan." Mereka terdiri daripada pendokong politik yang berhajat untuk memohon apa-apa bantuan kebendaan daripada Datuk Sanusi.

Sebagai seorang pemimpin yang berpegang kepada semangat Bashido, dan berpegang teguh kepada ajaran Islam, Sanusi tentunya tidak dapat memenuhi harapan mereka itu. Dia tidak mungkin dapat bertolak ansur ataupun sanggup memenuhi permintaan yang bukan-bukan semata-mata mengharapkan sokongan.

Sanusi bukan jenis makhluk yang sanggup menukar prinsip semata-mata untuk dipuja. Ia bukan Chameleon yang hidup mengikut perubahan alam sekitar dan menyesuaikan diri dengan pelbagai latar belakang kehidupan/warna semata-mata untuk menyelamatkan diri.

Manakala golongan kedua pula yang memuji atau melihat Sanusi sebagai seorang pemimpin yang istimewa ialah orang yang diluar "cerkap" politik. Mereka ini memandang Sanusi berasaskan kepada idealismenya, semangat kerjanya dan juga komitmen perjuangannya.

Golongan ini tidak mengharapkan apa-apa daripada Datuk Sanusi secara peribadi. Mereka adalah ikhlas memuji Sanusi tanpa mengharap apa-apa imbalan kebendaan daripada Datuk Sanusi. Mereka inilah yang melihat kepada kebenaran dan bukan melihat kepada kepalsuan.

Itulah punca ataupun sebab musabab kenapa berlakunya pertentangan penilaian ke atas Datuk Sanusi. Ianya di-sebabkan berbezanya sudut pandangan dan asas pengukuran itu.

Bertolak dari keadaan itulah diri Sanusi seakan terjempit. Orang yang memerhati dan menaruh harapan kepada masa depan politiknya menjadi ragu bimbang dan cemas.

Dalam hal ini sudah tentu kalau perwakilan khasnya dan ahli UMNO amnya mengambil asas atau pandangan seperti mana yang dilakukan oleh mereka berkepentingan peribadi untuk menilai Sanusi, sudah tentu Sanusi berada dalam keadaan agak sukar untuk menang dalam pertandingan pada November nanti.

Sanusi memang melalui laluan sukar, kerana dia tidak dapat memenuhi keperluan-keperluan dan kepentingan ahli secara tersendiri. Apa lagi dalam keadaannya hari ini - sebagai Menteri Pertanian, makin sukar untuknya memenuhi tuntutan itu jika beliau bercadang untuk berbuat demikian. Sanusi pernah berkata, apa yang dia dapat berikan kepada orang yang menyokongnya hanyalah kasih sayang dan persahabatan!

Dari sini dapat dibayangkan jika perwakilan UMNO membuat penilaian berasaskan subjek itu maka sudah jelas bahawa UMNO kini sudah diresapi oleh budaya "sekularisme" yang akan merugikan parti itu dan bangsa Melayu sendiri.

Keadaan ini hendaklah dikikis dari merebak dengan meluasnya. Bukti budaya dan tradisi ini sudah merebak semakin jelas bila mana kecenderungan perwakilan UMNO mengangkat pemimpin bukan berpandukan kepada kewibawaan, idealisme,

semangat dan kejituhan perjuangan seseorang tetapi kepada unsur-unsur mungkar seperti imbalan yang mampu diberikan oleh pemimpin, kekayaan dan juga tawar menawar dan sumpah janji yang rendah nilainya.

Ahli dan perwakilan UMNO perlu sedar segara tidak ada kebaikannya mereka membuat pemilihan pemimpin berdasarkan ukuran tadi. Pemilihan itu tidak akan menemukan seorang pemimpin yang ulit, bertanggung-jawab, tegas dan bersemangat kental.

Pemilihan berdasarkan kepentingan-kepentingan demikian hanya akan melahirkan pemimpin gelojo, bernafsu besar, tidak berhikmah dan terlalu ambisisi. Dan paling penting bagi UMNO ialah menjaga-utuhkan tunjang perjuangannya.

Adalah sesuatu yang sia-sia kalau perwakilan UMNO mengharapkan Sanusi membuang segala sifat dirinya. Sifat itu telah menjadi pakaian dirinya. Sanusi sama sekali tidak akan membuangnya. Semangat Bushido; kuat berkerja, berani kerana benar, setia kepada pemimpin, disiplin dan amanah kepada bangsa dan negara adalah "baju-seluar tradisi" Sanusi Junid.

Padanya itu adalah satu aset dan keistimewaan yang Allah berikan kepadanya. Jika ia membuang segala sifat dirinya itu, maka hilanglah identiti Sanusi Junid.

Seorang pemimpin perlu tegas dengan keputusan. Berpegang kuat kepada prinsip diri dan perjuangan, tidak mudah goyah ataupun lemah bila ada tekanan ataupun ugutan. Seorang pemimpin juga harus berterus terang berhubung dengan sesuatu kebenaran dan tidak boleh berdolak dalih. Seorang pemimpin juga harus melengkapkan diri dengan sebanyak mungkin ilmu. Dan kita lihat segala ciri-ciri itu ada kepada Sanusi Junid.

Memang dia seorang tegas dengan keputusan. Apa yang dikata itulah yang akan dikotakan. Dia tidak reti berdolak dalih. Dia tidak pandai hipokrit. Dia kuat berpegang kepada keyakinan dirinya. Dia tidak reti untuk berkompromi dengan sesiapa sahaja berhubung dengan sebarang kemungkaran.

Sanusi tidak pandai membodek walaupun dalam dunia politik ada kalanya sistem bodek diperlukan. Pada Sanusi

bodek...mengampu tidak tentu pasal adalah satu perbuatan hina yang tidak bermoral. Padanya untuk mempamerkan kredibiliti bukan dibayar dengan bodek membodek dan ampu mengampu atau angguk mengangguk. Sanusi tidak akan menjadi kucing yang terpaksa mengelus-elus ekor di betis tuannya mengharapkan seekor ikan! Justeru itu pada satu segi ia dilihat kurang bijak dalam mengharungi ombak dan sepak terajang politik.

Inilah realiti Sanusi bin Junid al-Achehe.

Sesetengah kawan-kawannya berpendapat kenapa dia kelebihan renggang dengan tokoh-tokoh tertentu dalam UMNO termasuk Presiden parti Dr. Mahathir Mohamad ialah kerana keengganannya untuk menggunakan sistem bodek dan ampu. Sanusi sesekali tidak mengadaikan prinsip dirinya untuk membeli pangkat atau kedudukan. Beliau rela disingkir atau mengasingkan diri, daripada menjadi pak turut ataupun yesmen kelas burung kakak tua nyanyuk.

### Kenapa Sanusi Diam?

Dalam mempersiapkan diri untuk mempertahankan jawatan Naib Presiden yang mula disandangnya pada tahun 1990, Sanusi tidak seghairah orang lain. Selaku pemimpin matang, dia tidak gelojoh dan merapu tidak tentu pasal. Dia banyak berdiam sahaja daripada bercakap mengenai pertandingan pada bulan November depan.

Mungkin, kerana sudah mengetahui bahawa ramai perwakilan telah membuat pandangan bahawa dia "akan tersingkir dalam perhimpunan kali ini" menyebabkan Sanusi mengambil sikap mendiamkan diri? Beliau seperti tidak ada mood untuk berhadapan dengan perhimpunan kali ini. Dalam masa orang lain riuh rendah membuat berbagai andaian dan spekulasi berhubung dengan perhimpunan, Sanusi membungkam sahaja. Dia seolah-olah tidak terpanggil untuk turut sama membuat sebarang ulasan mengenai perhimpunan yang akan datang.

Bila diajukan pertanyaan mengenai pertandingan ketika sesekali terserempak di Parlimen, dia seboleh-bolehnya cuba

mengelakkan diri dari bercakap. Dia seperti kehilangan idea dan tidak ada mood untuk memperkatakan senario pemilihan tahun ini.

Anwar sudah beberapa kali bercakap mengenai perhimpunan. Sehingga kini sudah dua kali dia menafikan yang dia akan melawan Encik Ghafar Baba untuk jawatan Timbalan Presiden. Katanya Anwar juga sampai bersumpah dengan Mahathir, dia tidak akan lawan Ghafar Baba. Pak Lah juga telah membuat komen mengenai perhimpunan dengan seruan agar jangan se-siapa desak Anwar agar lawan Ghafar. Begitu juga dengan tokoh-tokoh lain, turut sama memberi komen dan ulasan. Tetapi Sanusi hanya diam membisu seribu bahasa.

Sikap Sanusi ini agak aneh dan mengsuspenkan. Satu keadaan yang luar biasa. Biasanya bila timbul isu nasional khususnya berkaitan dengan kepentingan UMNO, beliaulah yang kedepan. Orang ramai juga menunggu-nunggu ulasan atau komennya yang selalu lain daripada yang lain; lucu tetapi ada kebenaran dan munasabah.

Khabarnya ada seorang wartawan dari akhbar utama yang simpati kepadanya bercadang untuk mengadakan temuramah khas dengannya. Tetapi permintaan itu ditolak dengan hormat. Alasannya dia tidak mahu mengecewakan wartawan yang meng-interviewnya itu; dimana dia sudah dapat mengagak tulisan itu tidak mungkin disiarkan oleh Pengarang.

Adalah sukar untuk membuat tebakan kenapa Sanusi bersikap demikian. Apakah dia tidak bercadang untuk mempertahankan jawatan? Tidak mungkin dan rasanya amat mustahil sekali. Jawatan yang direbut dengan sengit, dan penuh tuduhan dan fitnah ke atasnya dua tahun lepas itu tidak mungkin dilepaskan begitu sahaja.

Tetapi kenapakah Sanusi bersikap demikian? Sanusi mengambil sikap begitu mungkin kerana tidak mahu terperangkap dengan sebarang pemanipulasi berita. Dia nampaknya berhati-hati. Maklumlah dalam saat akhbar dikuasai oleh pesaingnya, berita atau cakapnya boleh diputar belitkan untuk menjatuhkannya.

Kita tidak percaya kalau sikap diam itu menunjukkan kekecutan perut Sanusi dalam menghadapi pertandingan pada November nanti. Sebagai tokoh yang terkenal dengan kaya idea dan strategi licit, Sanusi tentu mempunyai muslihat tertentu. Dia ada cara sendiri untuk bertindak. Mungkin dia akan menggempur pada saat-saat terakhir.

Atau mungkin juga sikap mendiamkan diri untuk melihat sejauh mana kesungguhan tokoh-tokoh yang hendak mencabar kedudukannya. Ataupun beliau ingin melihat apakah sebenarnya yang bakal terjadi (tragedi) dalam perhimpunan akan datang. Bagi Sanusi juga tidak mustahil kalau pertandingan nanti boleh menyebabkan berlaku perpecahan dalam UMNO dan merugikan bangsa Melayu, dia boleh mengambil keputusan mengundurkan diri dengan baik.

Bagaimanapun yang jelas dan nyatanya kenapa menyebab Sanusi mengambil sikap menyembunyikan diri daripada akhbar ialah kerana sikap diskriminasi media-massa kepadanya. Media-massa telah berlaku tidak adil kepadanya. Sanusi kini menghadapi penganiayaan daripada media-massa.

Cara akhbar dan televisyen melayannya sungguh tidak adil. Dia dipandang sebagai "anak tiri". Berita-berita mengenai beliau dimanipulasikan. Berita yang boleh menaikan imej kementeriannya di sorot ke bawah dan adakalanya tidak disiarkan langsung. Manakala berita yang menjatuhkan reputasi Kementerian Pertanian di highlightkan

Layanan media-massa kepada Sanusi tidak ubah seperti mana yang diterima oleh pemimpin pembangkang, Nik Aziz Nik Mat, Haji Hadi Awang, Fadzil Noor, Lim Kit Siang dan Tengku Razaleigh Hamzah.

Ini bukan omong kosong sebaliknya ada buktinya. Kejayaan Sanusi memenangi hadiah "land-skap" tidak dibesarkan. Sebaliknya berita persatuhan pengilang padi yang kurang senang dengan tindakan LPN diperbesarkan, malahan disiarkan di muka hadapan.

Itulah sebab Sanusi diam. Dalam isu krisis pindaan perlombagaan waktu orang lain semua bercakap Sanusi membisu sahaja.

Dia seperti tidak turut campur tangan mengenai isu itu. Sanusi seperti menyisihkan diri daripada turut sama bersyubahat dengan isu itu. Disebabkan sikap itu menyebabkan orang hebuhan kononnya dia tidak menyebelahi mana-mana pihak.

Hakikat sebenarnya dia menyokong pindaan itu. Tetapi kenapa dia tidak bersuara ialah kerana tidak senang dengan layanan media-massa yang mengagungkan tokoh tertentu dan dalam masa yang sama cuba meneggalamkan dirinya.

Sewaktu krisis perlumbaan tahun 1983 (pertama kali Dr. Mahathir serang Raja-raja) beliaulah yang menjadi heronya. Malahan manifestasi serangan Mahathir ke atas Raja-raja itu adalah menumpang semangat dan kejayaan Datuk Seri Sanusi Junid pada tahun 1983.

Pada saya berlakunya keadaan demikian salah Sanusi sendiri. Dia kurang berhubung-mesra dengan orang *press*. Dia jarang menjamu orang *press*. Kadang-kadang orang *press* ini sama juga dengan orang politik. Mereka akan menulis dengan baik (berpandukan pada etika kewartawanan) bila mereka kenyang dan mereka akan meracau bila perut lapar.

Oleh kerana ramai orang-orang *press* di Malaysia yang kelaparan, tidak cukup gaji dan tidak ada semangat perjuangan, maka Sanusi harus mengenyangkan perut mereka. Sanusi hendaklah peka kepada tuntutan-tuntutan mereka.

Kalau diselidiki kenapa sesetengah menteri mendapat publisiti memberangsangkan di media-massa tertentu, kerana orang-orang *press* dan tuan punya media-massa itu dijamu dan dijaga perutnya. Cara jamuan ini menurut perut; kalau perut besar besarlah habuannya, kalau perut kecil cukup sekadar tea tarik dan nasi berayani. (Orang *press* ini tidak termasuk penulis politik yang dipersundalkan oleh Mahathir)

Ataupun kalau Sanusi tidak bercadang untuk mengisi perut orang *press*, beliau perlu buat akhbar sendiri. Cari mana-mana bekas wartawan pencen atau yang kena pecat upah mereka buat akhbar. Belanja dan sponsorkan mereka. Tiru macam sesetengah menteri kerana hendak glamour mereka terbit akhbar sendiri.

Menteri Besar Selangor Muhammad Haji Muhd Taib dikatakan memiliki dua buah akhbar tabloid. Beliau dikatakan telah bermurah hati menghulurkan bantuan untuk menerbitkan akhbar berkenaan.

Walaupun akhbar itu lebih banyak menyiaran berita sex dan hiburan tetapi bila tiba masa Mat Taib perlu ditonjolkan, akhbar itu akan mengadakan supplement khas mengenai Mat Taib seperti sempena lima tahun pemerintahannya ataupun sempena hari jadi atau *anniversary* perkahwinannya.

Begitu dengan Ketua Menteri Melaka, Rahim Tamby Chik juga "punya" akhbar sendiri. Beliau dikatakan telah mensponsorkan syarikat untuk menerbitkan sebuah tabloid untuk kepentingannya. Akbar yang beroprasи di kawasan Ulu Kelang itu sering kali mempromokan kehebatannya.

Begitu juga dengan lain-lain pemimpin, semuanya ada media-massa sendiri - menjadi alat untuk menghentam musuh mereka dan melambung mereka ke atas.

Dulu Televisyen Malaysia yang dibawah bidang kuasa Muhammed Rahmat ada juga sekali sekala memberi ruang dan liputan kepada Sanusi Junid. Tetapi akhir-akhir ini sejak Muhammed Rahmat digertak oleh BPR, gambar Sanusi jarang-jarang muncul di RTM. Sebaliknya gambar Anwar pula yang memenuhi screen televisyen RTM itu. Maklum sahajalah Pengeterusi Penyelewengan Kabinet ialah Anwar Ibrahim. Seberani-berani Mat Rahmat, bila berhadapan dengan Anwar Ibrahim kecut perut juga dia.

Itulah antara sebab kenapa Sanusi seperti *bad mood* untuk melayan wartawan dan pemberita. Dia tahu kalau dia layan pun beritanya tidak akan disiarkan. Pengarang-pengarang yang sudah taksud dan tergoda dengan gaya kepimpinan dan idealisme Anwar tidak bersedia untuk menyiarannya.

Sungguhpun begitu kita tidak percaya kalau Sanusi terus mendiamkan diri menjelang perhimpunan agung bulan November nanti. Dia tentu ada cara dan tekitnya tersendiri. Sanusi tidak mudah hilang akal. Buat masa ini tekit yang digunakan ialah apa yang dilakukan Dollah Badawi dulu. Dia mengambil

sikap mendiamkan diri dan tidak mempedulikan apa orang kata padanya.

Dia menghinakan dirinya sendiri untuk menagih simpati. Dia bersikap *low profile* dan tidak banyak cakap. Tetapi pada pendapat saya tektik itu tidak akan berjaya. Tektik itu tidak banyak membantu Sanusi. Sebaliknya tektik itu menggambarkan kelemahan dan ketidak agresifan Sanusi dalam melibatkan diri dalam pertandingan.

Dalam hal ini Sanusi harus beringat-ingat. Jangan pula sampai strategi memakan diri sendiri. Merendah diri itu baik. Islam pun suruh kita berpada-pada dan sederhana. Tetapi Sanusi kena berwaspada, jangan pula kerana terlalu merendah diri sampai orang pijak kepala. Lantaran terlalu diam bungkam nanti diri pula terbungkus dan terkambus!

Bagi anggota UMNO yang mempunyai pengamatan dan penilaian yang rasional dan tidak terikat dengan sentimen (taksub) seseorang tokoh tertentu mereka dapat menaikkan wibawa Sanusi.

Mereka sudah tentu akan mempertahankan Sanusi Junid sebagai pemimpin dalam UMNO dan juga kerajaan, memandangkan beliau (Sanusi) seorang pemimpin yang bersemangat Islam dan punyai *quality* kepimpinan tinggi.

Tokoh seperti Sanusi harus ada dalam UMNO. Walau pun beliau tidak boleh membantu seseorang itu secara peribadi, tetapi dia terbukti dapat membantu negara. Sikap tegas, idealisme, pemikiran dan semangat kemelawayannya sangat diperlu oleh negera yang sedang mara mengapai kemajuan manusawi dan duniawi.

Melihat kepada keistimewaan, dedikasi dan kesungguhan Sanusi dalam perjuangan membangunkan bangsa, negara dan agama, tidak ada sebab munasabah untuk UMNO membuang Sanusi. Kalau hanya kerana dia mengamalkan sikap yang tidak secocok mengikut kehendak nafsu peribadi individu tertentu seperti tegas, keras dan sebagainya itu bukan alasan untuk membungkangnya.

Sebagai seorang manusia yang tidak hipokrit dan tidak

pernah kompromi diatas perkara kemungkaran dan kejahilan, Sanusi amat perlu duduk dalam barisan kepimpinan, menjadi batu pemerhati kepada gerak laku pemimpin lain. Walaupun dia tidak dapat berfungsi sepenuhnya, dia mampu menjadi "orang-orang" seperti (patung) menakut-nakutkan burung di dalam sawah padi. Sanusi akan menjadi "orang-orang" dalam kabinet dan kepimpinan UMNO.

Dengan adanya Sanusi dalam kepimpinan UMNO tokoh-tokoh yang menggelarkan diri mereka penentang kezaliman, penegak keadilan dan pejuang hak asasi, tidak wewenang menjajakan segala slogan itu tanpa berbuat dan dibuktikan kepada rakyat.


Pada firasat saya jika Sanusi tidak dipertahankan dalam perhimpunan kali ini, UMNO akan kehilangan Sanusi. Negara akan kehilangan seorang pemimpin yang kreatif. Jika Sanusi kalah dalam pertandingan nanti, saya berpendapat dia tidak akan duduk lagi dalam kabinet. Sebagai seorang yang mempunyai pandangan tersendiri,ikhlas, setia dan punya perasaan sensitif yang tinggi, dia mungkin akan mengudurkan dari kabinet. Inilah tragedi yang mungkin akan berlaku dalam perhimpunan agung UMNO kali ini.

Kekalahannya nanti mungkin disifatkan sebagai UMNO tidak mahu kepada khidmatnya lagi. Dan sebagai seorang yang ada air muka dan kredibiliti, dia akan melepaskan jawatannya. Ini dibuktikan bila mana UMNO diharamkan disebabkan wujudnya cawangan haram, Sanusi mengambil tanggungjawab itu, dia tidak lagi memegang jawatan Setiausaha Agung meskipun Dr. M menawarkan kepadanya.

Justeru itu, jika UMNO dan negara tidak mahu kehilangan Sanusi dalam persada politik bangsa Melayu, Sanusi harus diusahakan agar menang. Dan sebaik-baiknya, calon-calon baru yang merasakan diri mereka hebat dan layak untuk menjadi pemimpin dewasa ini, lebih baik urungkan niat itu. Berilah peluang kepada ketiga-tiga Naib Presiden yang ada sekarang, (Sanusi, Pak Lah dan Anwar) untuk membuktikan kemampuan mereka membangun bangsa dan negara sekurang-kurang untuk

lima tahun lagi.

Usahalah mengkhianati tunas dan putik buah yang sedang cambah dan berkembang, kerana yang ruginya adalah kita semua (rakyat) yang menunggu buah itu matang!



# MACAM MANA KALAU ANWAR TERPELANTING?

**B**ILA pemerhati dan peminat politik bercakap dan membuat analisis berhubung dengan pertandingan dalam perhimpunan agung UMNO bulan November depan, khususnya untuk jawatan Naib Presiden, mereka sering kali meletakkan Anwar dalam keadaan selamat.

Bila dikaitkan dengan ura-ura beberapa tokoh pelapis UMNO hendak mencuba merebut jawatan itu, mereka akan lekas-lekas mengatakan Anwar Ibrahim tidak tergugat. Sebaliknya percubaan tokoh pelapis itu mengugat kedudukan dua Naib Presiden lain, Datuk Seri Sanusi Junid dan Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi. Dalam erti kata lain kemasukan calon baru merebut jawatan Naib Presiden bertujuan untuk kick off Sanusi dan Pak Lah.

Dalam kepala pemerhati terlintas siapakah diantara kedua ini yang akan terpelanting, dan tempatnya akan diganti oleh tokoh baru. Itulah realiti dan juga hakikat yang wujud dalam minda peramal politik UMNO hari ini. Mereka sesekali tidak pernah membayangkan Anwar Ibrahim akan menerima nasib buruk dalam perhimpunan pada akhir tahun ini.

Anggapan dan perang saraf itu secara tidak lagsung, telah memberi kemenangan percuma kepada Anwar Ibrahim. Dalam

kata lain, peramal khususnya pentaksuh kepada Anwar cuba memberi amaran agar jangan sesiapa cuba menganggu gugatnya!

Kita sedia maklum anggapan itu hanya lahir pada mereka yang taksub dan mengkagumi Anwar. Mereka yang menganggap Anwar sebagai "maksum" dan bersih dalam arena politik. Mereka yang membesar kerana menumpang zat dan vitamin daripada Anwar Ibrahim. Tetapi bagi mereka yang mengenali hati budi Anwar, tidak mudah untuk menyatakan hal demikian. Kepada mereka yang hidup bukan dibawah naungan bayangan Anwar, merasakan perang saraf itu begitu dangkal sekali. Malahan mereka akan meletakkan Anwar sama juga dengan tokoh lain, cemas untuk berhadapan dengan perwakilan pada November depan.

Apakah menyebabkan wujudnya anggapan dan "rasa" demikian? Apakah keadaan itu wujud hasil daripada perang saraf yang sengaja ditabur oleh golongan yang mengkagumi Anwar? Ataupun ianya menggambarkan realiti dan situasi yang benar-benar berlaku dalam UMNO hari ini?

Yang pasti kenapa terbitnya anggapan demikian, ialah mungkin dilihat kepada tiga situasi atau faktor berkaitan dengan diri Anwar pada masa ini. Berpandukan kepada keadaan atau faktor itulah, maka mereka yang mengkagumi Anwar telah menyatakan *confident* kedudukan Anwar selamat dan reputasi politiknya cukup baik sehingga mampu kalau ia (Anwar) bercadang untuk mencuba ke jawatan yang lebih tinggi. Reputasi dan kredibilitinya hari ini dikatakan setanding dengan Encik Ghafar Baba.

Pandangan atau faktor pertama yang dilihat atau dijadikan hujah ialah mungkin kepada jumlah undi yang diperolehi Anwar dalam pemilihan tahun 1990 dahulu. Dalam perebutan jawatan itu dulu, Anwar telah mendapat undi terbanyak, 1067 undi berbanding dengan undi yang diperolehi Datuk Abdullah Ahamad Badawi, 953 undi, Datuk Seri Sanusi Junid 750 undi, Wan Mokhtar Ahmad 735 undi, Rahim Tamby Chik 452 undi dan Muhyiddin Mohd Yassin 582 undi.

Memang benar berpandukan jumlah undi itu, Anwar terlonjak ke atas. Ia telah meninggalkan Abdullah Badawi dan Sanusi Junid dengan 100 hingga 120 mata. Sesungguhnya perbezaan itu agak lumayan, dan Anwar memang wajar untuk bergembira hatta menyambut raya hindu. Tetapi untuk dijadikan kriteria bagi meletakkan dirinya selamat adalah tidak relevan.

Perbezaan dan jumlah undi yang dikira lumayan itulah mungkin dijadikan satu faktor ataupun asas pandangan untuk meletakkan Anwar berada dalam keadaan selesa untuk terus memegang jawatan Naib Presiden, ataupun dikira akan dapat meraih jumlah undi terbanyak.

Faktor atau asas penilaian kedua ialah tentang kepopularitan diri Anwar Ibrahim pada masa ini, terutama sejak ia dilantik menjadi Menteri Kewangan menggantikan Tun Daim Zainuddin. Tidak dinafikan buat masa ini Anwar begitu popular sekali. Tetapi beliau harus ingat kepopularitian itu bukan bermakna kebijaksanaan beliau mengatur dan menyusun kewangan negara, tetapi popular kerana menjadi sebutan umum bila mana dia kerap muncul dalam media massa baik cetak ataupun elektronik.

Soal kepolaritian Anwar ini suatu hal yang tidak dapat disembunyikan lagi. Keadaan Anwar hari ini tak ubah seperti artis dan bintang filem dimana wajahnya selalu sahaja terpampang di akhbar-akhbar dan screen televisyen dengan laporan mulok-mulok yang memberangsangkan. Kemunculan Anwar diakhbar kadang-kala lebih hebat daripada kemunculan Mahathir dan Encik Ghafar Baba.

Asas atau hujah ketiga yang menjadi pegangan peramal tadi ialah mengenai desas desus dan juga gimmick yang mengatakan Dr Mahathir Mohamad sangat mengharapkan Anwar untuk menggantinya pada masa akan datang. Gimmick ini telah dijadikan satu sebab untuk meletakkan Anwar berada di atas puncak, sehingga kadang-kala menyenakkan hari tokoh lain mendengarnya. Dan gimmick inilah dijadikan seperti "kuih cekodok basi" oleh orang-orang Anwar, mereka menjajanya ke sana

ke mari.

Itulah tiga asas ataupun alasan yang digunakan oleh permerhati politik khususnya mereka yang mengagumi Menteri Kewangan itu untuk menobatkan beliau berada dalam keadaan selamat. Soalnya kini, bagi mereka yang rasional, bolehkah menerima asas pandangan itu untuk turut sama meletakkan Anwar dalam keadaan selamat seperti mana yang digembar gemburkan? Logikkan bagi kita menerima tiga alasan itu untuk meletakkan Anwar ke atas takhta dalam keadaan selamat?

Kerana politik itu harus dilihat dari berbagai sudut, dan perlu ditafsirkan dengan pelbagai makna, adalah elok kalau kita cuba melihat dan menimbang asas-asas yang digunakan tadi samada logik atau tidak sebelum kita "menegarakan" bahawa Anwar kini sudah berada dalam keadaan selamat. Keadaan ini juga harus digunakan oleh mereka yang menjadi pendokong Anwar, agar mereka tidak silap membuat perhitungan dimana akibatnya boleh menyebabkan tokoh yang mereka puja jatuh tersembam.

Kelebihan undi kepada Anwar dalam permilihan tahun 1990 lalu, sebenarnya tidak boleh dijadikan asas konkret untuk mengatakan Anwar berada dalam keadaan selesa atau selamat dalam perhimpunan akan datang. Jumlah undi itu tidak boleh dijadikan kayu pengukur pasti kerana ia bukan satu perkara yang *rigid*. Mood perwakilan dalam tahun 1990 mungkin tidak sama dengan mood perwakilan pada tahun ini.

Begitu juga alasan dan asas perwakilan untuk memilih Anwar Ibrahim pada tahun 1993 berbeza dengan asas yang digunakan pada tahun 1990 dulu.

Apa yang kita nampak ukuran yang dijadikan asas untuk memilih Anwar pada tahun 1990 dulu, ialah kerana perwakilan masih taksud dengan wibawanya sebagai seorang pemimpin Islam. Perwakilan juga seperti tersihir dengan kehebatan Anwar semasa beliau dalam Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM). Perwakilan seperti kelabu mata dan tidak tahu hendak memilih mana intan dan kaca.

Pada perhimpunan tahun ini, keadaan itu tidak berlaku lagi.

Sihir mengenai kehebatan Anwar itu tidak dapat dipentaskan lagi, dan perwakilan sudah dapat membaca segala tekit dan strategi itu. Apa yang pasti menjadi ukuran ialah mengenai kewibawaan dan kemampuan Anwar sebagai menteri kewangan.

Buat masa ini kemampuan dan kewibawaan Anwar di Kementerian Kewangan masih belum teruji. Beliau masih belum dapat menunjukkan satu prestasi dan kejayaan yang cemerlang. Anwar masih belum dapat membuat apa-apa di Kementerian Kewangan selain daripada menukar simbol tanda \$ kepada RM.

Malahan kemampuannya di kementerian kewangan meraguikan ramai orang. Kerugian kerana pembelian wang asing sebanyak RM9.3 billion masih lagi belum terjawab. Anwar nampaknya kial-kial mencari helah untuk memuaskan hati mereka yang mempersolkan kerugian itu. Gebenor Bank Negara Jaafar Hussein dan Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan bergabung tenaga terpaksa membuat menjelaskan berhubung kerugian itu. Kononnya menurut mereka apa yang dikatakan kerugian itu, sebenarnya berlaku di atas kertas sahaja.

Kerugian itu menyebabkan program yang baru diperkenalkan Anwar di Kementerian Kewangan seperti skim tanpa faedah, yayasan kemiskinan tenggelam terus. Jika Anwar tidak dapat memberi jawapan yang pasti, kedudukannya tergugat dan wibawanya akan disangsi dan dipersoalkan!

Perubahan yang dibuat oleh Anwar tidak begitu ketara. Sebaliknya yang paling ketara berlaku ke atas Anwar sejak menjadi menteri kewangan ialah sikap dan keperibadiannya. Anwar dikatakan banyak berubah daripada seorang yang senang untuk ditemui, menjadi seorang yang payah untuk berjumpa dengannya.

Kementerian Kewangan dikatakan mengubahkan stail hidupnya, daripada seorang pemimpin Islam (Abim) kepada pemimpin koprat. Daripada seorang yang sinonim dengan istilah, murabbi, takwa, iman, rabanni kepada istilah-istilah ekonomi seperti aset, bursa, lebihan dagangan, stock exchange dan

sebagainya. Daripada seorang yang tidak tahu makan bersepit (*chop stick*) kepada pandai menggunakan alat makan orang China itu.

Sejak menjadi Menteri Kewangan, ramai kawan-kawannya merungut sukar untuk berjumpa dan bertukar fikiran dengan Anwar. Kalau dulu mereka boleh bercakap dengan Anwar di mana-mana sahaja, tetapi kini kalau ke pejabatnya belum tentu lagi dapat bersua muka dengannya, walaupun sudah menunggu berjam-jam.

Ada satu cerita, satu rombongan peniaga dikalangan kawan-nya sendiri hendak berjumpa dengannya terpaksa berarak ke pejabat dan ke rumahnya beberapa kali. Rombongan itu datang ke rumahnya, Anwar suruh datang ke office, bila datang ke office, disuruh pula ke rumah. Lama ke lamaan rombongan itu pulang tanpa dapat berjumpa dengannya.

Itulah perubahan paling ketara.

Begitu juga dengan dakwaan mengatakan perwakilan dalam tahun 1990 dulu bersimpati dengan Anwar kerana tersebarnya buku tulisan saya berjodol *Anwar Ibrahim: Mimpi & Realiti*. Kononnya gara-gara buku itu menyebabkan perwakilan telah bersimpati dengan Anwar. Perwakilan merasakan kritikan saya itu melulu dan sengaja mahu menjatuhkan imejnya.

Kalau benar buku itu menjadi faktor, maka sudah tentu perwakilan yang simpati kepadanya tidak ada lagi pada tahun ini kerana buku yang berbentuk demikian, yang mengkritik Anwar mungkin tidak lagi diterbitkan. (Sebaliknya sekarang tiga buku yang memuji kepintaran dan kehebatan Anwar dikatakan dalam proses penerbitan menjelang perhimpunan agung ini).

Begitu juga dengan kepopuleritian diri Anwar seperti mana yang dianggapkan hari ini. Popularitian itu tidak boleh dijadikan asas ataupun hujah yang tepat untuk meletakkan Anwar selamat. Kerana populartian Anwar itu bukan disebabkan kecemerlangan dan kehebatan *quality* kepimpinan dan keperibadiannya, tetapi ia sengaja dipopulkarkan oleh media massa yang memang dikuasai oleh golongan Anwar.

Ini dapat dirasa dan ditenguk sendiri. Kadang-kadang berita yang tidak penting dalam konteks kewartawanan dan journalisme pun tetapi diberikan liputan utama asalkan ia menguntungkan politik Anwar Ibrahim. Akhbar seakan sudah melanggar prinsip dan etika jurnalisme bila melaporkan tentang Anwar. Kadang-kadang kepopularitian Anwar bisa mengalahkan kepolarisasi sabun Fab Berbuku Baru! Popularitian Anwar juga boleh mengugat kepopularitian Sabun Fab kerana ruang iklan *front-page* untuk sabun itu habis disapu oleh Anwar Ibrahim. Disebabkan terlalu kerap sangat muncul dimuka depan meskipun kerana hal tidak penting menjadikan nilai kepopularitian Anwar sama sahaja taraf dengan sabun fab berbuku baru!

Kesempatan baik diterima oleh Anwar ini kerana orangnya menguasai media-massa itu. Satu-satu Anwar menguasai media-massa baik cetak atau elektronik. Mulanya ia menguasai kumpulan akhbar The New Straits Times, selepas itu Utusan Melayu pula. Entah ilmu apa yang digunakan Anwar dikatakan berjaya memujuk PM agar menendang keluar Zainuddin Maidin dan digantikan dengan Johan Jaafar yang buta dalam dunia penerbitan akhbar. Johan Jafaar adalah "tukang sorak" Anwar.

Dulu Anwar setakat menguasai TV3 sahaja, tetapi kini RTM pun dia sudah mula takluki. Untuk menguasai TV3, Anwar dikatakan terpaksa laburkan RM800 juta? Ini kejayaan terbaru kepadanya. Dulu RTM agak sukar untuk memberi liputan utama kepadanya, hari ini sudah berbeza. Boleh dikatakan setiap malam Anwar akan muncul di RTM. Perubahan sikap RTM ini juga dikaitkan dengan kecenderongan menterinya kepada Anwar. Mohamed Rahmat yang sebelum ini dikatakan berbulu dengan Anwar sudah terpaut hati kepada Mamak Penang itu. Sebabnya tahulah sendiri, bukankah Anwar Ibrahim itu Pengrusi Jawatankuasa Penyelewengan Kabinet.

Mat Rahmat juga terpaksa membodek Anwar katanya kerana hendak dapatkan lesen kewangan (*finance*) untuk mewujudkan, anak bekas Gebenor Bank Negara!

Begitu juga dengan asas ketiga, iaitu kononnya Anwar di-

restui oleh Dr Mahathir Mohamad untuk menggantinya sebagai Perdana Menteri. Asas atau pun hujah rambang ini juga tidak boleh diterima, dan adalah cukup memalukan Anwar sendiri kalau dakwaan itu terus dijadikan modal untuk mempopularkan dirinya dan juga mempengaruhi perwakilan agar menyokongnya.

Dimanakah kebenaran hujah dan alasan ini. Sampai sekarang Dr Mahathir tidak pernah menamakan siapakah penggantinya. Beliau masih tetap berpegang kepada tradisi dalam UMNO, sesiapa yang akan naik selepas beliau ialah timbalannya. Timbalannya kini ialah Encik Ghafar bukannya Anwar. Maknanya kalau Mahathir jujur dan berpegang kepada tradisi Anwar tidak boleh mengakui Mahathir mahukannya kerana kedudukannya kini dibawah Ghafar Baba.

Hakikat ini patut disedari oleh Anwar dan para pendokongnya. Gembar gembur tanpa bukti ini tidak memberi sedikit keuntungan pun kepada Anwar, sebaliknya memalukannya. Perwakilan dan anggota UMNO tidak boleh ditipu secara mentah-mentah. Lainlah kalau Dr. Mahathir mengisyiharkan bahawa selepas beliau, Anwar.

Para peramal dan pendokongnya menggunakan alasan ini semata-mata berpandukan kepada beberapa kebetulan yang berlaku dalam politik Anwar Ibrahim. Antaranya ialah mengenai keinginan Anwar untuk memegang sesuatu kementerian yang dikira *glamour* seperti Menteri Pendidikan, Menteri Kewangan, dimana ianya diberikan oleh Mahathir. Mahathir seperti memenuhi apa yang dihajati oleh Anwar.

Dalam hal ini Anwar tidak patut menjadikan kesempatan itu sebagai batu loncatan, sebaliknya beliau harus menerima perestuan Mahathir untuknya memegang jawatan itu mungkin sebagai ujian sahaja. Atas sifat ujian, maka Anwar akan berhadapan dengan dua kemungkinan, lulus ataupun tidak. Kalau diperhatikan kepada beberapa sudut, ternyata dalam ujian itu Anwar tidak menunjukkan kecemerlangan, sebaliknya mendaharkan kelemahan dan ketidak mampuan dirinya.

Oleh hal demikian, berdasarkan kepada penghuraian dan

juga hakikat itu, peramat yang meletakkan Anwar dalam keadaan selamat telah membuat satu penghebahan yang silap. Ia bukan sahaja boleh menggelikan hati tokoh-tokoh politik veteran sebaliknya boleh juga membunuh karier politik Anwar Ibrahim sendiri.

Justeru itu adalah elok kalau peramat politik dan mereka yang terlalu "tergilakan" Anwar, sesekali membuat perhitungan rasional iaitu "kemungkinan dalam pertandingan akan datang yang akan terpelanting bukan Sanusi atau Pak Lah Badawi sebaliknya Anwar Ibrahim. Mereka juga harus merasionalkan dan meletakkan kemungkinan teori bahawa mana-mana calon Naib Presiden yang mendapat undi terbanyak sebelumnya selalunya jatuh ke tempat ketiga pada tahun akan datang.


Teori ataupun kejadian ini pernah menimpa Wan Mokhtar Ahmad dan beberapa bekas Naib Presiden UMNO sebelum ini. Jika kejadian itu berulang kembali pada tahun 1993, ini bererti orang yang bakal mendapat undi terbanyak kali ini ialah Datuk Seri Sanusi Junid kerana dalam pemilihan dua tahun lalu beliau mendapat undi paling sedikit?



Ai... Datuk... kalau ada mana-mana saham yang lebih tu.... hulurlah sikit, takkan nak makan sorang kot?



Lagi gambar "Brother Islam" kita bersama perempuan. Dia pernah bertanya kepada saya, gambar artis mana lagi hendak taruhkan dekat gambarnya, jadi kerana tahun ini Brother kita tak bergambar dengan artis, saya masukkan gambar dia bersama 4 orang "iron lady" UMNO ini.



7

KENAPA PAK LAH  
PERLU  
DIKEKALKAN?

**S**EANDAINYA pendapat dan analisis yang mengatakan kemenangan Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi (Pak Lah) dalam pemilihan pucuk pimpinan pada tahun 1990 lalu benar disebabkan undi simpati daripada perwakilan, maka kedudukan Pak Lah pada pemilihan tahun ini agak sukar sedikit.

Pada pemilihan kali ini tidak mungkin fenomena undi simpati yang wujud dalam pemilihan 1990 berlaku lagi. Ini kerana keadaan Pak Lah sendiri sudah berubah. Kalau dulu beliau mendapat undi simpati ialah kerana keadaan dirinya seperti "anak yatim" dalam UMNO. Beliau bertanding dengan sebatang kara dan tidak mempunyai apa-apa modal dan support group yang kuat.

Tidak ada sesiapa yang berkempen untuknya, dan Pak Lah juga tidak punya God-father atau aset peribadi seperti calon-calon lain seperti Anwar Ibrahim yang mempunyai Mahathir sebagai God-father dan Sanusi yang memiliki Ghafar Baba eldest brother.

Pak Lah ketika itu hanya sendiri sahaja. Dia hanya menyerahkan dirinya kepada Allah dan perwakilan untuk menentukan nasib dan kedudukannya dalam perjuangan UMNO. Modal

yang dapat beliau berikan ketika itu hanyalah tawaran untuk berkhidmat kepada parti.

Memang dalam pertandingan tahun 1990 tidak ramai menduga Pak Lah boleh menang. Apa lagi menduduki di tempat kedua. Beliau dikira akan kalah dan terpelanting dalam UMNO memandangkan tidak ada mana-mana *God-father* yang menaunginya. Pertandingan pada tahun itu dikira penentuan masa depan politik Pak Lah.

Tetapi kuasa Allah, mungkin kerana keikhlasan perjuangan dan juga kepekaan perwakilan yang dapat membaca hati budi Pak Lah maka apa yang dinamakan undi simpati telah memberi kemenangan kepada Pak Lah. Malahan kemenangan itu memberangsangkan apabila ia boleh menempatkan dirinya di belakang Anwar dengan beza 114 undi.

Seperti yang dikatakan tadi, dalam pertandingan pada tahun ini Pak Lah tidak mungkin mempunyai undi simpati lagi. Para perwakilan tidak mempunyai alasan lagi untuk kasihan-khan kepada Pak Lah. Kerana suasana diri Pak Lah hari ini sudah berubah. Ia dianggap bukan "anak yatim" piatu lagi. Jawatan menteri luar dikira menjadi "bapa" atau "ibu" kepada Pak Lah untuk menguatkan semangatnya bagi mempertahankan kedudukannya dalam UMNO.

Diri Pak Lah kini hampir mempunyai kekuatan atau modal yang sama dengan lain-lain Naib Presiden yang akan mempertahankan kedudukan, iaitu Anwar dan Sanusi Junid.

Kementerian Luar yang dipegangnya kini akan menjadi *aset* kepada Pak Lah. Jawatan itu menyebabkan kedudukannya sama dengan Sanusi dan Anwar. Ini menyebabkan perwakilan melihat ketiga mereka sama kuat sahaja dan tidak ada sesiapa yang berhak untuk mendapat simpati.

Tetapi apa menjadi soal, apakah Pak Lah akan menggunakan jawatannya itu sebagai modal untuk dia mempertahankan jawatannya buat kali ketiga? Apakah dia akan menggunakan kementerian itu sebagai alat untuk untuk membuktikan kata-kata dan janjinya dahulu?

Sekiranya Pak Lah bercadang untuk menjadikan Kemen-

terian Luar sebagai modal untuk mempertahankan jawatan, ternyata dia tidak mampu. Pak Lah kena mengaku awal-awal lagi. Kementerian Luar tidak boleh menjamin kemenangan kepada Pak Lah kerana kementerian itu tidak boleh memberi sebarang kekayaan kepada sesiapa, sedangkan tradisi perwakilan dalam perhimpunan agung UMNO cenderung untuk mengundi calon yang boleh memberi sesuatu ganjaran kebendaan kepada mereka.

Mana-mana perwakilan yang mengharapkan imbalan dari pada Pak Lah mereka akan kecewa, kerana Kementerian Luar bukan kerja membuat wang seperti Kementerian Kewangan atau Perusahaan Awam yang boleh mengeluarkan permit! Tetapi Kementerian Luar ialah kementerian yang menghabiskan wang sahaja.

Kementerian Luar tidak boleh dijadikan bahan untuk berkempen. Keadaan ini wujud bukan sahaja di zaman ini tetapi pada zaman dulu lagi. Apa lag kementerian ini menjadi *phobia* kepada orang ramai, dimana mereka beranggapan sesiapa yang diletakkan ke kementerian ini adalah orang yang akan dipencenkan dari arena politik. Orang yang sedang menuju ke zaman gerhana dalam politiknya.

Dari situ kita tidak nampak Pak Lah akan menjadikan kementeriannya sebagai bahan kempen. Jawatannya itu tidak memberi jaminan dia akan dikerumuni oleh perwakilan, seperti mana Kementerian Kewangan, Perindusterian, Perusahaan Awam dan sebagainya.

Jadi apakah yang dapat kita rasakan yang menjadi satu kekuatan kepada Pak Lah dalam usahanya mempertahankan jawatan kali ini? Kalau dia sudah tidak ada wang, apakah lagi yang akan dijadikan modalnya?

Bila kita membincarakan hal ini, apa yang kita nampak Pak Lah Badawi hanya ada satu modal sahaja untuk digunakan dalam usaha beliau mempertahankan jawatannya nanti. Modal yang dimaksudkan itu ialah stail kerjanya, keperibadiannya dan juga keikhlasannya dalam perjuangan. Itulah dikira menjadi modal paling berharga yang ada kepada diri Pak Lah Badawi

dan tidak ada kepada orang lain.

Sebenarnya modal itu sangat berguna kepada bangsa Melayu. Bagi mereka yang mengimpikan untuk memunculkan seorang pemimpin yang bersih,ikhlas dan gigih, Pak Lahlah modelnya. Dan itulah juga ciri-ciri pemimpin yang boleh membawa perpaduan dalam erti kata sebenarnya. Itulah type pemimpin yang dinanti oleh bangsa Melayu hari ini.

Memang kelebihan sifat-sifat semula jadi Pak Lah itu begitu terserlah sekali. Kalau dibandingkan dengan pemimpin lain, ternyata keperibadian Pak Lah cukup menarik. Orang tidak pernah mempekatakan soal kejahatannya. Orang tidak pernah mengaitkan beliau dengan apa-apa skandal dan dosa.

Cuma apabila orang cuba juga hendak memburukkan Pak Lah, ditimbulkan tuduhan kononnya dia tidak ada prinsip dalam perjuangan. Dia tidak mempunyai visi serta lembek sebagai pemimpin. Beliau dikatakan tidak ada prinsip bila dirujukkan kepada tindakannya meninggalkan perjuangan Team B, bersama Tengku Razaleigh Hamzah dan rakan-rakannya yang lain.

Perkara ini sebenarnya, kalau diselidiki sepatutnya tidak timbul lagi. Kenapa Pak Lah meninggalkan team B dan kembali kepada UMNO, lantaran dia menghormati kepada demokrasi. Bila team B sudah kalah maka dia tunduk kepada kehendak ramai, UMNO.

Begitu juga tuduhan kononnya dia meninggalkan Semangat 46 dan menyertai UMNO. Tuduhan itu sengaja diadakan-adakan kerana dia tidak pernah memasuki Semangat 46 dan meninggalkan UMNO.

Ketika rakan-rakannya yang lain mendaftarkan diri menjadi ahli Semangat 46, Pak Lah masih menjadi ahli UMNO. Malahan beliau dipanggil sendiri oleh Dr Mahathir menduduki jawatankuasa Pemulihan Balik UMNO. Apa yang berlaku ke atasnya sengaja diputar belitkan untuk menampakkan dia seorang yang tidak berprinsip dan juga bermaruah.

Demikian juga dengan perhubungan atau sikap setia-kawan yang ada kepadanya sungguh mengagumkan. Pak Lah tidak tahu untuk memburuk orang lain dan mengamalkan budaya

masuk bakul angkat sendiri, ataupun pengamal budaya (Hendisen) - dengan menulis surat layang! "hentam diri sendiri". Padanya dia menghormati sesiapa sahaja dan apa sahaja tindakan parti ke atasnya.

Selain itu beliau juga punya tahap kesetiaan dan keikhlasan yang tinggi dalam parti dan perjuangan. Ini terbukti ketika beliau ditendang daripada kabinet. Selama tiga tahun 10 bulan Mahathir "memenjarakan"nya di luar kabinet namun dia masih komited dengan UMNO. Dia tidak merajuk ataupun berkecil hati dengan tindakan Dr. Mahathir itu.

Pak Lah juga terkenal dengan seorang pemimpin yang berhemah tinggi dan sopan santun. Yang mempunyai akhlak yang baik. Mungkin asas pendidikan yang diterima sejak kecil - yang didikan dengan akhlak Islam mempengaruhi gaya hidup Pak Lah.

Bukti ini boleh dilihat kepada kehidupan sehariannya. Dari cara beliau berpakaian dan juga bercakap dengan kawan-kawan. Beliau tidak meninggikan diri dan menghormati sesiapa sahaja. Pak Lah juga seorang pemimpin yang terbuka - *open minded*, dia bersedia menerima teguran dan kritikan ke atasnya. Dia tidak lekas melenting seperti sesetengah pemimpin bila ditegur akan melenting macam buah guli jatuh ke simen dan memaki hamun orang yang menegurnya.

Saya sendiri mempunyai pengalaman cukup baik dalam hal ini. Saya pernah menegur Pak Lah dalam buku *Merdeka Kedua*. Kritikan saya itu pedas juga kepadanya tetapi Pak Lah boleh sabar. Bila berjumpa dia tidak maki tak tentu pasal, sebaliknya dia ajak kita duduk dan meminta penjelasan apakah maksud kritikan kita ke atasnya itu. Tetapi Pak Lah tidak suka kalau orang menegurnya sampai menyentuh hal-hal peribadi. Tetapi kalau teguran bersifat konstruktif dia boleh menerimanya malahan diucapkan terima kasih kepada pengkritiknya itu.

Sesuai dengan pemimpin yang berakhhlak, tidak besarkan diri serta menghormati kawan dan lawan, Pak Lah tidak pandai untuk memburukkan rakan-rakannya dalam parti. Biarpun orang itu merupakan saingannya, tetapi ia tetap menghormati. Beliau

menerima keistimewaan orang lain sebagai suatu rezeki yang Allah berikan kepada seseorang itu.

Suatu hari ketika saya dan beberapa orang rakan penulis berkesempatan berbual dengan Pak Lah di lobby parliment, kami cuba provok Pak Lah dengan mengemukakan soalan sensasi dan juga komen-komen musuhnya padanya. Kami sebenarnya mahu tenguk reaksinya sahaja.

Macam-macam yang ditimbulkan dalam kesempatan itu. Tetapi Pak Lah biasa sahaja. Dia tidak berminat untuk memburuk sesiapa. Padanya, beliau menerima sesiapa sahaja yang ingin berkawan dengannya. Beliau tidak suka untuk berpolitiking bagi menjaga politik dirinya. Padanya yang penting ialah berkhidmat kepada negara.

Begitulah sikap dan keperibadian Pak Lah. Dia tidak pandai untuk bergaduh dengan sesiapa dan tidak pandai pula untuk mencari gaduh.

Selain itu apa yang menarik mengenai diri cucu Abdullah Fahim ini, dia juga tidak sosial. Pergaulannya terbatas kepada hal-hal yang perlu sahaja. Dia tidak pandai berfoya-foya seperti kebanyakan pemimpin UMNO yang berkerapu yang suka menyinggahi *coffee house* demi *coffee house* pada setiap malam tanpa mengira bulan Ramadhan ataupun bulan apa.

Naib Presiden UMNO ini juga senang didekati dan boleh berkawan dengan sesiapa sahaja. Ia tidak memilih kawan. Sesiaapa yang lalu dihadapannya akan ditegur dan berjabat tangan. Dia juga seorang menteri yang menilai kerja wartawan. Yang menghormati wartawan dan menganggap wartawan adalah salah satu daripada faktor yang membantu kejayaan seseorang pemimpin.

"Penulis dengan pemimpin ini umpamanya anak dengan mak. Penulis adalah mak, pemimpin adalah anak. Selaku anak pemimpin harus bersedia untuk ditegur oleh mak. Teguran mak itu sudah pasti untuk kebaikan. Kalau si anak sudah tidak mahu mendengar nasihat mak, bermakna anak itu menuju ke hancuran.." demikian pendapat Pak Lah mengenai kritikan dan hubungan penulis dengan pemimpin.

Itulah keperibadian Pak Lah Badawi. Dan itulah juga modal yang akan digunakan dalam perhimpunan agung akan datang. Keperibadian dan kelebihan itulah yang dia akan tawarkan kepada perwakilan pada 4 November ini.

Sebenarnya kalau dilihat kepada keperluan dan suasana sekarang ini, era kebangkitan Islam dan zaman orang sudah rindu pada Islam, keperibadian dimiliki oleh Pak Lah merupakan keperibadian yang harus ada kepada semua pemimpin UMNO.

Sikap, peribadian dan pendirian seperti itulah yang perlu ada kepada seseorang pemimpin dalam era bangsa Melayu (UMNO), ingin kepada Islam ini. Sekiranya pemimpin demikian tidak ada dalam UMNO nawaitu untuk mesejagatkan perjuangan Islam tidak akan berlaku.

Apa yang mustahak juga, wawasan 2020 yang menjadi cita-cita Dr. Mahathir tidak akan berjaya tanpa pemimpin mempunyai sikap seperti Pak Lah itu. Dalam usaha mencapaikan kemajuan dan keharmonian negara memerlukan kepada ke-redaan dan kestabilan politik dalam parti pemerintah.

Dalam pada itu juga, orang seperti Pak Lah adalah seorang pemimpin yang boleh dibentuk mengikut acuan dan kehendak orang Melayu. Sikap terbuka dan bersedia mendengar teguran itu, menunjukkan dia boleh dibentuk dan dilentur. Sekiranya Pak Lah menjadi pemimpin besar negara, ia tidak akan membentuk masyarakat menurut kehendak fikirannya sahaja, tetapi dia bersedia dibentuk menuruti naluri dan aspirasi bangsa Melayu.

## Pak Lah Islamkan Mahathir?

Sebagai pemimpin yang mengamalkan prinsip dan akhlak Islam Pak Lah tidak memperdulikan kepada cemuhan dan ejekan yang dilakukan ke atasnya. Dia mengambil sikap membuatkan mata dan menulikan telinga mendengar segala itu. Pak Lah bukan tidak pernah mendengar tuduhan dan juga usaha merendah-rendahkan kerja dan kebolehannya, dia dengar cuma dia

tidak mahu bergaduh.

Beliau rendah-rendahkan dengan kata-kata seorang menteri yang tidak mempunyai visi, tidak kreatif dan berpandangan jauh. Juga tidak mempunyai konteks antarabangsa yang luas sebagai seorang pemimpin.

Selain dari itu ada pula satu pihak yang cemburu dengan kedudukan dan kepercayaan perwakilan kepadanya cuba membawa cerita kononnya Pak Lah tidak mendapat kepercayaan Dr Mahathir. Mahathir tidak berapa suka kepada Pak Lah. Perang saraf itu merupakan salah satu senjata yang digunakan oleh orang-orang yang membenci Pak Lah.

Bagi mereka yang celek ilmu politik mungkin tidak mudah untuk menerima segala prejudis dan anggapan itu. Mereka boleh melihat hakikat ini. Mereka boleh perhatikan apa yang dilakukan oleh Pak Lah sejak menjadi Menteri Luar, pada 15 May, 1991.

Khidmatnya di Wisma Putra boleh dijadikan ukuran, sama ada ia mempunyai visi ataupun tidak. Begitu juga kekerapan dia keluar negeri bersama Mahathir boleh dijadikan ukuran apakah ia baik ataupun tidak dengan Mahathir. Hal ini boleh dijadikan bukti apakah benar dia tidak dipercayai dan disenangi Mahathir seperti mana yang diprejudiskan itu.

Barangkali tidak ramai orang yang menghitung dan juga begitu prihatin kepada kerja-kerja Pak Lah di Wisma Putra. Kerana kerja itu tidak boleh memberi tawaran wang, maka ia tidak berapa dipublishkan. Orang lebih suka untuk memerhati kerja-kerja yang dilakukan oleh menteri yang boleh mengeluarkan permit, saham dan sebagainya.

Dalam masa lebih dua tahun menjawat jawatan Menteri Luar, sudah 54 buah negara yang Pak Lah lawati. Ini merupakan satu kejayaan besar bagi seseorang menteri. Dan hampir semua negara-negara OIC telah dikunjunginya. Untuk membuat pendekatan (hubungan diplomatik) dengan negara-negara OIC bukan perkara yang mudah. Jika seseorang perintis itu (menteri luar) tidak punya semangat Islam yang kental hubungan itu tidak menjadi realiti.

Dalam hal ini Pak Lah benar-benar mahu mewujudkan perpaduan di kalangan ummah Islam dunia. Dia tidak sahaja nampak dunia Barat boleh mewujudkan perpaduan dan memberi kekayaan, sebaliknya negara-negara Islam juga mampu mewujudkan perdamaian sejagat serta memberi keuntungan kepada negeri disegi material.

Perhatian besar yang diberikan oleh Pak Lah kepada negara-negara Islam itu menunjukkan keseriusan beliau untuk membina perpaduan ummah dikalangan dunia Islam diseluruh dunia yang sampai kini masih belum wujud sepenuhnya. Aspirasi ini tidak syak lagi wujud daripada keputihan hatinya kepada Islam.

Kejayaan Pak Lah merealisasikan nilai-nilai Islam ini jelas tercermin dalam rantau Asean ini. Dimana dengan semangat setia kawan, tolak ansur dan juga dengan sikap kesedaranhanannya, Pak Lah berjaya meredakan beberapa krisis atau masalah yang mempunyai potensi untuk menjadi besar seperti masalah Pulau Batu Putih, Kepulauan Spartly, Pulau Ligitan, Sipadan dan juga masalah sempadan dengan Thailand di Padang Besar, Parlis.

Krisis-krisis itu boleh merebak menjadi besar dan juga menghalang kelancaran bilateral (hubungan dua hala) negara dengan negara-negara Asean. Tetapi berkat perundingan Pak Lah yang berlandaskan semangat Asean yang kental ia boleh dikendurkan ketegangan itu kalaupun masih belum selesai seratus peratus.

Bagaimanapun suara-suara sumbang tetap kedengaran mengkritik dan juga memandang rendah usaha Pak Lah itu dengan anggapan Pak Lah kurang tegas dan kurang berani! Tuduhan itu mungkin benar, tetapi apa yang harus difahami dalam hal ini, mungkin Pak Lah berpegang pada prinsip "buat apa berani kalau kita terpaksa bertumpah darah".

Kejayaan besar bagi Pak Lah sejak menjadi Menteri Luar ialah, berjaya mengadakan hubungan dengan beberapa negara Islam. Kejayaan ini sesuatu yang sudah kesekian lama ditunggu. Pak Lah begitu bersungguh sekali dalam mengadakan hubungan persefahaman baik dalam bidang ekonomi, politik,

pelaburan dan perdagangan.

Kesudian Dr Mahathir dan kejayaan Pak Lah merintis jalan ke negara-negara Islam, Pakistan, Bangladesh, Iran dan Uzebkistan baru-baru ini adalah kemuncak kepada kejayaan Pak Lah buat masa ini. Calang-calang orang yang mampu membawa Mahathir untuk menziarahi negara Islam yang bersikap fundamentalis dan penuh dengan ekstrimsme.

Sebelum ini kita jarang mendengar Mahathir melawat negara-negara Islam. Mahathir lebih gemar untuk mengadakan hubungan dengan negara-negara berteknologi tinggi dan maju sahaja dan selalu memandang remeh kepada negara-negara Islam.

Perubahan minat Mahathir ini dapat dilihat sebagai satu kejayaan kepada Pak Lah Badawi. Sungguhpun ramai pegawai dan individu terlibat mengusung Mahathir ke negara-negara Islam itu, tetapi disebabkan Pak Lah kini yang mengepalai Wisma Putera, maka kejayaan itu wajar disanggulkan ke atas kepalanya.

(Suatu hari nanti kita berharap Pak Lah berjaya memujuk Mahatahir untuk melawat ke negara Saudi pula, kemudian terus menunaikan fardu Haji di Tanah Haram itu. Kejayaan Pak Lah membawa Mahathir ke Mekkah bolehlah dianggap kejayaan terbesar untuknya diabad ini).

Mungkin usaha Pak Lah ini masih kecil kalau hendak dibandingkan dengan usaha orang lain yang boleh membawa kemajuan fizikal kepada negara, tetapi dalam konteks hubungan antarabangsa, mewujudkan perpaduan ummah yang sejagat begitu murni dan suci sekali. Kita perlu ingat tanpa kerjasama, persefahaman dan perpaduan dengan dunia sejagat, kemajuan yang kita nikmati sekarang ini boleh runtuh dalam sekelip mata sahaja.

Bagi mereka yang celek politik juga akan menolak tuduhan dan desas desus yang mengatakan Dr Mahathir tidak berapa sukakan kepada Pak Lah Badawi. Mereka yang suka mencari kebenaran akan bertanya dan mempersoalkan tuduhan itu.

Benarkah Mahathir tidak suka kepada Pak Lah? Sekiranya

Mahathir tidak mempercayai Pak Lah (tidak suka) masakan Mahathir bersedia untuk berjalan seiringan dengan Pak Lah. Ke mana sahaja Mahathir pergi ke luar negeri dia akan diiringi oleh Pak Lah. Dalam kunjungan PM ke luar negeri Pak Lah mengiringi Mahathir sebanyak lebih 15 kali.

Kalaupun peranan Pak Lah dalam lawatan Mahathir itu hanya sebagai jurucakap atau perintis jalan, tetapi itu membuktikan bahawa Mahathir mempercayai dan mengakui peranan Pak Lah sebagai mediatornya dengan negara Islam. Dalam hal ini menyebabkan kita tertanya-tanya, khasnya Anwar mempunyai hubungan intim dengan negara Islam, tetapi kenapa Dr. M tidak pernah bersamanya dan kenapa Dr. M lebih suka gunakan Pak Lah?

Jadi jelas segala tuduhan, anggapan negatif dan juga sikap enggan mengakui usaha Pak Lah hanya dibuat oleh mereka yang *jealous* dengan kedudukan Pak Lah dan juga bimbang kepada kejayaan Pak Lah Badawi.

Tuduhan itu sengaja digempar gemburkan untuk menunjukkan Pak Lah seorang menteri yang tidak berkeupayaan dan tidak mampu pula untuk menjadi pemimpin dalam era Wawasan 2020.

Hakikat sebenarnya Pak Lah juga mempunyai visi, komitmen kepada bangsa dan juga berkeupayaan untuk muncul sebagai seorang pemimpin yang berkalibar dan karismatik.

Malahan Pak Lah dikira mempunyai banyak ke sempurnaan kerana ia memiliki beberapa kesitimewaan yang jarang ada kepada pemimpin lain. Keistimewaan itu ialah keperibadian serta sikap sedarhama yang merupakan pakaian semulajadi bangsa Melayu.

Berdasarkan kepada hakikat itu, saya percaya perwakilan UMNO tidak akan menyesal kalau mereka mengkalkan Pak Lah sebagai salah seorang pemimpin tertinggi UMNO. Biarlah Pak Lah dikira tidak kreatif seperti Sanusi dan tidak Islamik seperti Anwar, tetapi apa yang ada kepada Pak Lah cukup serasi dengan jiwa dan memenuhi aspirasi dan keazman bangsa Melayu.

Berdasarkan kepada keperibadian dan keazaman serta nawaitu Pak Lah itu juga, kita yakin jika beliau diberi peluang memimpin UMNO suatu hari nanti, beliau juga mampu untuk menenangkan parti Melayu itu. Pak Lah juga bisa menjadi arkitek kepada perdamaian orang Melayu negara ini dan juga pembasmian politik *game* yang menjadi satu tradisi liar dikalangan orang Melayu.

Kemampuan Pak Lah ini saya pernah sebut dalam buku **Antara Anwar, Dollah dan Sanusi: TUHAN PILIH SIAPA**, antara lain berbunyi:

"Meskipun dia tidak idealis dan sloganis seperti Anwar dan tidak sekreatif dan agresif Sanusi Junid, tetapi kemunculannya dalam UMNO adalah untuk survival UMNO. Pak Dollah dikira seorang tokoh yang mampu untuk menstabilkan UMNO serta membawa UMNO kepada teras perjuangan yang asal. Kenapa kita berkata demikian kerana Pak Dollah ini mempunyai keistimewaan yang lain berbanding dengan orang lain. Beliau mempunyai ilmu untuk melembut hati orang ramai agar bersimpati dengan kerja dan pejuangannya. Dengan keistimewaan yang satu itulah dia dapat menjadikan dirinya azimat untuk menyatukan semula segala keretakan dan serpihan dalam UMNO.

"Pak Dollah juga dilihat seorang tokoh yang tenang, tidak gelojoh dan penyabar, dikira bukan sahaja akan boleh mendamaikan sesama tokoh dalam UMNO, dia juga dikira mampu untuk merapatkan kerjasama antara UMNO dan parti-parti Melayu lain. Kerana Pak Dollah juga mempunyai hubungan personal yang baik dengan pemimpin parti-parti Melayu - Islam lain.

"Misalnya kita tidak pernah mendengar Pak Lah, mengecam parti Pas (musuh UMNO) secara membabi buta. Beliau tidak melalak tanpa tentu pasal, apa lagi mencaci maki pemimpin parti Pas dengan bahasa yang kesat dan memalukan. Kalau ada pun beliau mengulas sesuatu isu itu dengan rasional diatas kedudukannya

sebagai pemimpin parti yang tidak sealiran dengan ideologi Pas. Subky Latiff pernah memberi kredit Pak Lah orang paling bersopan dalam UMNO hari ini.

"Dalam pada itu juga kemunculan Pak Dollah menjadi pemimpin negara suatu hari nanti, bukan sahaja setakat mampu untuk mendamaikan politik UMNO dan meredakan politik Melayu. Dia juga dirasakan dapat membawa sesuatu yang lebih bermakna dalam perkembangan Islam. Sebagai seorang anak ulama, Pak Dollah sedikit sebanyak akan peka kepada kepentingan agama Islam pada masa akan datang.

"Beliau akan melakukan sesuatu yang memberangsangkan nanti. Kelahiran dalam lingkungan keluarga ulama dan dengan didikan Islam yang diterima sejak dari kecil, sedikit sebanyak akan mendorong untuk membangun Islam. Pada masa inilah nanti nasionalis Melayu yang kukuh pegangan kepada Islam boleh memperalatkan Pak Dollah untuk kemajuan Islam.

"Kesimpulannya seandainya Pak Dollah ditakdirkan menguasai UMNO suatu hari nanti, dia bukan sahaja akan dapat mendamaikan UMNO, mengerat baikan hubungan dengan politician parti lain, sebaliknya menjadi penawar untuk mengelak pertempuran hebat diantara "kerbau jantan" dalam UMNO - Anwar dan Sanusi.

"Dan lebih harmonis dari itu, kesempatan Pak Dollah menjadi ketua nanti juga kita boleh menyaksikan bagaimanakah kesuburan politik rantau sebelah sini amnya dan intergrasi politik Malaysia khususnya antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak dan juga menjaga intergrasi UMNO pusat dengan Kelantan.

"Sesungguhnya pemimpin yang dapat melaksanakan segala agenda itulah yang kita mahukan dalam saat rakyat negara ini sedang dikejutkan sindrom gilakan kepada kemajuan material melalui wawasan 2020."


Bukan saya sahaja yang nampak Pak Lah mempunyai keistimewaan ini, bekas Setiausaha Negara Amerika, James Baker juga pernah secara tidak langsung memuji Pak Lah Badawi diatas kejayaannya mengendalikan mesyuarat peringkat Menteri Asean (AMM) yang berlangsung di Kuala Lumpur tidak lama dulu. Kata James Baker; "Sebelum menjawab soalan-soalan anda mengenai pelbagai isu saya terlebih dahulu ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Malaysia (Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi) kerana berjaya menganjurkan persidangan ini".

Atas dasar dan realiti itulah pemimpin seperti Pak Lah tidak ada sebab untuk disingkir ataupun dihancurkan begitu sahaja. Ia merupakan intan untuk negara yang perlu digilap bersama bukannya dicampakkan ke lumpur dan dibiarkan berkarat!



sebagai "impuvaya" Lah, ak James Lah dan "D" negara dan impur sin.

Apakah yang sedang direnungi dan difikirkan oleh dua tokoh dari Seberang Perai ini? Yang pastinya keduanya sedang merenungi nasib mereka dalam UMNO. Apakah mereka akan dipilih lagi kali ini ataupun tidak. Wajah Annuar Musa di belakang semakin kabur!



8

TUNGKU BUKIT  
MARAK BERAK  
CAIR

**S**ANUSI Junid pernah bersabda parti UMNO sungguh bertuah kerana memiliki dua orang Anuar. Satu Anwar Ibrahim dan satu lagi Annuar Musa. Kalau tidak silap, Sanusi melahirkan rasa bertuah itu dalam tahun 1987. Waktu itu Annuar Musa masih belum menjadi Menteri dan Senator lagi. Dia ketika itu hanya seorang Ahli Dewan Undangan Negeri, Kelantan kawasan Peringat.

Kurang pasti pula apakah ukuran yang digunakan oleh Sanusi untuk menyatakan Annuar Musa bertuah? Mungkin kepada kebolehan dan kemampuan Annuar sebagai seorang ahli pidato yang baik. Annuar memang pada mulanya merupakan seorang ahli pidato. Khabarnya dia pernah menang syembara pidato.

Kemuncak kehebatan pidatonya apabila beliau mencaci maki Sultan Kelantan dalam perhimpunan agung UMNO tahun 1987, menuduh Sultan Kelantan telah mencampuri urusan politik di Kelantan.

Sanusi Junid terkenal dengan orang yang payah untuk memuji orang. Apa lagi kalau pujian bertujuan mengapu, itu bukan kerjanya. Tetapi kalau Sanusi sudah boleh "memuji" Annuar sebagai bertuah kepada UMNO, itu merupakan satu

pujian yang cukup baik. Satu penganugerahan yang boleh membanggakan Annuar Musa.

Bagaimanapun dalam hal ini pujian Sanusi itu kerana ada udang disebalik batu. Dia terpaksa membuat pengucapan demikian mengatakan Anuar bertuah kerana menyimpan suatu maksud yang tersembunyi di sudut hatinya. Kenapa dia harus memuji Annuar Musa begitu, tak lain dan tak bukan kerana seorang lagi Anuar yang dikatakan bertuah itu sebenarnya tidak membawa tuah kepadanya.

Jadi untuk mengseimbangkan pengaruh dan kedudukannya, maka Sanusi terpaksa mencari Anuar lain (Annuar Musa) dengan harapan dapat membantunya. Kalau tidak dapat Anwar Ibrahim, dapat Annuar Musa pun jadilah. Barang kali begitulah tujuan Sanusi memuji Annuar Musa tempoh hari. Pujiannya ternyata tidak ikhlas?

Apapun kita tidak mahu mempertikaikan niat Sanusi itu. Itu terpulang maklum kepadanya sendiri. Dia (Sanusi) lebih tahu dan lebih arif kini, apakah orang yang dikatakan bertuah kepada UMNO itu benar-benar mendatangkan tuah kepadanya ataupun sebaliknya?

Apabila kita mengingatkan puji-pujian dan doa Sanusi kepada Annuar Musa itu menyebabkan kini, kita tercari-cari dimana tuah yang dikatakan itu dan apakah Annuar Musa memang bertuah? Sebab kebiasaan sesuatu yang terkeluar dari mulut orang Aceh itu akan jadi. Kononnya orang Aceh ini mempunyai ilmu dan bermulut masin.

Apakah agaknya tuah yang dibawa oleh Annuar Musa, baik kepada Sanusi ataupun kepada UMNO? Apakah kata-kata Sanusi itu benar?

Pertama kita cuba lihat apakah tuah yang diberikan atau yang dibawakan oleh Annuar Musa kepada Sanusi Junid.

Dalam tahun 1987 Sanusi Junid telah bercadang untuk bertanding merebut jawatan Naib Presiden. Sanusi sangat mengharapkan orang didikannya termasuk yang dipuja dan disanjung itu memberi sokongan dan membawa tuah kepadanya. Dalam hal ini Annuar Musa adalah salah seorang yang

menjadi harapan Sanusi Junid.

Dengan memuji Annuar Musa begitu dan memberi jawatan sebagai Pengurus FAMA kepadanya, Sanusi fikirkan Annuar boleh berkhidmat dengan baik menaikkan imej Kementerian Pertanian serta membantu Sanusi bertanding.

Tetapi malangnya Annuar tidak dapat "berkhidmat" dengan baik kepada Sanusi. Gara-gara itu setelah menyedari sokongan kepadanya tidak seberapa, Sanusi tarik diri daripada bertanding dengan alasan hendak memberi tumpuan kepada pertandingan Dr Mahathir dengan Tengku Razaleigh Hamzah.

Ternyata Annuar Musa tidak membawa tuah kepada Sanusi Junid. Sebaliknya ia membawa sial dan majal, kerana bukan sahaja tidak dapat menunjukkan taat setianya kepada Sanusi, tetapi dalam pertandingan merebutan jawatan Naib Presiden 1990, Annuar Musa tidak memberi sokongan padu kepadanya, malahan dikatakan Annuar Musa lebih mirip berpihak kepada Anwar Ibrahim.

Sejak itu katanya Sanusi sudah kehilangan kepercayaan kepada Annuar Musa. Kalau dia tergamak mahu dia menarik balik pujian yang pernah diluahkan kepada Annuar Musa enam tahun lalu, dan menukar dengan kata-kata; "UMNO tidak bertuah kerana memiliki dua orang bernama Anuar?"

### Tuah dan celaka kepada UMNO!

Mungkin kepada Sanusi, Annuar Musa tidak membawa tuah, tetapi mungkin dia membawa tuah kepada UMNO. Apakah pula kira-kira tuah yang dibawakan untuk UMNO Kelantan?

Sudah hampir tiga tahun Annuar Musa menguasai UMNO Kelantan selepas dilantik menjadi Timbalan Pengurus Perhubungan UMNO Kelantan. Namun yang jelas tidak ada apa-apa kejayaan yang dicapai untuk mempastikan Kelantan jatuh ke tangan UMNO dalam pilihanraya umum akan datang. Nam-paknya kepada UMNO juga Annuar tidak membawa apa-apa tuah. Sebalik apa yang dapat dibawa ialah kecelakaan-kecelakaan yang sungguh mencemaskan kepada UMNO Kelantan

khasnya dan UMNO Malaysia seluruhnya.

Kecelakaan yang dibawa oleh Annuar untuk UMNO Kelantan sememangnya paling celaka. Ini menyebabkan keadaan UMNO Kelantan hari ini menjadi serba salah. UMNO seperti menjadi kehilangan punca dan dicemuh dan dibenci oleh rakyat. UMNO di Kelantan hari ini benar-benar senak dan sakit perut. UMNO di Kelantan hari ini menjadi sebuah pertubuhan *gengstar* yang menjadi penggeruh kepada keharmonian rakyat Kelantan.

Perubahan yang berlaku ke atas UMNO Kelantan ini ialah disebabkan tindak tanduk Annuar Musa. Ianya berpunca daripada stail dan juga bentuk kepimpinan Annuar. Annuarlah yang bertanggungjawab menjadikan UMNO sebuah pertubuhan ala *gengstar*.

Annuar kini sedang mabuk kuasa di Kelantan. Dia seperti Hang Jebat yang baru dilantik menjadi Penglima setelah kehilangan Hang Tuah. Dia telah mengamuk, "membunuh" dan merogol sesiapa sahaja yang terlintas dihadapannya. Annuar Musa kini sedang bermandikan darah dan mabuk kuasa!

Dia sekarang melakukan tindakan-tindakan politik yang bertentangan dengan kehendak dan jiwa orang Melayu. Dia telah menentang dan melawan arus di Kelantan. Disebabkan tindak tanduk inilah maka rakyat Kelantan kini sudah merasa benci dan hilang kepercayaan kepada UMNO. Inilah kecelakaan yang dilakukan oleh Annuar Musa di Kelantan.

Tindakan politik Annuar Musa dikira sudah melampau. Dia sudah silap mengambil tindakan politik di Kelantan. Caranya berkonfrantasi dengan kerajaan Angkatan dikira kurang bijak dan matang. Apakah Annuar sedar atau tidak tindakan ini, kurang pasti. Bagaimanapun yang tentunya, cara dia bertindak seperti orang dalam keadaan "sasan" (separuh gila).

Tindakan dan sikap Annuar ini bukan perkara yang tersembunyi. Perkara ini menjadi sebutan dan pengetahuan umum. Malahan dikalangan UMNO sendiri kurang senang dengan cara dan stail politik Annuar Musa.

Diantaranya ialah, pertama sikapnya suka mencabar dan

tidak mahu mengiktiraf Menteri Besar Kelantan Tuan Guru Nik Aziz Nik Mat sebagai menteri besar bertaraf ulama.

Annuar enggan menerima hakikat ini, sebab keilmuan dan kewarakan Nik Aziz benar-benar mempengaruhi rakyat Kelantan. Dia menjalankan misi cuba menjatuhkan air muka dan menafikan keperibadian baik Tok Guru itu.

Annuar dikira sudah membuang tabit apabila ia secara terang-terang mencabar Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz. Dalam usaha untuk meletakkan dirinya sebagai pemimpin terhormat, beliau sanggup mencabar Tok Guru Haji Nik Aziz. Dalam ucapannya di Pengkalan Chepa, ia dilaporkan bertanya kepada hadirin; "siapakah yang lebih berkuasa di Kelantan antara Nik Aziz dengan Annuar Musa?"

Cabarannya dikira sungguh biadab. Ia dianggap sebagai menderhaka kepada orang tua dan Tok Guru. Cara itu dikira, Annuar sudah melampaui batas dan ingin menunjukkan kekuasaannya di Kelantan.

Tindakan itu merupakan tindakan tidak popular. Ia bertentangan dengan hati budi dan adat resam orang Melayu, yang terkenal sangat bersopan santun dan menghormati orang tua.

Mungkin benar dalam meluluskan projek dan membawa kemewahan dunia ni Annuar lebih berhak sebab dia wakil kerajaan persekutuan. Tetapi cara dia itu egois, sompong dan menggambarkan ketamakan dan kerakusan.

Mengenai perkara ini saya sudah katakan secara terus terang kepada Annuar dalam satu pertemuan beliau dengan beberapa orang wartawan, bahawa tindakannya itu tidak popular, malahan membahayakan dirinya.

Saya memberi tahu kepada Annuar Musa, sikapnya tentang Tok Guru adalah sikap dan tindakan politik yang tidak sesuai dengan naluri rakyat Kelantan. Budaya dan tradisi politik Kelantan tidak boleh menerima politik peras ugut dan membelakangkan orang tua seperti mana yang dianjurkan Annuar Musa itu.

Apa pun yang Annuar katakan orang tidak akan percaya. Biarlah yang dikatakan itu seribu kali benar dan buktinya ber-

gunung-gunung pun orang tidak akan amin. Rakyat Kelantan lebih percaya dan yakin kepada Tuan Guru Nik Aziz. Rakyat Kelantan lebih percaya kepada orang yang berserban daripada orang yang "bojin sport" seperti Annuar. Sosio-politik rakyat Kelantan jauh berbeza dengan orang negeri lain.

Tak usahlah Annuar menunjukkan kebaikan dirinya, rakyat Kelantan tidak akan akur. Sebab orang Kelantan kenal dan intim dengan Ustaz Nik Aziz. Beza Annuar dengan Nik Aziz seperti langit dengan bumi.

Orang tahu buruk baik Nik Aziz dan buruk baik Annuar Musa. Orang tahu Nik Aziz tidak ada skandal, tidak main perempuan, tidak punya kereta *sport* sampai dua tiga buah, tidak punya banglo besar dan tidak punya....tanah berhektar-hektar di sekitar Kota Bharu. Orang tahu itu...dan orang tahu pula tentang Annuar Musa.

Orang...tahu hubungan dan skandal dia dengan seorang artis yang kini sudah jadi bini Timbalan Menteri. Orang...tahu hubungannya dengan penyanyi bernama Wann tidak lama dahulu. Orang tahu apa dia buat di Casablanca. Orang tahu berapa ramai penari kebudayaan yang dia bawa. Dan orang juga tahu...dia gunakan hotel yang dikhaskan untuk pegawai Majlis Olimpik Malaysia menginap digunakan untuk penari kebudayaan itu. Katanya pihak dalam MOM marah dengan langkah Annuar itu. Sampai kini pun masalah itu belum selesai. Khabarnya MOM tidak mahu bayar bil hotel yang didiami oleh para penari itu. Orang juga tahu apa yang berlaku di Jakarta...Annuar dilihat mengepit dua orang perempuan Indonesia di sebuah hotel.

Orang juga tahu bagaimana Annuar dapat gelaran Datuk Seri dari sultan Pahang. Orang tahu gelaran itu diberikan kerana ada kena mengena dengan Kompleks sukan di Teruntum.

Jadi janganlah Annuar hendak tunjukkan warak dia daripada Nik Aziz, sebab orang tahu segala-galanya.

Dalam hal ehwal politik Kelantan sesungguhnya Annuar belum matang. Dia masih ingusan dan muda. Dalam hal ini dia patut belajar dengan Tengku Razaleigh Hamzah. Bagaimana

Tengku Razaleigh Hamzah menghulurkan salam silaturahim kepada Nik Aziz. Pandangan politik Ku Li lebih jauh berbanding dengan Annuar Musa. Dia (Ku Li) tahu pengaruh Nik Aziz kuat, maka dia awal-awal lagi hulurkan permaidani merah untuk Tok Guru itu.

Annuar Musa kena belajar sifir kali-kali politik ini. Dia jangan asyik sahaja nak jadi macam "Samad" watak bandut dalam wayang kulit. Buat...apabila ada orang suruh buat tanpa memikirkan apakah tindakan itu baik ataupun tidak Annuar juga kadang-kadang perasan yang dirinya sangat hebat di Kelantan.

Tindakan kedua Annuar ialah cuba menjatuhkan kerajaan Kelantan dengan cara tidak bermoral. Sudahlah dia tidak mahu menghormati dan mengiktiraf kekuasaan Nik Aziz di Kelantan, Annuar sekali lagi membuat kesilapan besar bila cuba hendak menjatuhkan kerajaan Kelantan dengan cara yang tidak terhormat. Dia mahu main kasar dengan kerajaan Kelantan.

Untuk mencapai niatnya ini Annuar telah menggunakan UMNO sepenuhnya. Mula-mula cuba membeli beberapa orang Adun, tetapi usaha itu gagal. Hanya dua Adun dan dua ahli parlimen sahaja yang bertelinga buruk, dapat dibeli. Mereka ialah Nordin Salleh (Sungai Pinang), Wan Najib Wan Mohamad (Limbungan), Ibrahim Ali (MP Pasir Mas) dan Shukeri Hassan (MP Machang).

Selepas kegagalan itu satu lagi misi telah diatur dengan mengadakan perhimpunan rakyat pada 10 April, 1993. Misi kali ini dikira paling tidak bermoral dan memalukan. Annuar sudah menggunakan persatuan kebajikan, perniagaan dan segala macam persatuan termasuk Persatuan Pengayuh Beca, Persatuan Wau Bulan, malahan Persatuan "Cari Etok" pun dipanggil untuk dijadikan alat.

Atas nama ahli-ahli persatuan ini satu perhimpunan rakyat diadakan bagi menyerahkan memorandum kepada sultan Kelantan. Perhimpunan itu bukan sahaja menjadi satu perhimpunan haram yang dihalalkan, tetapi ia cukup menjatuhkan imej Annuar sendiri, kerana gagal mencapai matlamatnya.

Memorandum yang hendak diserahkan kepada Sultan dihanyutkan sahaja ke muara sungai Kelantan. Hanya ikan kembung, selayang dan seluang sahaja yang membaca memorandum itu.

Umum mengetahui tujuan perhimpunan itu ialah untuk menghuru-harakan negeri Kelantan. Khabarnya sebanyak RM10 juta diperuntukan untuk perhimpunan tempoh hari. Perhimpunan dirancang demikian rupa. Beberapa buah kereta buruk telah dibeli untuk dibakar pada perhimpunan tersebut. Rumah gudang yang terletak berhampiran Istana Balai Besar juga diinsurankan untuk dibakar.

Annuar mendoakan agar perhimpunan itu menimbulkan huru-hara dengan harapan bila berlaku huru-hara kerajaan pusat akan Magarangkan Kelantan seperti mana yang berlaku dalam tahun 1978 dulu. Annuar Musa barang kali terlupa bahawa orang Kelantan bukan senang untuk melupa apa yang berlaku ke atas mereka dalam tahun 1978. Apa yang berlaku pada tahun 1978, sudah cukup memberi pengajaran kepada mereka. Orang Kelantan bak kata Hadith Nabi tidak akan dipatuk ular dalam lubang yang sama sebanyak dua kali.

Annuar hendak perbodohankan rakyat Kelantan dengan perhimpunan itu. Walhasilnya Annuar Musa dan kuncu-kuncunya diperbodohkan oleh rakyat Kelantan. Rakyat Kelantan tidak memberi *respond* yang baik. Hanya kira-kira 200 orang sahaja yang hadir termasuk yang datang untuk menonton.

Walaupun terang bagaikan bersuluh, Annuar Musa cuba menafikan kononnya UMNO tidak terlibat dengan perhimpunan itu. Penafian itu ternyata satu pembohongan yang mentah. Macam mana UMNO tidak terlibat sedangkan Annuar tahu misi perhimpunan dari A sampai Z. Dia yang mengumumkan tarikh perhimpunan itu. Masakan UMNO tidak terlibat, sedang UMNO telah membuka dewannya untuk tempat berhimpun?

Bukan itu sahaja buktinya, beberapa orang pemimpin UMNO Kelantan juga hadir pada perhimpunan itu. Antara yang sah kehadirannya ialah Ketua Penerangan UMNO Kelantan Hassan Harun, Setiausaha Perhubungan Ahmad Shabud-

din Mohd Nor, Ketua Pemuda Tanah Merah, Hashim Shafin, dan dua orang Adunnya Nordin dan Wan Najib. Apakah ini pun Annuar nak nafikan lagi? Dan bukankah beberapa orang yang ditahan polis itu merupakan orang-orang kuat UMNO Kelantan?

Tindakan Annuar Musa yang ketiga ialah melakukan penindasan kepada kerajaan Angkatan dan rakyat Kelantan.

Sebaik sahaja beliau diberikan kuasa (dilantik menjadi Senator dan kemudian Menteri Belia dan Sukan serta Timbalan Penggerusi Perhubungan UMNO Negeri) Annuar terus menjalankan misinya menekan kerajaan Angkatan.

Tindakan pertama yang dilakukan ialah menarik balik subsidi baja kepada para petani miskin. Beliau telah memberhentikan beberapa projek raksasa yang telah dirancang di Kelantan. Beliau juga membekukan geren perkaptital pembangunan yang sepatutnya diterima oleh kerajaan Kelantan.

Projek Hidro Pergau juga cuba diganggunya. Mahu disabotaj projek itu agar gagal. Beliau tidak mahu projek itu dilaksanakan. Tetapi Allah lebih mengetahui niat jahatnya dan niat baik Ustaz Nik Aziz. Isu Pergau selesai begitu sahaja.

Geren perkaptital pembangunan sebanyak \$17 juta yang dijanjikan oleh Anwar Ibrahim sepatutnya diterima oleh kerajaan Angkatan sejak bulan Januari lalu, tetapi diatas permintaannya (Annuar Musa) pemberian itu dibekukan. Peruntukan telahpun dihantar ke Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) tetapi disekat oleh Annuar Musa. Beliaulah orang yang beriyaya agar pemberian itu ditangguhkan. Sikap dan telatah Annuar Musa juga tidak disenangi oleh Pengarah Jabatan Pembangunan Persekutuan Mohd Noor Abdul Rahim .

Semua tindakan Annuar itu adalah untuk menyusahkan rakyat Kelantan. Hasil tindakan itu menyebabkan rakyat Kelantan yang teraniaya. Annuar lebih pentingkan kepada politik dirinya daripada rakyat Kelantan. Inilah yang menghairankan orang ramai dimanakah laungan Annuar selama ini yang berjuang untuk membangunkan Kelantan sedangkan segala kemudahan yang diperuntukkan ke Kelantan disebat dan di-

halangnya.

Tindakan keempat beliau ialah meneruskan tradisi UMNO bergaduh dan menindas kerajaan pembangkang.

Pada zaman UMNO dibawah pimpinan Tunku Abdul Rahman dulu, UMNO telah mengamalkan politik konfrantasi dengan kerajaan Pas di Kelantan pimpinan Allahyarham Tan Sri Mohd Asri Haji Muda. Tunku Abdul Rahman melancarkan perang ke atas Pas. Antara tindakannya menyekat pembangunan di Kelantan. Segala kemudahan yang patut dijalankan, dibekukan. Kelantan disisih dan didiskriminasikan.

Nampaknya tradisi lapok zaman Almarhum Tunku itu menjadi minat kepada Annuar. Annuar meneruskan semula pengamalan politik ala *apartheid* itu. Sekali lagi dia melancarkan perang dan konfrantasi dengan kerajaan Kelantan. Di sini memperlihatkan kecetekan strategi politik Annuar. Dia sudah ketinggalan zaman dalam hal ini.

Zaman orang berfikiran luas dan berfikiran terbuka, dia membawa rakyat Kelantan (UMNO) ke ruang pemikiran sempit. Annuar Musa seperti mahu membawa rakyat Kelantan kembali melindungi diri di bawah tempurung. Tindakan ini juga sungguh dikesal dan kontradik dengan minda Melayu menjelang abad ke 21 ini.

Disini kita meragui dimana kejujuran Annuar dalam perjuangan. Dimana nawaitu Annuar untuk membantu rakyat Kelantan. Padahal dia berjanji untuk membawa perubahan kepada rakyat Kelantan. Sepatut seorang *politician* generasi muda yang bersifat Melayu Baru, beliau menentang tradisi lapuk (*obsolete*) yang tidak menguntungkan bangsa itu. Stail dan tekitik zaman Tunku Abdul Rahman melanyak Datuk Asri tidak patut diteruskan lagi.

Annuar harus fikir zaman sekarang zaman moden, zaman politik ala *apartheid* itu sudah tidak laku lagi. Zaman sekarang zaman pembebasan hak asasi manusia. Menindas Kelantan bermakna menindas hak asasi dan demokrasi rakyat Kelantan. Annuar bukan sahaja melanggari piagam bangsa-bangsa bersatu, tetapi turut melanggari firman Allah bermaksud; "tolong meno-

*longlah diantara sesama kamu, nescaya Allah akan menolong pula dirimu."*

Tindakan kelima Annuar Musa ialah bermusuh dengan Sultan Kelantan dan cuba hendak meruntuhkan istana Kelantan. Tindakan ini dikira sebagai kemuncak kepada kerakusan nafsu Annuar Musa dan juga kesungguhan untuk menjadi Raja UMNO Baru di negeri Cik Siti Wan Kembang dengan cara tidak bermoral.

Dia seolah merasakan mempunyai kuasa penuh di Kelantan dan merasakan dirinya yang menjadi Sultan Kelantan, sementara Sultan Kelantan adalah rakyat biasa yang harus tunduk kepada kemahuan UMNO.

Serangan Annuar ke atas Sultan Kelantan ini bermula pada tahun 1987 lagi ketika berlakunya krisis antara Dr Mahathir dengan Tengku Razaleigh Hamzah yang membawa kepada pertandingan merebut jawatana Presiden UMNO. Bermula dari situlah Annuar Musa menjadikan Sultan Kelantan sebagai bantal tinju untuk melepaskan geramnya dengan kata-kata; "saya sanggup derhaka kepada sultan demi UMNO."

Dakwaan yang dilemparkan terhadap Sultan Kelantan, kononnya Sultan Kelantan terlibat dalam kancah politik Kelantan. Tetapi anehnya tuduhan itu tidak dibuktikan secara konkret sampai sekarang. Ia dituduh secara sabrono dan mengikut sedap mulut sahaja.

Untuk meneruskan usahanya itu, Annuar telah mengambil kesempatan diatas pindaan perlombagaan yang menghadkan imuniti Raja-raja. Beliau telah membeli seekor patung hidup yang bermama Tengku Ibrahim Indra Petra untuk diadukan dengan Sultan Kelantan. Kebetulan pula Tengku Ibrahim ini kerabat di raja Kelantan.

Patung yang telah lama tinggal dari Kelantan itu diusung oleh Annuar dan kuncu-kuncu balik ke Kelantan. Satu majlis keramaian bagi menyambut kepulangan Tengku Ibrahim itu diatur susunkan, bertempat di Ketereh - tempat berlangsungnya pertandingan lumba kura-kura dalam zaman Mat Yaacob memerintah Kelantan dahulu.

Dimajlis itulah UMNO telah menobatkan Tengku Ibrahim sebagai sultan UMNO di Kelantan. Tengku Ibrahim diberi persalinan di Raja dan didaulatkan dengan laungan daulat Tuanku...daulat Tuanku (tahi ulat atas pusu..tahi ulat atas pusu!).

Dalam hal ini Annuar Musa ternyata melakukan kesilapan besar. Dia terlupa bahawa rakyat Kelantan tidak sebodoh dirinya. Rakyat Kelantan tidak mudah terpeser biji mata dan sanggup menukarkan intan dengan kaca yang dipujakkan oleh UMNO itu. Rakyat Kelantan masih dapat membezakan mana raja yang tulen dan mana sultan yang palsu. Rakyat Kelantan tidak mudah dikelirukan dengan untuk terlibat sama meruntuhkan istana raja yang sungguh komited dengan Islam.

Rakyat Kelantan sudah lama kenal dan tahu siapa patung yang Annuar bawa balik itu. Rakyat Kelantan tahu segala susur galur keturunannya. Noda dan dosa bapa si patung itu telah menjadi pengetahuan umum. Bagi rakyat Kelantan membawa balik patung itu, seperti membawa balik bangkai yang berbau busuk dan hanyir yang boleh merosakan keindahan dan suasana alam sekitar di Kelantan.

Usaha Annuar Musa itu dicemuh dan dibenci oleh rakyat Kelantan. Baik dari kalangan UMNO, Semangat 46, Hamim, Berjasa dan Pas, menilai usaha dan kerja Annuar itu sebagai kerja orang bodoh dan kerja orang gila. Kerja yang sia-sia.

Golongan veteran yang berdendam dengan Annuar tidak ikut serta dalam perhimpunan untuk merajakan seekor patung itu. Walaupun mereka jahil, tetapi mereka tidak sampai menambah dosa melibatkan diri dengan perhimpunan itu. Hussein Ahmad, katanya awal-awal lagi telah mengarahkan anak buahnya agar jangan terlibat dengan kerja bodoh Annuar Musa.

Dalam hal ini rakyat Kelantan sungguh terkilan dengan telatah orang yang bersedia untuk menjadi patung kepada Annuar Musa itu. Rakyat Kelantan hairan, kenapa Tengku Ibrahim sampai jadi sebodoh itu. Beliau sanggup menjadi seperti lembu yang dicocok hidungnya - boleh ditarik ke mana sahaja sesuka hati Annuar Musa.

Orang Kelantan juga tertanya-tanya apakah sebenarnya yang dikehendaki oleh patung itu. Kenapa beliau menuntut haknya (yang dikatakan hak) itu hari ini. Kenapa tidak lama dahulu, dan kenapa sesudah 13 tahun Sultan Ismail menaiki takhta Kelantan, baru soal hak itu diungkit?

Ini membuktikan tuntutan itu ada motif lain. Ada mak-sud lain di sebalik apa yang tersirat itu. Ianya dibuat bukan kerana hendak menuntut keadilan ataupun kebenaran seperti yang dislogangkan itu. Sebaliknya kerana menuntut kekuasaan dan kekayaan untuk kesenangan peribadi.

Rakyat Kelantan melihat tindakan Tengku Ibrahim itu bukan sahaja sia-sia dan bodoh, sebaliknya tindakannya itu tidak lebih daripada memberi peluang kepada orang ramai mengung-kit semula noda-noda bapanya yang terlipat kemas dalam lipatan persuratan legenda Melayu Kelantan. Usaha Tengku Ibrahim itu seperti membuka pekung di dada.

Apabila kita merenungi tindakan dan juga telatah Annuar Musa itu, kita merasa kesal sendiri. Kerana tindakan politiknya itu merugikan masa depannya. Sikapnya hari ini tak ubah dia sedang membakar titian politik masa depannya di Kelantan khususnya dan di Malaysia amnya.

Bukan saya seorang, kebanyakkan rakyat Kelantan termasuk dikalangan UMNO percaya selagi Annuar meneruskan konfrantasi dengan istana, dia akan menerima nasib yang sama dengan Tan Seri Muhammad Yaacob dalam peta politik Kelantan. Annuar Musa akhirnya akan dihina dan dipulaukan oleh rakyat Kelantan. Kecelakaan dan kehinaan yang ditanggungi oleh Muhammad Yaacob hari ini patutnya dijadikan iktibar oleh Annuar Musa.

Annuar seharusnya sedar dan insaf bahawa diantara dirinya dengan Sultan Kelantan, rakyat lebih sayangkan kepada sultan. Rakyat Kelantan tetap berpihak kepada sultan berbanding dengan Annuar Musa. Jadi bila Annuar bermusuh dengan sultan, secara tidak langsung Annuar juga turut bermusuh dengan seluruh rakyat Kelantan.

Kalau kita bukan kerabat diraja, atau hanya "bau-bau ba-

cang" sahaja, (disebabkan sesuatu peristiwa memalukan) janganlah kita bersikap seperti raja. Jangan kita mengharap orang akan hormat dan sembah kita. Kalau kita rakyat biasa, jadilah seperti rakyat biasa. Jangan pula sesekali kita meminta agar diri kita dijadikan seperti Putera atau Tengku.

Apa yang saya nampak dalam usaha untuk mencapai cita-cita politiknya, Annuar juga cuba hendak menjadi raja. Dia mahu darjat dirinya sama dengan darjat kerabat di Raja atau sultan. Kalau boleh dimahu taruh pangkat Raja atau Tengku dipangkal namanya. Insaf dan sedarlah duhai Annuar, anda hanya anak jantan Bukit Marak, tidak lebih dari itu. Terimalah hakikat yang anda anak kampung yang mandi berkubang dalam kubang kerbau dan jangan sesekali memimpikan pangkat lebih besar. Yang paling layak saudara terima hari ini, bukan pangkat Tengku Annuar, tetapi "Tungku" Annuar - iaitu tempat orang jadikan alat untuk jeram nasi ataupun air.

Selain daripada tindakan itu, Annuar juga mengamalkan stail dan gaya kepimpinan yang boleh membuat kecelakaan kepada dirinya. Kalau tindakan dan dasar politik tadi menyebabkan rakyat Kelantan hanya tersinggung kepadanya, tetapi pengamalan sikap stail dan tradisi kepimpinan seperti ini menyebabkan orang-orang UMNO Kelantan mencemuhnya.

Orang UMNO Kelantan tidak gemar dengan cara dia mentadbir parti dan melayan orangnya sendiri. Gara-gara sikap ini jugalah khabarnya menyebabkan Annuar sedang menghadapi satu petaka besar di Kelantan dimana menghadapi krisis dalaman yang teruk.

Antara stail dan gaya kepimpinan itu ialah, tindakan membelakangkan tokoh-tokoh veteran di Kelantan. Annuar dikatakan tidak berapa suka kepada tokoh veteran yang pada anggapannya sudah tidak perlu lagi dalam parti.

Golongan itu seperti Hussein Ahmad, Muhammad Yaacob, Tengku Ahmad Rithauddeen perlu disingkir dan dikuburkan begitu sahaja kerana menyusahkannya dalam menyusun program pentadbirannya di Kelantan dan juga perluasan daerah taklukannya di Kelantan.

Annuar Musa tidak menyanjungi mereka. Beliau seperti lupa jasa-jasa mereka itu semua. Akibatnya golongan itu bertindak menyerang Annuar secara senyap, tidak memberi kerjasama dalam menggerakkan parti. Beberapa orang Ketua Bahagian juga (veteran) memulaukan mesyuarat badan perhubungan UMNO Kelantan.

Golongan veteran katanya hanya menghormati Annuar bila Mahathir yang mempengerusikan mesyuarat badan perhubungan UMNO. Tokoh veteran seperti Hussein sama sekali tidak respect kepada Annuar.

Pernah satu kali ketika mesyuarat Badan Perhubungan dipengerusikan oleh Annuar, Hussein Ahmad tidak hadir kerana alasan untuk menghadiri majlis pembacaan puisi yang diadakan di Dewan Pusat Pelancungan dan Kebudayaan yang terletak kira-kira 60 meter sahaja dari tempat Annuar Musa mengadakan mesyuarat.

Krisis Annuar dengan Hussein ini tidak akan sendik. Meskipun keduanya telah bersalam dihadapan Mahathir di perhimpunan agung tahun 1992, namun keadaan mereka tidak sembah-sembuh. Persalamam itu hanya merupakan sebuah opera China yang sangat kerap dimainkan dalam pentas politik demokrasi negara ini.

Malahan Hussein Ahmad pernah mengeluarkan kata-kata untuk apa dia menghormati Annuar yang merupakan budak mentah yang belum berkhatan.

Sikap atau perangai Annuar yang kedua ialah, politik dolak dalih dan berbohong. Dia banyak berdolak dalih dalam keputusannya. Begitu juga dia dikatakan banyak berjanji tetapi jarang untuk menunaikan janjinya. Dia suka memberi harapan kepada orang ramai, tetapi harapan itu tidak pernah dipenuhi.

Sikap ketiga ialah suka menonjol-nonjolkan diri kononnya dialah menjadi harapan Dr Mahathir di Kelantan. Annuar dikatakan selalu menjadikan nama Mahathir sebagai batu loncatan. Dia tiru stail Anwar Ibrahim. Cakap sikit kaitkan nama Mahathir, kononnya.. Dok suruh itu dan suruh ini. Itu keputusan Dok...ini keputusan Dok, padahalnya Doktor Mahathir tidak

tahu menahu apapun.

Sikap inilah menyebabkan sesetengah veteran UMNO berbulu dan menyampah dengannya. Golongan yang kerap kena tipu ialah para kontraktor. Setiap ada tender dibawah kementerian Belia dan Sukan ataupun dibawah JPP, Annuar akan memberi jaminan untuk meluluskan tender itu. Sesiapa yang datang menemuinya akan diberi janji untuk mendapatkannya. Selepas itu orang-orangnya akan menemui kontraktor-kontraktor itu meminta wang komisyen diatas pertolongannya itu. Padahal semua tender itu tidak dapat. Inilah penyakit Annuar Musa.

Itulah tiga tindakan Annuar Musa yang boleh mematikan karier politiknya. Sikap itu tidak membawa untung kepadanya. Malahan menyebabkan dia mengundang banyak musuh dan masalah.

Melihat kepada keadaan itu juga menyebabkan kita tidak yakin Annuar Musa dapat mencatat sejarah di Kelantan. Cita-cita untuk mencatat sejarah sebagai tokoh yang merampas Kelantan dalam masa singkat, akan lupsus begitu sahaja. Annuar bercita-cita untuk menimbuskan rekod Tengku Razaleigh Hamzah yang berjaya merampas Kelantan dalam masa 18 tahun. Cita-cita untuk muncul sebagai "wira muda" UMNO Kelantan juga akan tertimbus begitu sahaja.

Bukan setakat itu sahaja, bahaya paling besar menanti Annuar ialah bukan kecewa kerana tidak dapat merampas Kelantan dalam pilihanraya umum akan datang, tetapi silapsilap congak, beliau sekali lagi tewas di kerusi Parlimen Nilam Puri.

Kekalahan kali ini membawa keparahan dan luka paling dalam kepadanya. Kekalahan di kerusi parlimen akan menenggelamkan segala impian politiknya. Kemungkinan juga jawatan menteri itu akan melayang. Impian untuk mengaut keuntungan peribadi pada sukan Komanweal (Sukom) 1998 juga terlepas!

Sebelum apa-apa, sebelum sang suria terbit di ufuk barat, eloklah kalau Annuar bertaubat. Memperbetulkan kesilapan dan memperbetulkan niat. Paling utama untuk memulihkan segala

penyakit kudis, kurap-kerapu yang berselerakan di tubuhnya kini, Annuar kena memohon maaf kepada tiga manusia di Kelantan. Jika beliau enggan dan tidak bersedia untuk merendahkan diri, kedudukan Annuar di Kelantan terancam apa lagi untuk mencapai dua cita-cita besarnya menaluki Kelantan dan menang di kerusi Nilam Puri, pada pilihanraya umum akan datang.

Orang-orang itu ialah, Sultan Kelantan, Sultan Ismail Petra Ibni Almarhum Sultan Yahya Petra, Tengku Razaleigh Hamzah, selaku guru politik dan orang yang mengajar A B C politik kepadanya, dan Tok Guru Nik Aziz Nik Mat. Annuar hendaklah menghormati ketiga orang itu sebagai orang tua. Sungguhpun mereka mempunyai ideologi politik bertentangan dengannya Annuar perlu ketepikan masalah itu. Paling penting cubalah selesaikan apa juga masalah secara anak beranak dan mengikut tradisi rakyat Kelantan.

Jika Annuar Musa tidak bersedia untuk mengubah sikap dan stail politiknya, cita-citanya untuk muncul sebagai seorang pemimpin muda yang ulit dan bertenaga diperingkat nasional juga tidak akan berjaya. Tanpa akhlak, stail dan gaya politik yang sopan, Annuar jangan harap mendapat sokongan UMNO yang kini sudah menekankan kepada soal-soal ketinggian akhlak dan keperibadian luhur. Kalau Annuar terus buat perangai buruk dan kurang ajar begitu, sudah pasti dia akan tertinggal dibelakang pemimpin sebaya dengannya yang lebih bermoral.


Jika sudah demikian itu maka terberak cairlah "Tungku Bukit Marak" itu.



Santapan diraja... kelihatan bakal Sultan Kelantan tahun 2020, Tengku Ibrahim bersama "Tungku" Annuar Musa dan bakal "Bendahara" (bekas MB) Tan Seri Mohammad Yaacob sedang bersantapan kesyukuran selepas majlis bersama rakyat di Ketereh tidak lama dulu.



Amboi cantiknya Annuar Musa..... dia dah belajar pakai ketayap dan serban, ialah nak lawan Tok Guru mesti lawan cara Islam, baru kena! Tapi ketayap Annuar berbeza dengan ketayap Nik Aziz, kadang-kadang ketayap itu tercabut bila Annuar masuk Coffee-house.



9

**BERANIKAH  
ANWAR LAWAN  
GHAFAR?**

**T**IDAK diketahui secara pasti bagaimana dan bilakah berita kononnya Anwar Ibrahim akan melawan Ghafar Baba untuk merebut jawatan Timbalan Presiden UMNO mula tersembur. Tahu-tahu berita itu tersebar luas dan menjadi percakapan umum. Berita itu menjadi berita sensasi dalam akhbar-akhbar terutamanya akhbar tabloid. Sebuah akhbar tabloid yang pro-taksub kepada Anwar mempromok Anwar agar lawan Ghafar selama lima minggu berturut-turut!

Baik Anwar mahupun Encik Ghafar Baba mereka tidak pernah mengumumkan secara rasmi, yang mereka akan bertempur. Malahan keduanya tidak menunjukkan sikap bermasam muka menunjukkan mereka mempunyai masalah dan harus bertempur diantara satu sama lain. Meskipun ada khabar-khabar angin mengatakan mereka berdua tidak "ngam" tetapi soal itu tidak dihiraukan oleh mereka.

Anwar sendiri mengakui dia tidak ada masalah dengan Encik Ghafar. Dia boleh berkerja dibawah Encik Ghafar dan menghormatinya sebagai pemimpin dan Timbalan Presiden parti.

Dalam satu majlis di Kuala Lumpur, Anwar mengakui dia tidak mempunyai apa-apa krisis dengan Encik Ghafar. Peng-

kuan itu dibuat untuk menjelas dan menghapuskan desas desus yang timbul ketika itu, kononnya dia bermasalah dengan Ghafar.

Meskipun tidak diketahui bila tarikh tercetusnya spekulasi itu, jelas ia menjadi hangat dalam sebulan dua ini. Ia menjadi bertambah hangat sebaik sahaja MKT mengumumkan tarikh pemilihan pucuk pimpinan pada 4 November hadapan.

Sebelum pengumuman itu dibuat sebenarnya desas desus mengenai perkara itu sudah pun ada. Malahan ia tercetus sejak tahun 1990 lagi sebaik sahaja Anwar memenangi jawatan Naib Presiden dengan cemerlang. Para peramal politik sudah membuat andaian, bahawa Anwar mungkin mencabar Ghafar atas sebab-sebab tertentu pada tahun ini.

Yang nyata desas desus itu hanya berkisar disekeliling para penyokong dan orang rapat kedua tokoh politik itu sahaja. Orang ramai masih belum mengetahui apa-apa lagi.

Ketika itu ia masih dianggap palsu? Dianggap gossip-gossip politik sahaja, hinggalah apabila keduanya bercakap mengenai perkara itu dan dilapurkan dalam akhbar, baru ia menjadi seperti separuh sahih. Orang ramai menjadi semakin berminat, masing-masing telah melebarkan telinga dan meluaskan biji mata dan saling berhubung untuk mengetahui kedudukan sebenarnya!

Anwarlah yang membuat kenyataan dahulu. Beliau menyatakan beliau tidak bercadang untuk mencabar Encik Ghafar Baba. Kenyataan itu diulang sekali lagi apabila Encik Ghafar menyindir dengan kata-kata; "mungkin hanya jawatan Presiden sahaja tidak dipertandingkan, sementara jawatan lain termasuk Timbalan Presiden mungkin dicabar"

Walaupun kenyataan Ghafar itu tidak ditujukan kepada Anwar, tetapi umum mengetahui kepada siapa dihalakan. Dan lebih menyayat hati lagi, ialah apabila Encik Ghafar berkata; "beliau masih belum membuat keputusan sama ada hendak mempertahankan jawatannya ataupun tidak."

Bermula dari situlah spekulasi Anwar hendak melawan Ghafar menjadi semakin hangat. Situasi balas membala

taan itu memberi keyakinan kepada pemerhati bahawa mereka berdua semacam ada "kes" yang boleh mencetuskan sesuatu pertempuran.

Meskipun Anwar telah mengulangi kenyataan dengan berkata beliau tidak berhasrat untuk menentang Encik Ghafar, namun yang jelas kenyataan itu tidak boleh menamatkan keadaan. Ia tidak boleh menjadi azimat untuk memberhentikan spekulasi tersebut. Para pendokong dan orangnya terus bekerja mempastikan segala peralatan jentera lengkap bagi menghadapi apa sahaja kemungkinan.

Orang ramai pula tidak melihat kenyataan itu ikhlas walaupun dia keluar dari kerongkong pemimpin berlabel Islam, sebaliknya dianggap sebagai uji-cuba Anwar untuk mengetahui reaksi orang ramai berhubung dengan tindakannya itu.

Kenyataan Anwar itu dikira kenyataan politik yang berbelit-belit. Apa lagi ayahandanya, "mamak" Mahathir, pula dalam mengulas kenyataan perihal Anwar dengan Ghafar itu berkata, mana-mana calon yang tidak mendapat pencalonan banyak hendaklah menarik diri dan setiap orang hendaklah patuh kepada kehendak ahli.

Kenyataan Mahathir itu telah dimanipulasi dan ekspolitisikan oleh para "Manegar kempen" Anwar dengan membuat tafsiran, bahawa Mahathir tidak mahu mencampuri urusan Anwar lawan Ghafar. Dalam erti kata lain Dr Mahathir akan menjadi orang tua, dia hanya mengambil sikap suruh pun tidak melarang pun tidak. Dengan pendirian Dr. M begitu mereka beranggapan Mahathir tidak berpihak kepada Ghafar. Keadaan ini dibuktikan lagi bila mana Dr Mahathir tidak pernah membuat janji untuk mengambil Ghafar selepasnya.

Apa yang Mahathir ucapan dan telah diulang lebih dari pada dua kali berhubung dengan siapa selepas beliau, ialah dengan berkata; "selepas beliau ialah Timbalan Presiden. Mahathir tidak menyebut nama Encik Ghafar tetapi hanya menyebut Timbalannya. Kenyataan itu dikira berbelit dan boleh ditafsirkan mengikut versi yang dimahui oleh sesiapa.

Kenyataan Mahathir itu subjektif. Ia berbelit-belit dan

mempunyai muslihat. Ia tidak mempunyai ketegasan. Dengan mengeluarkan kata-kata begitu, Mahathir boleh melantik se-siapa sahaja asalkan ia menjadi TPM. Berdasar kepada kenyataan kurang jelas itu jugalah maka orang Anwar yang mengakui Mahathir mahukan Anwar telah beranggapan TPM itu nanti ialah Anwar Bin Ibrahim.

Encik Ghafar Baba khabarnya sungguh terkilan dengan sikap Dr. Mahathir itu, sehingga dua kali beliau mengulangi taat setia kepada Mahathir dengan doa agar Mahathir sihat sejahtera dan menjadi PM dalam jangka masa yang lama lagi.

Seperti dikatakan tadi kenyataan Anwar, Ghafar dan nasi-hat Mahathir tidak memadamkan ingauan pemerhati politik untuk melihat pertandingan Ghafar - Anwar. Mereka tidak yakin kenyataan itu boleh menamatkan segala apa yang berlaku kini. Kenyataan itu tidak boleh menamatkan spekulasi yang tersibar kini. Malahan kenyataan berbentuk "cuba mengendurkan keadaan" dilihat sebagai kenyataan politik semata-mata.

Apa lagi kepada orang Anwar, pengakuan Anwar itu tidak mematikan langkah mereka membuat persediaan. Mereka sebaliknya meneruskan persiapan ke arah perlawanan itu. Lagipun mereka lebih tahu mengenai hati kecil Anwar daripada orang diluar kem Anwar.

Orang Encik Ghafar Baba juga, meskipun terubat dengan kenyataan itu, tetapi mereka tidak lena begitu sahaja. Mereka tidak dapat menerima pengakuan berkali-kali Anwar itu. Meskipun pada 21 Mei lepas, Anwar sekali lagi menyatakan pendiri-an tidak berhasrat untuk melawan Ghafar, tetapi mereka tidak menerima. Kenyataan Anwar yang merujukkan kepada pertandingan dengan Ghafar berbunyi; "saya serahkan kepada ahli dan saya bersedia menurut apa sahaja keputusan ahli", ditafsirkan dengan berbagai maksud. Orang-orang Ghafar tentunya tidak yakin dan percaya dengan pengakuan Anwar itu. Knyataan Anwar itu tidak ikhlas.

Melihat kepada situasi dan kondisi hari ini, maka dapat disimpulkan seandainya dalam perhimpunan nanti benar Anwar tidak akan mencabar Ghafar, tetapi yang jelas kedua

mereka tidak dapat disatukan diatas pelamin yang sama. Mereka tidak mungkin berkompromi dan dapat dikompromikan.

Seruan Abdullah Badawi agar "UMNO jangan paksa Anwar menunjukkan ada kumpulan tertentu yang mendesak Anwar agar lawan Ghafar. Nampaknya golongan itu amat merbahaya, kalau tidak masakan Pak Lah memberanikan diri menasihat mereka. Kerana menyedari bahaya itulah maka Pak Lah mengambil risiko menyuarakan pandangannya itu.

### Apakah alasan Anwar untuk lawan Ghafar?

Beranikah Anwar lawan Ghafar? Apakah beliau sudah mempunyai kekuatan yang ampuh? Apakah senjata yang bakal dipakai nanti *Scad*, *Patriot*, *Tomahawk*, harta ataupun *share*? Apakah modalnya? Apakah muslihat yang mungkin digunakan nanti?

Melihat kepada kesungguhan dan keagresifan tukang-tukang sorak Anwar bercakap penuh dengan *confident* dan optimistik, menunjukkan Anwar mempunyai bekalan dan kekuatan yang cukup mantap. Ia menggambarkan Anwar sudah benar-benar bersiap sedia untuk bertempur dengan Ghafar.

Menurut penilaian mereka yang berimankan kepada Anwar, tahun ini adalah peluang keemasan untuk Anwar naik dan seterusnya melaksanakan cita-cita Islamnya selama ini. Inilah musim dan ketika baik untuk Anwar. Pada mereka ketika ini Encik Ghafar menjadi umpan, adalah senang untuk Anwar ratah bagi mencapai matlamat perjuangan dan politiknya.

Tahun ini menurut mereka Anwar mempunyai kekuatan. Senjata yang ada kepada Anwar dikira dapat mengorbankan Ghafar. Antara senjata ataupun kekuatan itu ialah mengenai prestasi perkhidmatan Anwar selaku Menteri Kewangan.

Mereka mendakwa Anwar begitu menonjol dan mencipta banyak kejayaan menerusi Kementerian Kewangan. Kejayaan itu sungguh dikagumkan oleh segenap lapisan masyarakat.

Mereka membuat ukuran kejayaan/kehebatan Anwar itu kepada pembentangan belanjawan tahun 1992/93 lalu. Belan-

jawan itu menurut mereka membuktikan keprihatinan Anwar kepada masyarakat miskin.

Prestasi dan keadaan ekonomi juga teguh dan stabil. Kebijaksanaan Anwar dalam mengawal inflasi dengan memperkenalkan bon simpanan juga adalah antara bukti kemampuan Anwar berfikir dalam bidang ekonomi.

Selain daripada keupayaan itu, para pendokong Anwar juga mendakwa penerapan nilai-nilai Islam ke dalam UMNO dan kerajaan yang dilakukan Anwar 10 tahun lalu sudah membawa hasil. Kejayaan itu menyebabkan imej dan pengaruh Anwar dalam kerajaan dan UMNO begitu menonjol sekali.

Penguasaan Anwar dalam UMNO juga cukup memberangsangkan. Ramai ketua Bahagian sudah menoleh kepada Anwar dan juga barisan pemuda. Undi yang diperolehi pada tahun 1990, dijadikan ukuran penting menunjukkan Anwar sudah cukup bertenaga dan punya kekuatan.

Itulah alasan mereka. Itulah ukuran yang dibuat oleh para tukang kipas Anwar? Walaupun pada hakikatnya masih banyak kepincangan yang mencacatkan keperibadian Anwar, tetapi itulah yang ditonjol dan dijadikan modal oleh pentaksub Anwar dalam usaha mereka hendak meletakkan Anwar ke atas!

Sehubungan itu kesediaan harakah Islam dan gerakan Islam dalam dan luar negeri untuk menyokong Anwar juga merupakan *moral support* yang cukup baik kepada Anwar. Pada perkiraan mereka jika Anwar mengambil teraju pemerintah negara ini mereka tidak menghadapi kesulitan untuk melaksanakan Islam sepenuhnya!

Secara relatifnya hakikat itu tidak dapat siapa nafikan. Ia benar berlaku ke atas Anwar. Anwar benar-benar dapat memainkan peranannya dalam kerajaan. Malahan kalau dibandingkan dengan orang lain Anwar sungguh popular buat masa ini. Bukan itu sahaja dia juga adalah antara menteri yang *handsome*. Dengan ketampanan wajahnya sahaja beliau boleh meraih satu dua undi perwakilan wanita yang masih belum bersuami ataupun sedang menjanda!

Tetapi apakah Anwar sudah membuat penilaian yang tepat

bahawa kekuatan itu boleh membantunya? Benarkah segala kekuatan itu membantunya. Paling penting apakah Anwar membuat penyelidikan bahawa perwakilan pada tahun ini bersedia untuk meletakkannya ke atas pahar paling popular seperti mana tahun 1990?

Adalah baik kalau dalam hal ini Anwar jangan gopoh membuat keputusan mengenai dirinya. Dia harus berhati-hati. Berhubung dengan popularitinya, harus dianalisis sebaik mungkin apakah populariti itu kerana kejayaan dan kecemerlangannya ataupun memang ada projek jangka panjang membuatkan dia begitu.

Begitu juga andaian kononnya Dr Mahathir mahukan kepadanya tidak patut dijadikan asas yang konkret. (Saya sudah hurai hal ini dalam bab sebelum ini).

Dalam hal ini Anwar tidak boleh menelan bulat-bulat apa yang dibuat oleh perancang politiknya. Anwar harus ada sekumpulan lain yang menjadi pembangkang kepada kumpulan itu. Dia kena tapis dan kaji apa juga resolusi yang diputuskan itu dengan rasional dan tanpa sentimen keakuan yang egois.

Kalau Anwar mengambil pandangan daripada satu pihak sahaja, terutama pihak yang fanatik kepadanya, Anwar salah. Anwar harus sedar orang yang fanatik kepadanya sangat ingin melihat beliau naik kerana mereka ada memasang impian lain disebalik itu. Anwar jangan ghirah sangat.

Dalam hal ini adalah baik kalau Anwar mengambil iktibar apa yang terjadi kepada tentera Islam dalam peperangan Uhud. Kerana terlalu ghairah kepada kemenangan dan gila serta tamakkan kepada harta, tentera Islam bertindak meninggalkan medan perang dan merebut harta. Apa sudah jadi? Tentera Islam kalah teruk?

Anwar harus ingat untuk melawan Ghafar bukan calang-calang orang. Lawan Ghafar bukan seperti melawan Datuk Suhaimi Kamaruddin tahun 1982. Lawan Ghafar bukan seperti lawan Syed Hamid Jaafar Albar tahun 1984. Lawan Ghafar bukan seperti lawan (bertanding) Naib Presiden tahun 1990? Lawan Ghafar adalah melawan pokok keramat dalam UMNO.

Benar, pokok keramat tidak mempunyai apa-apa kelebihan. Kuasa yang ada kepadanya kuasa palsu sahaja. Tetapi kita harus ingat, jika kita tidak mempunyai keyakinan kuat, keteguhan iman kita boleh jadi takut dengan kekeramatannya itu. Kita boleh lari lintang pukang.

Ghafar telah berkhidmat dibawah empat Perdana Menteri. Dia satu-satunya tokoh veteran yang boleh bertahan begitu lama. Sebagai seorang veteran sedikit sebanyak dia tentu ada kelebihan di segi pengalaman. Dia juga ada pengaruh dan daya simpatis daripada perwakilan. Ghafar ada cenduai yang dia boleh sapukan kepada perwakilan UMNO.

Benar dia tidak sehebat Anwar disegi semangat Islam dan pengetahuan Islam. Begitu juga disegi kelulusan dan wibawanya, tetapi itu bukan menjadi ukuran mutlak untuk menyingkirkan Ghafar begitu saja, tanpa terlebih dahulu memperhitungkan jasa dan juga baktinya selama ini kepada politik Melayu.

Kedudukan Encik Ghafar ini seperti Quran setengah buruk. Separuh boleh dibaca, separuh tidak boleh dibaca, menjadikan ayat yang kita baca tak lengkap.

Quran buruk tidak boleh digunakan lagi. Tetapi untuk membuangnya mesti ada kaedah tersendiri. Ia tidak boleh ditendang begitu sahaja. Kaedah yang selalu digunakan oleh Tok Guru -Tok Guru Pondok untuk membuang Quran buruk ialah dengan membakarnya terlebih dahulu kemudian abunya dihanyutkan ke laut. Ia tidak boleh dibuangkan sembarangan, seperti mencampakkan kulit pisang ke dalam tong sampah.

Kalau kita membuangnya seperti mencampak kulit pisang, kita bukan sahaja biadap, tetapi sudah bersalah dengan syariah Allah. Kita akan dituduh derhaka dan tidak menghormati orang tua. Nah... begitu juga dalam kaedah untuk menyingkir Encik Ghafar ini mesti dengan cara terhormat dan bukannya dengan cara biadap?

Apa lagi sebagai ahli sebuah parti Melayu yang kuat berpegang pada semangat nasionalismanya, Anwar sedikit sebanyak kena pegang juga kepada adat menghormati orang tua.

Jangan pula nanti dia dituduh sebagai tidak mempunyai akhlak dan tokoh tidak mengenang budi.

Satu perkara lagi sebelum membuat keputusan muktamad untuk melawan Ghafar, Anwar harus fikir masak-masak. Dia harus fikirkan apakah risiko jika dia kalah dan juga implikasi yang mungkin timbul daripada perlawanan itu.

Walaupun Anwar menggunakan tekit mengugut Encik Ghafar, namun orang tua itu dikira tidak mudah mengaku kalah. Ghafar tidak mudah meninggalkan jawatan begitu sahaja. Selaku politician yang matang, dia pasti membuat sesuatu persediaan dan mengatur strategi tersendiri melawan balik Anwar.

Jika benar Anwar berhajat hendak tentang Ghafar, sudah pasti Ghafar memohon para setiawannya untuk melindunginya. Orang-orang setia kepadanya akan menjadi benteng kepadanya. Mereka sudah tentu akan bertindak menjadi askar dan juga hulubalang kepada Ghafar.

Tokoh-tokoh seperti Sanusi Junid, Abdullah Haji Ahmad Badawi serta sisa-sisa veteran dan sesiapa sahaja yang mentaati tradisi dalam UMNO akan menyokong Ghafar. Mereka tidak lepaskan Ghafar begitu sahaja keseorangan berhadapan dengan Anwar. Mereka tetap membantu Ghafar.

Apa lagi bagi tokoh-tokoh yang bergantung nyawa dengan Ghafar mereka akan bermati-matian mempertahankan Ghafar. Bagi mereka, mereka harus mati dahulu sebelum Ghafar jatuh.

Jika dalam pertandingan ini Ghafar kalah, (pokok keramat mereka tumbang), mereka mungkin sepakat. Anwar belum tentu selamat. Pemerintahannya nanti tetap diganggu dan kedudukannya akan dicabar juga pada tahun pemilihan berikutnya. Para puak Ghafar akan bersatu tenaga dengan semua musuh-musuh Anwar untuk membala dendam ke atas Anwar.

Anwar juga jangan membuat kesimpulan mudah. Tidak bermakna bila beliau menjadi Timbalan Presiden UMNO secara otomatis pula beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri. Anwar jangan sesekali berfikir demikian. Walaupun itu tradisi, tetapi ia boleh bertukar menjadi tragedi!

Walaupun benar Mahathir sayang kepadanya, tetapi Maha-

thir tidak boleh memberi jaminan seratus peratus. Mahathir juga sedikit sebanyak harus menuruti kehendak ahli UMNO. Apa lagi dalam keadaan Mahathir sudah hampir masuk waktu Isyak ini, tentu dia sendiri tidak mahu banyak fikirkan soal siapa penggantinya. Apa yang penting baginya fikir sekarang ialah bagaimana hendak bersara dengan baik dan penuh dengan ketenangan.

Jalan paling baik untuk Anwar kini ialah sabar. Sabar itu separuh daripada iman. Apakah beliau tidak bisa bersabar lagi. Kalau Encik Ghafar jadi PM pun tidak lama. Encik Ghafar akan menghadapi delima dengan kemampuan dirinya sendiri. Dia kena tunduk kepada tuntutan masa dan lumrah alam. Pada saat dunia menghadapi era perubahan ini Encik Ghafar tidak mungkin dapat mengikut jalur perubahan dunia. Hendak tak hendak dia terpaksa juga akur kepada kelemahan dirinya.

Lainlah kalau Ghafar telah merosakkan agama, bangsa dan tanahair. Maka ketika itu sudah pantas untuk Anwar melawan-nya hatta kalau terpaksa membunuh Encik Ghafar. Anwar perlu jatuhkan hukum jihad ke atas Ghafar. Tetapi pengkhianatan Ghafar ke atas agama tidak separah pemimpin sosialis lain lakukan. Ghafar cuma tidak ada pengetahuan dalam bidang agama! Sebab itu kadang-kala kita dengar kenyataannya mengenai agama begitu songsang dan begitu jahil sekali!

Dalam keghairahan itu, Anwar juga harus sedar kepada perangkap dan jerat yang sedang menantinya di hadapan. Anwar harus ingat pepatah orang tua-tua; sepandai-pandai tupai melompat akhirnya ke tanah juga. Jangan Anwar merasa dia licit macam belut, maka dia terus bertindak mengikut kehendak nafsunya. Anwar harus sedar selicin-licin belut, ada juga cara untuk memerangkapnya.

Anwar juga mengerti dan faham. Disebalik orang bergembira dan menyokong penuh dia bertempur dengan Ghafar itu, ada pihak yang akan mengambil kesempatan. Baik dikalangan puaknya sendiri dan juga Encik Ghafar Baba. Mereka ini menangguk di air keruh untuk mengemas dan memperteguh-kan kedudukannya dalam UMNO.

Dipihak Ghafar, yang pastinya Sanusi Junid. Sanusi cukup suka kalau Anwar jadi tentang Ghafar. Bagi Sanusi jika Anwar tentang Ghafar maka dia tidak mempunyai saingan yang berat dalam prosesnya untuk mengekalkan Naib Presiden. Dengan tidak adanya Anwar, Sanusi boleh muncul sebagai calon Naib Presiden yang popular. Mungkin dia mendapat undi terbanyak.

Demikian juga dengan orang-orang di sebelah Anwar, terutamanya rakan-rakannya yang baru menjadi ahli koprat, sangat suka kalau Anwar naik sebab mereka boleh tumpang tuah Anwar. Lagi tinggi kedudukan Anwar, lagi besar dunia koprat mereka. Tetapi apakah Anwar sedar, apa jadi kalau takdir dia kalah? Ingat...teman menangis sukar untuk dicari.

Memandangkan kepada kemungkinan, implikasi serta risiko itulah maka diharap Anwar berfikir panjang mengenai hasratnya itu. Jangan gopoh dalam membuat keputusan terhadap sesuatu hal yang amat penting.

Dan bagi kita pula dalam hubungan ini, kita merasakan terlalu berat untuk Anwar membuat keputusannya. Justeru itulah juga maka timbul pertanyaan kepada kita, apakah Anwar berani untuk melawan Ghafar pada November hadapan?

Bagaimanapun, untuk seminggu dua ini kita tidak akan dapat jawaban yang pasti. Baik Anwar atau sesiapa sahaja tidak dapat memberi jawapan muktamad. Anwar sendiri pun dikira dapat memberi jawapan sebaik sahaja selesai mesyuarat Bahagian UMNO diseluruh negara.


Adalah dipercayai jika dalam mesyuarat Bahagian nanti Anwar menerima pencalonan lebih daripada 70% iaitu kira-kira 100 Bahagian, kemungkinan besar Anwar bersedia untuk mencabar kedudukan Encik Ghafar Baba. Meskipun Dr. Mahathir telah "merayu" agar jangan diadakan pertandingan, rayuan itu mungkin tidak dipedulikan Anwar. Dalam hal ini (melawan Ghafar), Anwar harus lebih mempercayai dan menimbang permintaan para penyokongnya daripada mendengar rayuan Dr. Mahathir Mohamad. Dalam saat ini kepada Anwar dia harus meraikan para penyokongnya berbanding Dr. Mahathir. Kepada Anwar walaupun Mahathir adalah "segala-gala" baginya, namun

dalam usia Mahathir semakin "pendek" dikira tidak banyak memberi keuntungan kepadanya lagi!

Apapun dalam masalah ini (melawan Encik Ghafar), Anwar berada dalam keadaan serba salah dan terjempit. Keadaan sungguh kritis dan rumit sekali. Keadaan Anwar kini seperti pengedar dadah yang dijatuhkan hukum medatori gantung sampai mati. Beliau tidak ada pilihan lain, hendak tak hendak terpaksa juga lawan Ghafar Baba. Sekaligus wujudnya suasana ini merupakan ujian kepada Anwar, untuk kita sama-sama lihat sejauh manakah kelicitan Anwar dalam menyelesaikan sesuatu keadaan yang kritis begitu!



Anwar dan Sanusi sama-sama berdoa untuk saling jatuh menjatuhkan diantara satu sama lain. Mereka tidak mungkin dapat duduk dalam satu saf perjuangan yang sama!



**10**

**BAPAK BOREK  
ANAK TAK RINTIK**

**D**ALAM keghairahan pemimpin pelapis untuk melonjak ke atas, seorang lagi tokoh muda UMNO telah menyatakan hasratnya untuk bertanding merebut jawatan Naib Presiden pada perhimpunan akan datang. Tokoh yang dimaksudkan itu ialah Mohamad Najib, anak kepada almarhum Tun Abdul Razak bin Datuk Hussein.

Najib rupanya sudah berhasrat hendak meninggalkan pemuda. Barang kali dia sudah cemuh memimpin pemuda yang disertainya selama 17 tahun itu. Barang kali dia sudah merasakan dirinya sudah cukup kuat dan setanding dengan tokoh muda lain, seperti Syed Hamid, Rahim Tamby Chik, Mahyuddin Mohd Yassin, Muhammad Haji Muhd Taib dan lain-lain. Dalam perkiraanya sudah sampai untuk dia naik setangga lagi.

Memang dalam politik seseorang itu tidak boleh statik. Ia perlu kepada peningkatan. Siapa pun tidak akan marah kalau Najib punya pandangan begitu. Ambisis dalam politik, apa lagi untuk kebaikan negara, agama, dan bangsa adalah baik.

Pembesaran (ambisis) dalam politik seperti pembesaran pokok kayu dalam hutan. Kalau sesuatu pokok itu tidak membesar dan mengikut jalur alam sekitar ia akan ketinggalan. Ia akan dilanyak dan ditidih, lama-lama ia akan mati begitu sa-

haja. Mungkin berpandukan kepada teori ataupun lumrah itu-lah menyebabkan Najib perlu ubahkan kedudukannya, untuk naik setangga lagi.

Tetapi soalnya kini apakah Najib benar-benar bersedia? Apakah dia sudah siap sedia menghadapi apa sahaja risiko dan rintangan? Apakah dia tahu penyakit dan juga risiko yang bakal diterima nanti? Kalau menang ya baik, tetapi kalau kalah.... macam mana? Apakah dia tahu kesan dan keburukan daripada pertandingan itu nanti?

Untuk merebut jawatan Naib Presiden itu bukan calang-calang orang boleh berbuat demikian. Najib sendiri pun mungkin maklum. Jawatan itu adalah merupakan jawatan ketiga terbesar dalam parti. Sanusi Junid yang dikira lebih hebat daripada Najib pun, terpaksa dua kali bertanding baru menang. Itupun dengan kelebihan 15 undi sahaja.

Untuk merebut jawatan itu persis mengharungi laut yang dalam. Sesiapa yang ingin terjun ke laut dalam, ia mesti mempunyai kapal besar dan juga kail lebih daripada sejengkal. Apakah Najib sudah mempunyai kapal besar dan kail lebih daripada sejengkal? Kalau hanya mempunyai perahu sopek dan kail panjang sejengkal, jangan menduga lautan dalam, nanti celaka yang menimpa badan!

Sehingga kini Najib masih belum memberi alasan konkrit kenapa ia harus meninggalkan Pemuda dan kenapa dia hendak mencuba jawatan Naib Presiden. Cuma apa yang beliau jelaskan tujuan beliau bertanding itu sebagai kesinambungan perjuangan pemuda dalam UMNO. Najib belum mengemukakan gagasannya yang sebenar. Sedangkan alasan dan juga hujah Najib nanti adalah merupakan subjek yang ditunggu oleh perwakilan sekalian untuk melihat sejauh manakah kepentingan dan kemunasabahannya untuk bertanding.

Jika alasan dan hujah yang diberikan nanti tidak logik, awal-awal lagi perwakilan akan menolak. Awal-awal lagi perwakilan merasakan "buat cemar tangan" sahaja kalau pilih Najib. Malahan alasan dan juga hujah itu nanti akan digunakan oleh Bahagian samada hendak mencalonkan Najib atau pun tidak.

Agaknya apakah alasan Najib? Apakah beliau sudah jelek dengan pemuda? Apakah dia sudah tidak sanggup melayan keranah pemuda yang berbagai-bagai itu. Apakah beliau sudah tidak mampu membahagi-bahagikan projek kepada Exco Pemuda UMNO, kerana semata-mata hendak menjaga kedudukannya? Kerana hendak menutup mulut mereka dari melaung dan mengkritiknya!

Kalau itu alasannya dan kalau memang berlaku keadaan begitu dalam pemuda, maka jelas Najib gagal mentadbir pemuda. Beliau tidak pandai mendisplinkan pemuda. Beliau tidak pandai membentuk pemuda agar menjadi golongan yang suci dalam perjuangannya. Beliau gagal membentuk pemuda menjadi tulus dan ikhlas dalam perjuangan. Alasan itu tidak tepat dan kemas, kalauolah itu alasan Najib orang tidak akan sokong hasratnya itu.

Atau apakah alasannya kerana ketiga Naib Presiden sekarang ini tidak bertenaga? Mereka lemah dan tidak layak untuk menjadi pemimpin pada masa akan datang. Ataupun kerana mereka berdua itu (Sanusi dan Pa Lah) tidak "ngam" dengan Anwar, maka Najib mengambil kesempatan untuk menjadi *partner* kepada Anwar? Begitukah? Benarkah begitu? Sudahkah Najib ukurkan dirinya dengan ketiga Naib Presiden yang ada sekarang? Apakah kelebihan Najib berbanding dengan Anwar? Apakah kehebatan Najib berbanding dengan Sanusi? Dan apakah kesitimewaan Najib berbanding dengan Pak Lah?

(Dan kalau Najib menjadikan alasan kerana Sanusi dan Pak Lah tidak ngam dengan Anwar, apakah dia kira dia ngam dengan Anwar? Dimanakah ukuran yang Najib ambil untuk menyatakan dia ngam dengan Anwar. Pelepasan jawatan Ketua Pemuda pada tahun 1987 oleh Anwar kepadanya, bukan bermakna Anwar ngam dengannya. Perlepas itu adalah tektik dan jerat Anwar kepada Najib dalam usahanya (Anwar) menyelamatkan Dr. Mahathir daripada kecundang ditangan Tengku Razaleigh Hamzah. Hakikat ini Najib harus mengerti!)

Lagipun tidak nampak dari sudut mana Najib dan Anwar ngam dan sebulu. Lihat kepada stail dan budaya sahaja sudah

jelas perbezaanya. Lihat kepada semangatnya sahaja sudah nampak. Mereka berdua punya perbezaan yang terlalu jauh jaraknya.

Rasanya kalau dibandingkan dengan ketiga Naib Presiden itu, Najib masih dibawah. Najib tidak mempunyai apa-apa kelebihan dan keistimewaan daripada ketiga orang itu. Pendeknya kalau dibandingkan Najib dengan ketiga orang Naib Presiden itu, hujung kuku mereka pun Najib tak sampai? Najib masih lagi menjadi anak-anak kepada mereka.

Jadi apakah alasan Najib untuk mencabar mereka?

Kalau memang benar Najib bercadang untuk mencabar mereka, maka Najib telah membuat satu tindakan politik yang silap. Beliau telah membuat satu perhitungan yang merugikan dirinya sendiri. Dalam keadaan sekarang, Najib tidak usahlah mengejar cita-cita besarnya. Apa yang wajar bagi Najib ialah memperkuatkan dirinya dalam pemuda terlebih dahulu. Najib tidak patut terlalu mengikut telunjuk atau mendengar jolokkan para penasihatnya dalam hal ini. Apa yang baik ialah melihat kemampuan diri sendiri dengan insaf dan tenang.

Apa yang baik Najib lakukan, buktikan dulu bahawa dia berjaya dalam Pemuda. Tunjukan karismatiknya dalam Pemuda terlebih dahulu. Buktikan bahawa dia sudah benar-benar ampuh sebagai pemimpin bangsa dalam pemuda. Pamerkan belang kepimpinannya dalam Pemuda. Itu lebih baik. Ingatlah mengejar cita-cita seperti mengejar bayang-bayang kalau kita tidak punya kekuatan dan ketekunan, ia akan terlepas begitu sahaja. Jangan pula Najib jadi seperti Lebai Malang, ke hulur melepas ke hilir terlepas. Yang dikendung berciciran yang dikejar tak dapat.

### **Apakah jasa Najib dalam Pemuda?**

Perjuangan Najib dalam pemuda kini pun masih boleh dipertikaikan. Orang masih belum nampak apakah peranan yang dapat dimainkan oleh pemuda selamam ini. Najib tidak dapat membuktikan sejauh manakah keberkesanan Pemuda dalam

pembangunan bangsa sekarang ini.

Najib juga gagal menjadikan pemuda sebagai satu badan pendesak, (*pressure group*) pengawal dan juga pemerhati kepada UMNO seluruhnya. Dalam ungkapan lain Najib gagal untuk membentuk pemuda menjadi barisan bertindak, membela rakyat, membela kepentingan negara.

Selama memegang jawatan ketua Pemuda enam tahun apakah yang Najib telah lakukan? Apakah jasa Najib kepada pemuda dan negara? Peranan paling menonjol ialah melawan Lee Kim Sai tidak lama dulu. Itu sahajalah yang dikira jasa terbesar Najib!. Selain daripada itu tidak ada apa-apa.

Sebagai golongan muda yang dinamik dan mahukan kebersihan dalam politik, Najib gagal membawa pemuda ke arah itu. Najib gagal menjadikan pemuda sebagai "polis" untuk negara. Berbagai skandal dan penyelewengan baik dalam kerajaan dan dikalangan pemuda sendiri didiamkan sahaja. Pemuda biarkan sahaja seolah merestui segala penyelewengan dan skandal itu bermaharajalela!

Yang anehnya kenapa Najib menjadi sepenakut itu. Sestengah skandal dan penyelewengan itu telah menjadi pengetahuan umum, merugikan bangsa dan negara, tetapi Najib diamkan sahaja. Najib seolah tidak punya taring langsung untuk menegur!

Penyelewengan dalam Kompleks Kewangan yang melibatkan kerugian kira-kira RM 500 juta tidak lama dulu didiamkan sahaja. Pemuda tidak membuat apa-apa tindakan. Apakah kerana kompleks itu dipengerusikan oleh Ghafar Baba, maka Pemuda halalkan penyelewengan itu?

Begitu juga penyelewengan dan penyalah-gunaan wang dalam syarikat Talasco Insuran, Pemuda diam juga. Najib tidak berbuat apa-apa dan seperti merestui penyelewengan itu kerana ia melibatkan Timbalannya Nazri Aziz. Apakah sesuatu dosa yang melibat kaum kerabat boleh dihalakan begitu sahaja.

Begitu juga penyelewengan dan penyalah-gunaan wang dalam Yayasan Gerakbakti kepunyaan Pemuda UMNO juga tidak diambil apa-apa tindakan. Malahan orang yang dikatakan

terlibat dengan penyelewengan itu, Ghazi Sheikh Ramli dibela dan "disyurgakan" dengan memberi kedudukan istimewa dalam Fleet Group, syarikat kepunyaan UMNO.

Penyelewengan dalam Koperasi Belia Nasional (Kobena) juga didiamkan sahaja oleh Pemuda. Kobena hampir-hampir lumpuh akibat penyelewengan itu. Pemuda tidak membuat apa-apa penyiasatan. Apakah kerana ia melibatkan Jamaluddin Jarjis, pencari jodohnya dengan Rosmah Mansor maka Najib buat *don't no* sahaja!

Demikian juga dengan pelbagai skandal dan penyelewengan lain, Pemuda diam membisu. Kerugian bank negara RM 9.3 billion didiamkan sahaja. Seperti semua Exco Pemuda telah ditutupkan mata dan telinganya. Pemuda seperti menghalalkan wang itu hanyut begitu sahaja. Pemuda seperti dikuncikan mulut oleh Anwar Ibrahim.

Berpandukan kepada realiti itu dimanakah peranan Pemuda? Apakah fungsi pemuda dalam pembangunan negara? Pemuda seolah tidak ada wibawa langsung. Kewujudannya hanya menjadi *rubber stamp* kepada kerajaan dan UMNO sahaja. Kalau pemuda wujud seada-adanya sahaja tanpa membawa sebarang keuntungan, maka tidak guna pemuda diwujudkan?

Sesungguhnya dalam pemuda, Najib belum dapat menunjukkan kehebatan dirinya. Najib tidak berjaya meletakkan dirinya sebaris dengan ketua-ketua pemuda sebelum ini. Pemuda zamannya begitu malap dan tidak bertenaga sekali. Usahakan hendak banding dengan kepimpinan Datuk Harun, hendak lawan Haji Suhaimi Kamaruddin pun susah. Selembek-lembek Suhaimi tetapi bila timbul isu nasional ataupun yang menyentuh kepentingan Melayu beliau akan bangkit menyuarakannya.

Cuma apa yang paling ketara yang dapat dilakukan oleh Najib ialah membawa rombongan Pemuda ke luar negeri. Makan angin dan berfoya-foya di sana. Pergi atas alasan menghadiri seminar, conference dan sebagainya, sebaliknya untuk berseronok. Pemuda zaman Najib boleh dikatakan setiap tahun mengadakan lawatan "muhibbah" ke Indonesia. Itulah kejayaan paling menonjol!

(Mungkin atas realitas itu jugalah, apabila Najib menyuarakan hasrat hendak meninggalkan Pemuda, maka ramai tokoh bercadang untuk mengambil alih tempatnya. Setakat ini Syed Hamid Albar, Khalil Yunus, Annuar Musa dan Rahim Tamby Chik).

Sekiranya semasa menjadi Ketua Pemuda, Najib sudah tidak dapat menunjukkan kecemerlangan bagaimana dia mampu untuk bertindak lebih hebat lagi jika dilantik menjadi Naib Presiden nanti.

Satu hal lagi untuk melayakkan diri diperingkat jawatan ketiga itu Najib tidak boleh mengukurkan atas dasar kerana dia sudah lama menyertai kabinet ataupun menjadi wakil rakyat. Najib menjadi wakil rakyat ketika berusia 23 tahun lagi. Soal lama atau baru bukan menjadi ukuran mutlak. Sebaliknya yang perlu dilihat ialah kejayaan dan kemampuan seseorang tokoh itu dalam mentadbir negara.

Kegagalan Najib ini bukan sahaja dalam pemuda. Sewaktu menjadi Menteri Besar Pahang tahun 1982-1986 juga, beliau gagal menunjukkan prestasi kerja yang membanggakan. Skandal demi skandal berlaku di Pahang menyebabkan PKINP yang dipengerusikan olehnya sendiri mengalami kerugian beratus ribu juta ringgit. Yang paling jelas ialah kerugian dalam ASPA, yang mengakibatkan PKINP hampir bankrup.

Sewaktu menjadi Menteri Besar Pahang, Najib dikatakan bukan membangunkan Pahang sebaliknya dia lebih suka berfoya-foya dan menggunakan wang kerajaan negeri untuk berseronok. Katanya sewaktu menjadi MB Pahanglah dia mula kenal dengan Rosmah Mansur, yang kemudian menjadi isterinya kini.

Sesungguhnya Naib begitu lemah untuk muncul sebagai tokoh yang disegani. Dia tidak dapat menandingi kehebatan aruah bapaknya dulu. Karismatik dan dinamisme Tun Razak tidak ada kepada Najib. Najib tidak menjadi anak yang rintik kepada seorang bapak yang borek! Kuah tidak tumpas ke nasi sebaliknya jatuh dicelah gelegar dan disudu oleh itik nila.

Jika Najib mengakui bahawa kehebatannya disebabkan dia

memegang jawatan Ketua Pemuda pengakuan itu silap. Dia harus sedari jawatan Ketua Pemuda yang mulai dipegangnya pada 24 April, 1987 itu bukan diberi diatas kemampuannya. Jawatan itu tidak dipertandingkan. Sebaliknya ia lebih merupakan jawatan sugu hati diatas kesediaannya mengubahkan sokongannya daripada Tengku Razaleigh Hamzah kepada Dr Mahathir pada saat-saat akhir.

Jawatan itu bolehlah dianggap sebagai bonus kerana kese- diaan Najib memungkiri janji dengan Tengku Razaleigh Hamzah. Perlantikan itu diatas belas ihsan Anwar Ibrahim semata-mata. Belum tentu Najib dapat menjadi Ketua Pemuda, walau-pun pada masa itu dia Timbalan Pemuda. Jika jawatan itu dipertandingkan pada masa itu dan ada yang melawannya, Najib mungkin tewas.

Selain daripada itu, jika Najib ingin bertanding, dia bukan sahaja kena lihat sejauh mana kemampuannya memimpin pemuda UMNO. Yang paling penting baginya, ialah melihat apakah dia pantas menjadi pemimpin di era kebangkitan Islam ini. Najib kena nilai peribadi dan akhlaknya apakah benar-benar memenuhi kriteria pemimpin Islam.

Zaman orang sudah terbuka hati kepada Islam, Najib harus melengkapkan dirinya dengan ciri-ciri pemimpin Islam. Jika Najib tidak mempunyai kelebihan dan keistimewaan ini dia akan ditolak. Pemimpin jahil agama tidak layak untuk menjadi pemimpin diera kebangkitan Islam ini.

Apa lagi kalau Najib bercadang hendak beregu dengan Anwar Ibrahim maka beliau kenalah mempelajari beberapa istilah Islam dan ekonomi. Beliau kenapa pandai sebut perkataan "Islam" dalam versi Abim, kena pandai sebut perkataan; istihad, syumul, ad-din, daulah, Islamiah, kuffar dan sebagainya. Kalau Najib tidak pandai sebut atau masih telo menyebut segala istilah itu, agak payah bagi Anwar untuk menerima sebagai regu yang intim.

Untuk menjadi pemimpin Islam bukan sahaja memerlukan kepintaran, bijak dan banyak wang serta wajah yang tampan, tetapi yang lebih penting dari itu punya akhlak terpuji, berhe-

mat tinggi dan keperibadian yang baik. Islam tidak memilihkekayaan seseorang itu untuk dilantik menjadi pemimpin, tetapi melihat kepada komitmen, peribadi dan juga keberanianya menegakkan hukum Allah. Ketampanan dan kacak, putih, kuning, biru, hitam dan sebagainya tidak ada nilai di sisi Allah.

Untuk ini Najib kena cerminkan dirinya sebaik mungkin. Apakah dia punya peribadi yang baik? Sejauh manakah pengetahuan Islam Najib? Sejauh manakah komitmen Najib kepada Islam. Apakah yang dia tahu mengenai Islam? Sudah habiskan fardu-ain Najib pelajari? Tahukah Najib apakah hukum fardu kifayah?

Sudahkah Najib memperhitungkan itu semua? Orang menjadi sangsi kepada kemampuan Najib terhadap Islam. Bukan sahaja kerana orang tahu asas pendidikannya, tetapi penglibatan dalam gerakan Islam juga orang maklum. Najib tidak pernah terlibat dengan gerakan Islam dan mengambil berat kepada aktiviti Islam.

Begitu juga mengenai pengetahuan Islam, orang tidak yakin dengan Najib. Orang sangsi. Kalau Najib tahu hukum Islam, mungkin Najib tidak mengahwini isterinya sekarang semasa isterinya dikatakan masih menjadi isteri orang lain? Kalau dia tahu hukum Islam, mungkin Najib juga tidak akan menceraikan Ku Yi (Tengku Puteri Zainah) tanpa memberi nafkah dan mutaah sewajarnya kepada Tengku Puteri Zainah.

Justeru itu jelas bahawa Najib kurang arif mengenai agama. Dia tidak mendalami agama. Dia juga tidak mempunyai akhlak dan keperibdian sebagai pemimpin Islam. Berdasarkan itu Najib masih belum layak untuk muncul sebagai pemimpin Islam.

Dan jika Najib bertanding dengan niat mahu menggunakan jasa dan kehebatan bapaknya adalah lebih malang lagi. Khabarnya pada hari raya Aidi-Fitri yang lalu Najib sengaja mengadakan rumah terbuka di bekas kediaman rasmi bapaknya di Seri Taman semasa menjadi Perdana Menteri. Tujuannya untuk mengembalikan nostalgia para hadirin kepada bapaknya. Harapan Najib bila orang ingat perjuangan dan jasa bapaknya, orang akan ingat kepada beliau.

Najib tidak boleh jadikan itu sebagai modal. Datuk Musa Hitam bekas "terrorist" UMNO yang turut hadir khabarnya berkata kepada Najib secara berseloroh, bahawa dia datang ke rumah terbuka Najib itu bukan kerana Najib, sebaliknya semata-mata kerana menghormati ibu Najib, Toh Puan Rahah.

Selama mana dia hendak menumpang tuah ayahnya. Dan selama mana sangatlah orang akan kenang orang yang sudah mati. Soal yang Najib hadapi kini bukan soal hendak kenang nilai perjuangan ayahnya, tetapi, orang nilai kewibawaan dan kemampuannya sendiri sebagai pemimpin kepada bangsa Melayu.

Jika benar Najib hendak bertanding dia harus fikir banyak kali. Dia tidak perlu tergesa-gesa. Dia harus membuat persiapan rapi. Dalam hal ini paling penting Najib harus mendalami agama, cuba melengkapkan diri dengan ciri-ciri pemimpin Islam. Bereskan fardu ain untuk dirinya. Ataupun selesaikan dahulu kes mahkamah tuntutan mutaah yang dilakukan oleh bekas isterinya Ku Yi. Sudah hampir enam tahun kes itu belum diselesaikan lagi. Lepas itu cuba pula mendalami falsafah perjuangan Islam.


Jangan sesekali memimpikan berjuang merebut jawatan untuk menyenangkan diri. Perjuang seperti itu perjuangan munafik. Perjuangan itu tidak akan diterima rakyat dan juga Allah.

Kesimpulan yang dapat dibuat di sini jika Najib tetap juga mahu mencuba merebut jawatan Naib Presiden, harapannya sungguh tipis sekali. Implikasi pada kegagalan itu pula mungkin menyebabkan umur politik Datuk Najib hanya setakat Ketua Pemuda sahaja. Kekalahan itu merupakan petanda awal baginya untuk mempersiapkan kuburnya dalam UMNO.

Oleh itu apa yang paling baik bagi Najib ialahkekalkan jawatan Ketua Pemuda yang disandangnya kini, sekurang-kurang untuk satu penggal lagi, ataupun cuma bertanding diperingkat Majlis Kerja Tertinggi (MKT) sahaja.



Tengku Puteri Zainah janda Najib yang masih menunggu tuntutan mutaah di mahkamah syariah. Macam mana Najib nak jadi Perdana Menteri selesaikan tuntutan cerai bekas isterinya memakan masa bertahun-tahun.



**11**

**AIR MATA 1993**

**T**RAGEDI yang menimpa parti Pertubuhan Melayu Kebangsaan Bersatu (UMNO) pada tahun 1987 tidak mungkin dapat dilupakan sampai ke bila. Tragedi itu tetap bersemadi dalam setiap sanubari bangsa Melayu, khasnya mereka yang menganuti fahaman UMNO. Tragedi itu akan dijadikan sempadan, dan satu batu tanda kepada parti tersebut. Menjadi ingatan dan juga nostalgia kepada semua pihak yang terlibat.

Pada tahun itu (1987) berlaku pertandingan hebat dalam UMNO. Para pemimpin nasionalis (yang sudah berbaur dengan berbagai fahaman sekularisme) berebut untuk memegang jawatan dan memiliki kuasa. Pertandingan itu masing-masing dike-tuai oleh Tengku Razaleigh Hamzah satu pihak dan Dr. Mahathir Mohamad satu pihak.

Tengku Razaleigh mewakili team B yang dikatakan lebih nosisionalistik daripada golongan Dr. Mahathir. Mereka bertindak memecahkan tradisi melawan Presiden parti kerana tidak tahan dengan sikap diktatorial Dr. Mahathir Mohamad.

Hasil daripada pertarungan itu telah mencatat satu sejarah dan satu tragedi belum pernah berlaku sebelum ini, dimana akhirnya menyebabkan parti nasionalis itu diharamkan di

mahkmal pada 4 Februari, 1988.

Sesungguhnya tragedi tahun 1987 amat pahit untuk bangsa Melayu dan paling pahit lagi kepada individu yang terlibat terutamanya mereka yang kalah dalam pertarungan tersebut.

Antara mereka yang tergolong dalam team B; Rais Yatim, Zainal Abidin Zin, Ibrahim Azmi, Manan Othman, Rahmah Othman, Marina Yusuf dan ramai lagi. Hampir separuh anggota kabinet Dr. Mahathir menyokong team B. Kekalahan itu memberi satu penderitaan politik kepada mereka, kerana selepas itu didisingkir daripada kabinet.

Sekaligus dengan kekalahan itu juga perhimpunan agung pada tahun 1987 merupakan perhimpunan terakhir bagi mereka itu. Pada tahun itu tahun terakhir mereka memijak permadian merah di dewan Merdeka PWTC

Mereka pulang ke rumah selepas perhimpunan tahun 1987 dengan penuh kehampaan, penuh penderitaan, penuh kekecewaan, penuh kelukaan dan penuh dengan dendam kesumat dan api kemarahan kepada Dr Mahathir. Sebagai manifestasi kepada kemarahan itu akhirnya mereka tubuh parti Semangat 46 yang mendokong perjuangan asal UMNO yang mereka dakwa sudah dirogol dan dikuburkan oleh Dr. Mahathir bersama neo-nasionalismenya.

Demikian hebat dan tragisnya perhimpunan pada tahun 1987, satu perhimpunan yang cukup dengan bara-bara kemusnahan dan membawa sejuta kepiluan kepada team B dibawah pimpinan Tengku Razaleigh Hamzah.

Selepas peristiwa itu, perhimpunan UMNO tidak menjadi hangat lagi. Seolah kesan daripada peristiwa tersebut membantkitkan suatu (*phobia*) ketakutan kepada anggota UMNO untuk mengulangi sejarah demikian. Tidak ada lagi orang yang berani mencabar Dr. Mahathir, mereka hanya melihat dan menonton sahaja tindakan politik rakus Dr Mahathir. Mereka takut untuk menegur Mahathir, bimbang dicantas dan dipacung leher politiknya.

Meskipun pada tahun 1990 ada pertandingan, tetapi ia tidak sehebat pertandingan diantara Tengku Razaleigh dengan Maha-

thir. Walaupun antara mereka yang terlibat pada tahun 1990 telah menggunakan berbagai tektik dan strategi yang tidak kurang keras dan kasar, namun kekecewaan yang diterima oleh si kalah tidak separah apa yang diterima oleh kumpulan team B tujuh tahun lalu.

Mereka yang merasai kekecewaan tahun 1990 juga tidak ramai. Dan yang jelas, kekalahan itu bukan sangat mengecewakan mereka. Kerana pertarungan 1990 bukan pertarungan kalah mati kepada sesetengah pihak, sebaliknya satu percubaan bagi persediaan menghadapi pertarungan sebenarnya pada tahun ini (1993).

Antara mereka yang kalah merebut jawatan Naib Presiden pada pertandingan 1990, Mahyuddin Mohd Yassin. Beliau menyifatkan kekalahan itu sebagai satu pengajaran kepadanya untuk berwaspada pada masa akan datang. Kekalahan itu memberi satu pengalaman baru buatnya.

Begitu juga dengan Rahim Tamby Chik yang kalah merebut jawatan yang sama, nampaknya tidak berapa kecewa, malahan beliau gembira kerana mendapat 452 undi. Dengan jumlah undi itu katanya menunjukkan Melaka sebagai sebuah negeri yang kecil dihormati oleh negeri yang besar.

Cuma kalau pun yang merasa perit dan sedikit terkecawa dengan pertandingan dan kekalahan pada tahun 1990 itu, hanya Wan Mokhtar Ahmad, kerana beliau gagal mempertahankan jawatannya yang dipegang hampir 10 tahun. Tempatnya diam-bil oleh Sanusi Junid dengan kelebihan hanya 15 undi sahaja.

Pun begitu kalau diukur kepada realitas politik dan hakikat diri dan kemampuan Wan Mokhtar, dia tidak patut kecewa dengan kekalahan itu, kerana wajar dia kalah. Sekiranya dia insaf dengan kedudukan dirinya dan juga zamannya sudah berakhir maka Wan Mokhtar sepatutnya tidak menangis dan merasa dukacita dengan kekalahan itu. Sememangnya beliau patut lepaskan kerusinya itu kepada tokoh muda yang lebih berani dan bertanggungjawab daripadanya yang selama ini tak ubah seperti burung kakak tua, yang menjadi tukang baca doa di perhimpunan UMNO dan mengikut saja apa yang diucap-

kan oleh Mahathir!.

Kesimpulannya kehebatan pertarungan pada tahun 1990, khususnya untuk jawatan Naib Presiden, tidak sehebat pertandingan tahun 1987. Pertandingan pada tahun 1987, adalah merupakan ibu kepada pertandingan dan menjadi sejarah kepada UMNO. Seluruh jawatan yang direbut hangat dan penuh dengan bara-bara api yang menyala.

Pertandingan 1990 itu tidak mengakibatkan ada air mata derita yang tumpah, seperti mana pada pertandingan 1987, dimana dewan Merdeka penuh dengan air mata kekecewaan, dan ramai perwakilan yang pulang berbekalkan kehampaan yang memilukan. Pertandingan tahun 1990, tidak membawa apa-apa *impact* yang mendalam kepada calon yang bertanding dan juga perwakilan sekalian.

Persoalannya kini, bagaimakah pula dengan pertandingan yang bakal berlaku pada tahun ini? Apakah ia boleh mengatasi dan memecahkan rekod kehebatan pertandingan 1987? Atau apakah pertandingan tahun ini akan menyaksikan banyak air mata yang tumpah. Ramai tokoh yang akan menangis tanpa berlagu? Apakah pertandingan tahun ini menjadi satu pertandingan kalah mati kepada tokoh-tokoh tertentu? Apakah pertandingan tahun ini lebih hebat daripada pertandingan tahun 1987?

#### 4 November Tarikh "Perang"

Sebaik sahaja Dr. Mahathir mengisyiharkan tarikh untuk "berperang" pada 4 November, berbagai desas desus telah kedengaran. Selepas pengumuman itu tiba-tiba suhu politik UMNO mendidih. Ia turut merebak ke luar, orang ramai mula membuat berbagai andaian dan perhitungan. Para penulis politik juga yang telah "disundalkan" oleh Dr. Mahathir Mohamad turut menjadi sibuk. Masing-masing ada projek tersendiri menjelang perhimpunan agung ini.

Ahli-ahli politik juga dengan tiba-tiba menjadi baik dan hormat dengan sesiapa yang dikira dapat membantunya. Setia-

usaha akhbar dan Setiausaha Politik menteri juga jadi lembut gigi daripada lidah. Pantang nampak penulis atau wartawan dari jauh lagi sudah tersenyum. Kalau jumpa di warung atau coffee-house, belum duduk lagi dah suruh minta *order*. Begitulah baiknya, baik ada makna!

Keadaan menjadi hangat lagi apabila beberapa tokoh UMNO mula membuat kenyataan demi kenyataan. Bayangan demi bayangan dan andaian demi andaian. Ada yang malu-malu untuk meluahkan perasaan, ada yang ambil sikap tunggu dan lihat dan tidak kurang juga yang *bad mood* kerana sudah mula nampak bayang-bayang maut datang menggamtit-gamit kepada-nya.

Bagaimanapun pada masa ini tumpuan hanya diberikan kepada perebutan jawatan Naib Presiden. Jawatan inilah yang dikira menjadi perebutan hangat. Dimana sahaja kita pergi, kita dapat dengar orang memperkatakan tentang perebutan ini. Tidak kira di warung kopi, coffee house maupun di lobby parlimen. Apa yang orang ramai ingin tahu ialah bagaimanakah kedudukan Sanusi, Pak Lah dan Anwar.

Kenapa jawatan ini menjadi perhatian umum ialah kerana orang sedar ketiga mereka yang menduduki jawatan itu sekarang masing-masing berambisisi untuk menjadi Perdana Menteri. Masing-masing ada cita-cita tersendiri. Lebih-lebih lagi saudara Anwar Ibrahim.

Yang jelas kerana diantara mereka tidak dapat duduk semesta. Masing-masing mencurigai diantara satu sama lain. Masing-masing mencari jalan dan helah untuk menyingkir diantara satu sama lain. Sanusi hendak singkir Anwar, Anwar hendak singkir Sanusi. Masing-masing pasang kaki (broker) untuk memburuk diantara satu sama lain. Broker Sanusi kata Anwar munafik, broker Anwar pula kata Sanusi radikal.

Paling nyata Anwarlah yang tidak senang Sanusi dan Pak Lah duduk setanding dengannya. Kalau boleh Anwar mahu lemparkan Sanusi dan Pak Lah jauh-jauh dari tempat mereka duduki sekarang. Anwar sungguh cemburu kepada kedua orang ini seperti Datin Dr. Nik Azizah cemburu kepada madunya?

Itulah jawatan yang menjadi perhatian kini. Jawatan yang hangat diperkatakan dewasa ini. Dan keadaan itu ditambah lagi apabila ada beberapa orang tokoh bercadang untuk turut sama merebut jawatan itu. Kemunculan mereka itu menjadikan yang hangat bertambah panas, yang panas menjadi membara, yang membbara akan membakar hangus.

Buat masa ini yang pasti bertanding ialah Muhammad Haji Muhd Taib. Sementara orang lain yang dilihat akan turut bertanding, Muhyiddin Mohd Yassin, Najib Tun Razak, Rahim Tamby Chik sedang membuat penilaian dan tinjauan serta mengukur kemampuan diri. Sehingga ini (5hb JULAI 1993), kecuali Mahyuddin, Najib dan Rahim Tamby Chik masih samar-samar lagi samada bertanding atau tidak.

Bagaimanapun perhatian umum akan bertukar sekiranya ura-ura dan spekulasi mengatakan Anwar bercadang untuk menentang Encik Ghafar Baba. Pertentangan diantara kedua tokoh itu boleh menarik perhatian umum. Kita sedia maklum kenapa pertandingan ini hebat kerana ia boleh menentukan hidup dan matinya buat mereka yang terlibat dalam pertandingan itu. Kenapa orang minat untuk menjawat jawatan itu kerana jawatan Timbalan Presiden merupakan "titian emas" untuk menuju ke pejabat Perdana Menteri.

Pertandingan merebut jawatan Timbalan Presiden mempunyai risiko yang tinggi. Seandainya Anwar kalah dalam pertandingan itu sudah tentu sinar bintangnya dalam UMNO akan terpadam terus. Sebaliknya kalau menang, dia dapat mengapai bulan dalam UMNO.

Justeru implikasi itulah keduanya akan berusaha mati-mati mempertahankan diri masing-masing. Encik Ghafar akan menggunakan apa sahaja tektik dan strateginya bagi mempastikan kemenangannya. Demikian juga dengan Anwar. Ghafar pasti sahaja mahu menang kerana kekalahan itu bermakna pengakhirannya dalam dunia politik dengan *sad ending*.

Orang-orang Ghafar juga akan berusaha bermati-matian terutama Sanusi Junid. Sebab kematian Ghafar Baba menyebabkan kematian bagi Sanusi. Kunci kiamat politik Sanusi ter-

letak ditangan Ghafar Baba. Sanusi harus mempertahankan Ghafar Baba walau dengan apa cara sekali pun.

Pertandingan antara Ghafar dengan Anwar dirasakan semakin menjadi kenyataan. Ghafar telahpun menyatakan rasa cemas dan cenggengnya bila mana beliau mengeluarkan kenyataan, kemungkinan hanya kerusi Presiden sahaja tidak akan dipertandingkan. Beliau juga masih belum tentu apakah dia turut mempertahankan jawatannya ataupun tidak.

Sekiranya Encik Ghafar benar tidak mahu bertanding dan bercadang untuk menerima tawaran untuk bersara, pertandingan juga tidak dapat dielakkan. Walaupun menurut tradisi Anwar patut mengisi kekosongan Encik Ghafar itu kerana beliau mendapat undi terbanyak, tetapi Anwar tidak akan diberi peluang semudah itu. Tradisi itu tidak akan berlaku ke atas Anwar. Tokoh veteran UMNO yang kental dengan semangat nasional tidak menghormati Anwar.

Anwar tidak mudah untuk naik. Dia akan dihalang. Ini menjadikan pertandingan Timbalan Presiden nanti hebat dan semakin panas. Pengunduran Encik Ghafar meluaskan lagi liang luka dalam UMNO yang sudah tersopek dan berdarah itu.

Sekiranya Sanusi merasa tidak terdaya untuk melawan Anwar, pasti ada tokoh lain yang akan mencabar Anwar. Mungkin Datuk Musa Hitam ditolak untuk melawan Anwar. Sekiranya Musa tidak sanggup kerana sudah lama tidak berpolitik, Shahrir Samad pasti menghalang kemaraan Anwar. Dan jika Shahrir pun pengecut, saya kira Azman Attar sanggup berhadapan dengan Anwar.

Tegasnya mereka tidak sesekali akan memberi kemenangan percuma kepada Anwar.

Berpandukan kepada analisis dan juga ukuran itulah menyebabkan kita rasakan perhimpunan tahun ini hebat. Kehebatan ini juga sebenarnya kerana sudah ada permainan politik kotor dikalangan tertentu. Permainan politik yang tidak mengikut jalur demokrasi sebenarnya. Apa yang dinamakan konspirasi politik sedang berjalan dalam UMNO kini.

Konspirasi yang dibentuk itu bertujuan untuk menaik dan

menjatuhkan tokoh-tokoh tertentu diperingkat jawatan tertinggi dalam parti. Ia khabarnya diketuai oleh Anwar Ibrahim. Tujuan pakatan ini untuk mempastikan Anwar menjadi Perdana Menteri dan mempercepatkan proses itu.

Melalui pakatan itu bagi mempastikan Anwar Ibrahim kekal dalam jawatan Naib Presiden hanya dua calon sahaja dibenarkan agar bertanding merebut jawatan itu. Kedua orang calon itu hendaklah menyerang dua orang Naib Presiden sekarang iaitu Sanusi dan Pak Lah.

Dalam pakatan itu Anwar sangat berharap calon yang menentang itu dapat menewaskan Sanusi dan Pak Lah. Anwar cukup tidak senang kalau kedua orang itu masih berada di tempat sekarang, terutama Sanusi Junid. Kalau tidak dapat singkir kedua-duanya sekali cukup seorang iaitu Sanusi.

Anwar cukup takut dan tidak senang kepada Sanusi, kerana Sanusi menjadi hantu kepadanya. Sanusi selalu menjadi "orang-orang" yang mengusik dan menganggu emosi Anwar bila ia berfikir untuk menjadi Perdana Menteri.

Pakatan ini telah disedari oleh Sanusi. Kerana itulah Sanusi menjadi semakin dendam kepada Anwar. Anggapan dan niat Anwar itu padanya merupakan satu kecelakaan politik yang tidak boleh dimaafkan. Kepadanya niat Anwar itu sungguh jahat. Padanya sebelum orang bertindak membunuhnya, lebih baik dia terlebih dahulu membunuh orang itu.

Dalam usaha untuk menyingkirkan Sanusi daripada keduukannya sekarang Anwar dikatakan telah mencatur strateginya tersendiri. Beliau telah "membeli" dua orang tokoh UMNO untuk menjadi kuda kepadanya. Tokoh itu ialah Muhammad Haji Muhd Taib dan Muhyiddin Mohd Yassin. Kedua orang inilah nanti yang akan menjadi meriam buluh kepada Anwar Ibrahim untuk menembak dua orang musuhnya, Pak Lah dan Sanusi.

Muhammad Taib digunakan khusus untuk menentang Sanusi, sementara Muhyiddin pula untuk Pak Lah. Bagaimanapun, Muhyiddin sehingga kini masih belum memastikan apakah ia sanggup atau pun tidak menjadi "meriam buluh" untuk Anwar.

Dalam hal ini Anwar mempunyai teori tersendiri. Dia sangat suka kalau kedua Menteri Besar ini menang jawatan Naib Presiden bersamanya. Menurut perhitungannya, jika keduanya menang dan jika ada apa-apa takdir yang menimpa Ghafar, (samada Ghafar mati ataupun diangkat menjadi Perdana Menteri); sudah tentu Timbalannya akan diisi dengan senang olehnya.

Sudah pasti kalau Ghafar mati, Anwar akan dilantik menjadi Timbalan kerana tidak mungkin Mahathir mengambil Muhammad Haji Muhd Taib ataupun Muhyiddin Mohd Yassin. Kedudukan mereka sebagai MB dan Adun, tidak dapat dilantik untuk menjadi Timbalan Perdana Menteri.

Begitu juga takdirnya Ghafar diberi kesempatan menjadi Perdana Menteri, Ghafar akan memilih Anwar. Walaupun seribu kali Ghafar tidak sukakan kepada Anwar, tetapi ketika itu Ghafar sudah tidak ada pilihan lain lagi, kerana orang kesukaannya sudah berada di luar obit jawatan penting itu.

Demikian analisis dan juga perkiraan rengkas yang dibuat oleh orang-orang Anwar. Ia ada logik dan tidak logiknya. Scenario yang jelas pertandingan merebut jawatan Naib Presiden pada tahun ini adalah diantara *oder lama* dengan *oder baru*. Diantara nasionalisme sekular dengan nasionalisme Islamik. Anwar Ibrahim, Muhyiddin Mohd Yaasin, Muhammad Haji Muhd Taib adalah antara tokoh *oder baru* (neo-nasionalis Islamik), manakala Ghafar Baba, Sanusi Junid, Abdullah Badawi dan Musa Hitam adalah tokoh-tokoh *oder lama* - nasionalis sekular.

Menganalisis scenario itu maka kita dapat membayangkan siapakah bakal menderita pada tahun 1993 ini. Air mata duka siapakah akan mengalir dan membasahi karpet emas di dewan Merdeka?. Siapakah diantara tokoh-tokoh yang terlibat dengan pertandingan itu akan kecundang. Siapakah?

Dalam membuat ramalan ini kita tidak punya metal fizikal! Tetapi kalau berpandukan kepada analisis dan juga gambaran di atas itu, maka sedikit sebanyak kita nampak siapa akan kecewa, dan akan berbahagia dalam perhimpunan akan datang.

Sekiranya gambaran itu benar-benar berlaku, kini kita sudah dapat gambaran orang-orang yang bakal bakal menangis pada tahun ini.

Seandainya benar Awnar akan melawan Ghafar Baba, dan Dr. Mahathir pula merestui tindakan Anwar itu, maka jelas Encik Ghafar Baba akan menangis dan kecewa. Impian Encik Ghafar Baba untuk menjadi PM sehari akan terkubur dan hancur lebur.

Sebaliknya jika Dr. Mahathir tidak merestui langkah Anwar dan menyerahkan risiko itu bulat-bulat kepada Anwar, maka yang hancurnya ialah Anwar Ibrahim. Anwarlah yang akan menangis tidak berlagu. Impian dan harapannya akan termusnah. Cita-cita besar juga akan hanyut dan berkecaci. Mungkin kalau Anwar gagal mengawal diri, dia bisa "jadi gila" dan selepas itu akan punya "sijil gila".

Anwar akan kecewa seumur hidupnya. Ruang dan peluangnya dalam UMNO tidak ada lagi. Kekalahan itu nanti, menjadikan kita akan dapat mendengar Anwar mendendangkan semula lagu-lagu hindustan dalam filem Sangam, Bobby dan Jab Jab Phukei.

Manakala jika konfrantasi dan percaturan politik yang dibuat oleh Anwar itu berjaya, maka orang yang akan menangis ialah Sanusi dan Pak Lah Badawi. Kalau benar para MB dan KM telah bersetuju hendak meletakkan salah seorang calon dikalangan mereka, ibarat kata akan berangkat pulang ke Achehlah Sanusi Junid.

Berakhirlah impian dan harapannya untuk menjadi Perdana Menteri. Akan kecewalah anak Acheh di bumi Melayu ini. Hilang kedaulatan bangsa Acheh di Malaysia ini. Akan malu dan terpaksa tunduklah bangsa Acheh kepada Bugis, Mamak dan Turki.

Kedaaan Sanusi mungkin selamat kalau lebih daripada seorang calon dikalangan MB yang bertanding. Penyertaan lebih daripada seorang calon dikalangan MB atau orang yang dinanguji Anwar menyebabkan undi dalam klik Anwar akan berpecah. Perpecahan undi ini membawa rahmat kepada Sanusi.

Alasannya tidak mungkin untuk perwakilan memilih dua orang calon MB serentak. Ini tidak pernah berlaku dalam sejarah UMNO. Tradisi dalam UMNO hanya seorang calon MB sahaja dipilih. Tetapi kalau tradisi itu tidak dihormati, bermakna Sanusi ditimpa tragedi.

Alasan paling kuat tidak nampak ada mana-mana calon MB yang lebih mampu dan kreatif berbanding dengan Sanusi. Mereka tidak mampu untuk menandingi ketokohan Sanusi Junid.

Manakala kedudukan Pak Lah dalam senario pertandingan pula tidak menentu. Kita tidak dapat membuat satu analisis khusus mengenai kedudukan Pak Lah. Apapun ia bergantung kepada senario pertandingan itu. Jika Anwar bertanding Timbalan Presiden, kedudukan Pak Lah dalam jawatan Naib Presiden amat baik. Mungkin dia akan mendapat undi terbanyak. Kalau benar salah seorang calon MB dimasukan untuk menendang beliau, rasanya tidak ada calon MB yang layak. Sekiranya Najib Tun Razak ataupun Muhyiddin atau Rahim dijadikan "muncikari" untuk mengkhianati Pak Lah, Pak Lah tidak ada apa-apa halangan. Calon itu tidak mampu untuk menepis Pak Lah.

Apapun mereka itu semua; Encik Ghafar Baba, Anwar Ibrahim, Sanusi Junid, Pak Lah, Najib Tun Razak, Rahim Tamby Chik, Muhyiddin Mohd Yassin, Muhammad Haji Muhd Taib adalah orang yang bakal menangis dan bergembira dalam perhimpunan agung UMNO tahun ini.

### Tangisan iringan

Selain daripada mereka itu pertandingan tahun 1993 juga akan meninggal kesan kepada beberapa orang tokoh lain. Perhimpunan UMNO pada tahun ini dikira membawa peristiwa pahit buat mereka. Mereka akan menangis kesedihan selepas perhimpunan ini. Mereka menangis bukan kerana kalah bertanding, tetapi kerana khidmat mereka dijangka tidak diperlukan lagi. Mereka ini akan dibersarakan selepas perhimpunan ini.

Mereka yang pasti menangis pada tahun ini ialah Wan Mokhtar Ahmad. Kalau dia berhajat untuk mencuba bagi merampas balik jawatannya, maka dia akan menangis. Sungai Terengganu akan penuh dengan air mata derita "Ayah Wang" ini. Zaman kegemilangannya sudah berakhir. Sekiranya dia masih berminat untuk berkhdimat, Wan Mokhtar boleh bertanding merebut kerusi MKT sahaja. Seandainya ia mendapat kedudukan selepas nombor 10 pun sudah merupakan satu kejayaan.

Buat masa ini Wan Mokhtar sedang menghadapi krisis sungguh runcing. UMNO Terengganu bergolok, dimana golongan Pemuda dikatakan sedang menyusun strategi untuk menjatuhkan Wan Mokhtar.

Seorang lagi tokoh dari Terengganu yang dikira menerima nasib malang ialah Dr. Yusof Noor. Dr. Yusof Noor dikira orang tidak bertuah dalam politik. Bintangnya tidak berapa bersinar, Suatu ketika bintangnya berseri bagaikan bintang Kejora, tetapi tiba-tiba ia pudar dan jatuh mendadak.

Kalau diibarat kepada saham, nasib Yusof Noor seperti saham getah asli yang mana kedudukannya sungguh tidak stabil. Mulanya dia dikira orang yang berpotensi untuk menduduki salah satu kerusi Naib Presiden UMNO. Dia memang seorang yang tidak ada kes, tidak ada skandal dan namanya senonim dengan Islam.

Tetapi sekali berlaku kes di MARA imejnya jatuh mendadak. Segala kebaikannya hilang terus. Puncanya gara-gara kesilapan Pengerusi MARA Tamrin Ghafar, yang membuat "tahi" di MARA, apabila Tamrin laburkan wang MARA sebanyak RM 63 juta dalam Kelab Golf Rahman Putera yang kebetulan dipengerusikan oleh ayahnya Ghafar Baba.

Kesian pada si Yusof Noor dia lurus bendul dalam politik. Kejujuran itu telah diperalatkan oleh bandut-bandut politik. Patut Yusof Noor tidak jujur sangat. Dalam politik sekular sesiapa yang jujur akan menjadi mangsa. Kejujuran, ketulusan, keikhlasan tidak membawa apa-apa erti dalam dunia politik sekular.

Seorang lagi tokoh malang dan akan berduka selepas perhimpunan 1993 ini ialah Bung Rahmat. Khabarnya selepas perhimpunan ini beliau tidak lagi dilantik menjadi Setiausaha Agung UMNO. Menteri Penerangan ini dikatakan banyak masalah sejak akhir-akhir ini. Wibawa dan kemampuannya juga dikatakan merosot. Kegagalan menyelesaikan isu politik di Sabah, adalah antara puncanya.

Di Sabah Bung Rahmat dan Encik Ghafar kena tipu oleh Amirkahar hidup-hidup. Mulanya Bung Rahmat hendak perangkap Amirkahar dengan melengahkan mengumumkan penerimaan Amirkahar menjadi ahli UMNO, sekali Amirkahar yang mempermainkannya. Nampaknya Bung Rahmat kena main di Sabah.

Masalah kedua, Mohamed Rahmat kini dikejar hantu BPR. Katanya sudah kerap benar hantu BPR ulang alik ke pejabatnya, dan dia juga ulang alik ke pejabat BPR. Banyak sungguh urusan dengan BPR! Orang tidak tahu apakah urusannya penting atau tidak. Jangan-jangan dia punya masalah sama seperti Samy Vellu.

Hubungan Bung Rahmat dengan Mahathir juga akhir-akhir ini tidak seintim dulu. Mahathir dikatakan berkecil hati dengan apa yang berlaku sewaktu krisis pindaan perlombagaan dahulu. Bung Rahmat makan dua penjuru, sultan Johor makan, Mahathir pun makan. Walhasil dia dia jadi Lebai Malang - Mahathir tak percaya, Ahli Majlis Pangkuhan di Raja Johor pula kena buang. Nasib badan, Mohamed Rahmat sudah hilang rahmat dan keramat!

Kawan baik Mat Bulat, Hussein Seri Rama juga akan kehilangan seri selepas perhimpunan agung UMNO nanti. Hussein kemungkinan besar tidak lagi dilantik menjadi Ketua Penerangan UMNO. Khabarnya dia tidak berapa berperanan dalam tugasnya itu.

Hussein tidak berapa mempunyai idea yang baik berhubung dengan tugasnya. Bagaimanapun... punca besar melucutkan jawatannya itu untuk mengajar dia di Kelantan. Kononnya dia menimbulkan masalah dan tidak hormatkan Annuar Musa, atas

dasar dia lebih senior dan "besar" daripada Annuar. Penyingkiran Hussein untuk menyelesaikan krisis UMNO di Kelantan. Hussein dikatakan menjadi *trouble maker* kepada UMNO Kelantan.

Dengan hilangnya pangkat itu nanti Hussein diharap tidak akan merasa malu lagi untuk hadir mesyuarat Badan Perhubungan UMNO Kelantan yang dipengerusikan oleh "Tungku" Bukit Marak itu.

Eloklah kalau Hussein Ahmad dan Mat Rahmat sudah berhenti, mereka boleh *joint* tubuh syarikat pelancungan. Muhamed Rahmat boleh bawa pelancung ke Pulau Jawa ataupun Tanah Batak Karo di Sumatera, manakala Hussein pula bawa orang pergi Golok. Memang cocok.

Annuar Musa juga adalah dikira tokoh yang akan menangis tidak berlagu pada tahun ini jika benar ia bercadang untuk merebut jawatan Ketua Pemuda. Baik menentang Najib Tun Razak atau sesiapa sahaja, Annuar menghadapi laluan sulit.


Beliau masih belum bersedia untuk menjawat jawatan itu. Annuar belum mampu dan tidak ada pengalaman untuk mentadbir Pemuda yang merupakan satu kumpulan pendesak. Kemampuannya untuk menghandlekan UMNO yang punya 13 Bahagian di Kelantan pun tercunggap-cunggap. Di Kelantan beliau banyak membuat kesilapan daripada kebaikan. Macam mana hendak bertanding merebut Ketua Pemuda, diperingkat Bahagian pun Annuar belum tentu lagi selamat. Khabarnya ada anak buahnya sendiri di Nilam Puri hendak menentangnya!

Annuar hanya layak untuk bertanding merebut kerusi EXCO Pemuda UMNO sahaja. Jika ia berkeras juga maka tahun ini tahun yang akan menderitakannya.

Seorang lagi bakal menangis tahun ini ialah Najib Tun Razak. Langkahnya untuk bertanding Naib Presiden dianggap kurang bijak. Kalau dia teruskan juga tanpa membuat penyelidikan rapi, Najib boleh tewas. Untuk masa ini dan dengan kewibawaan yang ada kepadanya, Najib belum layak untuk bertanding di kerusi Naib Presiden. Najib harus kekal di kerusi Ketua Pemuda, sekurang-kurang untuk tiga tahun lagi.

Keadaanya bertambah malang lagi, jika beliau benar-benar berhasrat untuk meninggalkan Pemuda.

Demikianlah situasi yang kita nampak apa yang berlaku dalam pertandingan pada tahun ini. Ia akan meninggalkan kenangan dan kepahtian kepada tokoh-tokoh berkenaan. Kalau pun penderitaan mereka tidak sama dengan penderitaan anggota team B dalam tahun 1987 dulu, tetapi kekalahan itu memberikan kepedihan tersendiri. Apa yang menjadi tanda tanya, apakah tokoh-tokoh yang kalah dan kecewa nanti boleh menghulurkan tangan kepada Semangat 46 untuk meramas kepedihan yang sama di atas telapak tangan yang luka!



**12**

**TRADISI &  
TRAGEDI  
(Penutup)**

**K**EHAIRAHAN anggota UMNO untuk berhimpun pada bulan November hadapan seperti teralat sedikit apabila Dr. Mahathir Mohamad telah mengesahkan bahawa Anwar Ibrahim tidak akan bertanding merebut jawatan Timbalan Presiden menentang Encik Ghafar Baba. Pengumuman itu dibuat dalam mesyuarat MKT pada 11 Jun lepas.

Sebenarnya pengumuman itu bukan satu "pengesahan" yang mengejutkan, kerana sebelum ini Anwar telah pun menegaskan (sebanyak dua kali) dia tidak akan tentang Encik Ghafar Baba untuk merebut jawatan Timbalan Presiden. Katanya, dia tidak sanggup berhempas pulas untuk "menarik" Encik Ghafar Baba.

Tetapi sungguh pun begitu spekulasi dan cakap-cakap yang Anwar akan lawan Ghafar tetap juga kedengaran. Malahan dalam keadaan tertentu sepkulasi itu seperti dibenarkan sendiri oleh Anwar. Mungkin atas tujuan untuk membendung sepkulasi itu dari terus memenuhi "pasaran politik", ataupun untuk menampakkannya (Dr. Mahathir) tidak menyokong Anwar, maka Dr. Mahathir terpaksa turun tangan ataupun diminta turun tangan, membuat penegasan itu!

Tetapi soalnya kini sejahtera manakah penegasan Anwar dan

Dr. Mahathir itu boleh dipertanggungjawabkan? Apakah penegasan itu boleh meredakan keadaan yang sudah pun sampai ke tahap 70 darjah itu? Satu yang jelas penegasan itu bukan merupakan satu titik muktamad - meredakan segala spekulasi itu. Penegasan Dr. Mahathir itu tidak boleh menutup mulut-mulut orang Anwar yang rancak sedang menyebarkan berita kononnya Anwar punya kekuatan untuk melawan Ghafar. Pun begitu juga ia tidak boleh menutup mulut orang-orang Ghafar yang menganggap Anwar sebagai biadab dan kenyataan itu tidak boleh diyakini.

Mungkin penegasan Dr. Mahathir yang tidak mahu sesiapa bertanding untuk peringkat Presiden dan Timbalan Presiden boleh diterima-pakai jika ia secara terus terang dan tegas membela Encik Ghafar Baba. Tetapi soalnya hari ini, Mahathir tidak pernah membela Encik Ghafar Baba secara terus terang. Beliau masih bersimbolik dengan Ghafar. Dengan hanya berkata demikian; (cuma setuju pertandingan diadakan di peringkat Naib Presiden sahaja) menyebabkan orang boleh mendefinisikan mungkin Mahathir tidak mahu orang mencabar Anwar untuk jawatan itu ataupun mengharap Ghafar bersara sahaja!

Justeru itu kata-kata Dr. Mahathir maupun Anwar bukan titik mati untuk dipegang oleh ahli UMNO bahawa Anwar tidak lawan Ghafar. Kata-kata itu bukan bererti Ghafar boleh duduk senang dan tidak perlu berbuat apa-apa. Walaupun penegasan itu dibuat sambil menjunjung Al Quran sekalipun, ia tidak boleh diterima. Sumpah dan janji orang politik tidak boleh dipercayai, tetapi jangan merasa mustahil dengan tindakan orang politik! Kata janji Anwar dan pengharapan Dr. Mahathir itu boleh berubah mengikut masa dan keadaan.

Dalam hal ini kalau Encik Ghafar hendak selamat dengan permainan politik Anwar dia harus hati-hati. Kelicitan Anwar ini sangat jelas. Kadang-kadang kerana sangat nyata itu menyebabkan orang dapat membacanya di awal-awal langkah lagi. Tenguk... bila Encik Ghafar hendak ke Sabah dia (Anwar) beriya-iya minta untuk pergi sama. Tujuannya untuk membuktikan bahawa dia boleh berjalan seiringan dengan Ghafar.

Yang penting dia hendak intip dan lihat sendiri sejauh manakah sambutan rakyat Sabah kepada Ghafar?

Apapun jawaban terakhir samada beliau (Anwar) lawan atau tidak Ghafar Baba, akan ternoktah selepas selesai mesyuarat Bahagian UMNO di seluruh negara. Adalah dipercayai jika Anwar mendapat 70% pencalonan iaitu kira-kira 100 Bahagian dari 153 Bahagian dia sudah pasti akan lawan Encik Ghafar Baba.

Seandainya dia (Anwar) mendapat pencalonan yang banyak dia akan jadikan pencalonan itu sebagai alasan untuk dia bertanding merebut jawatan Timbalan Presiden!

Sekiranya Anwar bertanding dengan menggunakan alasan itu, Dr. Mahathir juga tidak dapat berkata apa-apa. Kerana sebelum ini dia sendiri sudah menyeru, supaya pemimpin patuh kepada kehendak ahli dan mana-mana calon yang mendapat pencalonan sedikit hendaklah menarik diri.

Setelah Mahathir berkata begitulah maka Anwar berusaha agar Anwar mendapat undi terbanyak. Soal bertanding atau tidak soal lain. Tetapi Anwar mahu banding kedudukannya dengan imej Ghafar. Dalam hal ini sekiranya Ghafar ada maruah dan air muka, dia akan meletakkan jawatan atau mengundurkan diri daripada bertanding setelah menyedari Anwar mendapat sokongan ramai.

Itulah permainan politik Anwar dan Mahathir, dimana Encik Ghafar sepatutnya tidak duduk diam dan menyerahkan kepada Tuhan sahaja, kalau dia benar-benar mahu dilantik menjadi Perdana Menteri walaupun sehari.

Seandainya berlaku pertandingan antara Anwar dengan Ghafar ia adalah satu tragedi dalam perhimpunan kali ini. Malahan pertandingan itu juga akan membawa satu perbalahan dan perpecahan dalam UMNO. Ini kerana perlawanan ini bukan perlawan biasa, atau merupakan satu proses tradisi penyalinan pemimpin, tetapi pertandingan ini adalah pertandingan diantara penentuan corak dan kekuasaan dalam UMNO. Pertandingan menentukan golongan manakah yang akan menguasai UMNO menjelang abada ke 21 ini.

Pertandingan ini mempunyai erti dan mesej tersendiri. Pertandingan Anwar melawan Ghafar bukan seperti pertandingan Tengku Razaleigh dengan Mahathir (1987), ataupun Tengku Razaleigh dengan Musa (1982 dan 1984). Tetapi pertandingan untuk menentukan masa depan dua golongan yang menguasai UMNO hari ini - golongan modern Islam dan nasionalis Islam.

Bagi Anwar, pertandingan dengan Ghafar membawa erti yang tersendiri. Pertandingan ini untuk memenuhi cita-citanya. Pertandingan untuk mempastikan apakah idelisme perjuangannya yang ditaruh kesekian lama semasa dalam ABIM dulu dapat diteruskan ataupun tidak. Pertandingan ini menentukan apakah beliau mampu untuk mengubah UMNO dari dalam seperti mana yang dijanji dan dicita-citakan sebelum ini.

Seperti dinyatakan tadi, pertandingan ini membawa mesej yang besar dan natijah yang cukup pedih untuk diterima. Pertandingan "Anwar - Ghafar" ini bukan pertandingan dua puak berlainan method dan ideologi perjuangan dalam UMNO, tetapi pertandingan proxy antara golongan medern Islam dengan nasionalis Islam. Anwar proxy kepada golongan Islam dan mewakili golongan itu yang menjelma dalam beberapa harakah dan gerakan Islam di negara ini.

Justeru itu untuk mempastikan kemenangan dan mencapai cita-cita bersama itu para penyokong dan koncu-koncu Anwar menjalani kempen ke luar UMNO. Mereka cuba mendapat tepukan dan jeritan sokongan (*moral support*) dari luar UMNO. Dan apa yang menggembirakan Anwar kawan dan taulan yang seiringan dengan perjuangannya itu siang-siang lagi menyatakan sokongan penuh kepadanya.

Mereka bukan sahaja setakat menyokong Anwar sebaliknya telah menyangutkan satu pengharapan besar kepada Anwar agar membela dan membangun Islam. Kadang-kadang mereka menjadi pesimis kepada kemampuan harakah mereka sendiri kononnya perjuangan mereka tidak berjaya sekiranya Anwar tidak menjadi Perdan Menteri.

Fenomena ini sesuatu yang baru, dan sesuatu yang meng-

gembirakan Anwar. Belum pernah mana-mana tokoh dalam UMNO apabila ia hendak bertanding ia mendapat sokongan padu daripada luar UMNO.

Khabarnya semua jemaah Islam dan harakah Islam baik politik atau non politik menyokong Anwar. Jemaah Islah Malaysia (JIM), dikatakan memberi sokongan seratus peratus dan mereka juga menjalankan kempen mempastikan Anwar menang. JIM dikatakan terpana dengan janji Anwar yang kononnya akan mengambil ahli JIM untuk mengisi jemaah kabinetnya kelak. Begitu juga dengan Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) dan gerakan pelajar Islam di universiti, walaupun mereka cuak dengan Anwar tetapi dalam senario hari ini mereka menaruhkan kepercayaan kepada Anwar, dijanjikan cita-cita mereka akan terpenuhi apabila Anwar menjadi Perdana Menteri kelak.

Begitu juga dengan ABIM yang menjadi "Sekretariat" kepada kempen Anwar telah melipatkan gandakan usaha mem-pastikan kemenangan dan "kejayaan" Anwar dan mendoakan agar Anwar benar-benar melawan Ghafar. ABIM telah mencanangkan ke seluruh dunia bahawa Perdana Menteri selepas Dr. Mahathir, ialah Anwar.

Dan sesuatu yang mengejutkan apabila Pas sendiri sebagai sebuah parti politik yang menjadi musuh turun temurun kepada UMNO juga dikatakan menyokong penuh dan meletakkan harapan besar kepada Anwar. Perubahan sikap Pas yang diam-bil dalam muktamar parti itu pada 11 hingga 13 Jun baru-baru ini adalah semata-mata kerana Anwar Ibrahim.

Katanya parti itu menaruh harapan besar kepada Anwar untuk membangun Islam. Mereka berpendapat Islam tertegak apabila Anwar memegang tunggal kekuasaan dalam UMNO lima atau tujuh tahun lagi.

Pas dikatakan terpaksa melunakkan perjuangannya seiring dengan UMNO untuk memudahkan ia diserap ke dalam UMNO tatkala Brother Anwar menjadi pemimpin parti itu kelak. Dalam erti kata lain, sikap sedarhana yang diambil oleh Pas itu sebagai persediaan untuk bergabung dengan Anwar

(UMNO), kerana jika ia meneruskan sikap radikal ia boleh menyusahkan Pas untuk menyesuaikan diri dengan UMNO nanti.

Perubahan sikap Pas itu amat jelas sekali. Penentangan Nik Abdullah Arsalan untuk merebut jawatan Naib Yang Dipertua dikatakan berpunca dari perubahan drastik yang berlaku dalam Pas.

Kalau perubahan itu benar dan wujud maka apa yang saya sebut dalam buku *Antara Anwar, Dollah & Sanusi Tuhan Pilihan Siapa* sudah menyerlah kebenarannya. Dalam buku itu saya sebut:

Apakah yang akan berlaku jika Anwar berjaya naik dengan selamat? Tidak mustahil juga satu perubahan yang menakjubkan kepada senario politik orang Melayu akan berlaku. Satu-satu yang kita nampak, dengan karisma dan ketokohan yang ada kepada Anwar dia boleh menyatu padukan politik orang Melayu, khasnya yang berlandaskan Islam duduk dalam satu saf perjuangan.

Apa lagi kalau beliau berjaya mengubah perjuangan UMNO lebih cenderung kepada Islam, sudah tentu parti-parti Islam seperti Pas, Hamim, Berjasa akan tertarik untuk bekerjasama dengannya. Sebenarnya untuk melakukan ini Anwar tidak mempunyai apa-apa masalah kerana sesetengah pemimpin utama dalam parti-parti berkenaan adalah sahabat seperjuangannya sebelum ini yang sedang menanti gamitan Anwar saja. Persefahaman, sikap pengertian dan persamaan cita-cita mereka selama ini boleh digembelingkan untuk mencapai cita-cita yang satu. Bukan orang tidak tahu siapa Fadzil Noor kepada Anwar? Mereka adalah dua sahabat baik yang telah pun berjanji untuk memperjuangkan Islam dalam dimensi dan wadah masing-masing.

Tidak mustahil, selepas Anwar menguasai UMNO, Pas akan kembali kepada UMNO semula, ataupun UMNO

akan bergabung dengan Pas. Atau dalam bahasa lain ummah Melayu akan berada dalam satu firkah untuk mencapai satu kegemilangan dalam Islam.

Dilihat pada suatu sudut misi dan niwaitu Anwar itu baik sesekali dan tidak patutnya ianya dikhianti. Tetapi bila ditinjau pada sudut lain kita merasakan orang atau harakah Islam yang meletakkan pengharapan kepadanya (Anwar) akan tertipu dengan helah Anwar. Harapan yang digantung-sangkutkan ke atas bahu tanggungjawabnya seperti akan sia-sia sahaja.

Ini kerana telah banyak bukti menunjukkan Anwar tidak komited dengan apa yang diucapkan. Anwar banyak melakukan pembohongan dan menipu orang-orang yang memberi sokongan kepadanya. (Saya tidak mahu menyebut kerena beliau itu di sini kerana telah saya himpukkan segala dosa dan kemungkar Anwar itu dalam kitab muktabar saya mengenai Anwar berjodol; *Anwar Ibrahim: Mimpi & Realiti*.

Dilihat dari perspektif mana sekalipun pertandingan Anwar dengan Ghafar (kalau benar terjadi), membawa satu tragedi tersendiri kepada kedua belah pihak. Bagi Anwar, jika dia kalah melawan Ghafar...baik pada perhimpunan ini atau pada masa akan datang, sudah pasti segala cita-cita dan ambisi orang ramai yang diletakkan ke atasnya termusnah.

Kekalahan Anwar bererti berakhir satu gelombang kebangkitan Islam. Kerana selepas ini tokoh seperti Anwar tidak mungkin muncul lagi dalam UMNO. Kekalahan Anwar dalam UMNO juga menjadi lambang kekalahan kepada perjuangan Islam yang dibawa oleh seorang pemimpin seperti Anwar Ibrahim.

Kekalahan itu juga menyebabkan kepercayaan UMNO kepada Islam semakin pudar. Apa lagi kalau ada tokoh-tokoh Islam yang prinsipnya rapuh seperti Anwar bercadang mahu memasuki UMNO secara diinjeksikan, ianya amat payah sekali.

Kekalahan itu juga menyebabkan tokoh-tokoh yang punya jiwa Islam hilang kepercayaan kepada kemampuan Islam. Mereka akan menjadi *inferiority complex* dan terpinggir dalam perju-

ngan UMNO. Justeru itu Anwar hendak berhati-hati sebelum mengambil keputusan. Jangan disebabkan terlalu ghirah mengejar cita-cita menyebabkan Islam menerima padahnya.

Anwar tidak boleh optimistik dalam mengejar cita-cita dalam UMNO. Seperti saya katakan pengaruh Anwar dalam UMNO pada masa ini baru diperingkat akar rambut. Ia belum mempunyai akar tunjang yang kukuh. Jadi tak usahlah Anwar mencuba lautan dalam kalau kail masih panjang sehengkal.

Begitu juga kepada Encik Ghafar, sekiranya Anwar benar akan tentangnya, ia merupakan satu tragedi paling celaka buatnya. Penentang itu merupakan satu kecelakaan yang paling besar kepadanya. Penentangan diperingkat Timbalan Presiden itu merupakan satu sejarah untuk Ghafar. Dan sejarah ini juga berulang dalam UMNO, apabila Musa Hitam pernah ditentang oleh Tengku Razaleigh.

Ghafar sesungguhnya akan merasa amat kecewa dengan penentangan itu. Jika berlaku menyebabkan imej Ghafar dan penghormatan orang ramai kepadanya selama ini merosot. Implikasi penentangan itu juga menyebabkan Ghafar dan orang-orang setia dan ikhlas dalam UMNO meragui kejujuran Dr. Mahathir.

Penentangan itu juga menyebabkan Ghafar membuat dua perhitungan. Samada bertanding ataupun mengundurkan diri. Jika dia merasakan kekuatannya tidak ada, besar kemungkinan Ghafar akan mengundurkan diri. Dia akan mengemukakan alasan tersendiri dalam perhimpunan untuk bersara.

Kejadian inilah sebenarnya yang ditunggu-tunggu oleh golongan Anwar. Mereka mahu Ghafar mengundurkan diri dengan cara terhormat. Mereka sedang *pressure* Ghafar supaya berundur untuk membolehkah Anwar berganjak ke atas.

Untuk mempastikan ini orang-orang Anwar secara halus telah kempen orang Ghafar supaya nasihat Ghafar terima sahaja tawaran persaraan yang dikatakan dihulurkan kepada Ghafar. Ghafar ditawarkan jawatan Gebenor, Pulau Pinang ataupun Pengurus Pelabuhan Kelang.

Untuk menyelamatkan diri, Ghafar boleh berbuat demikian.

Tetapi sebagai *politician* yang matang dan bermaruah, tentunya Ghafar tidak sanggup berbuat demikian. Menerima tawaran persaraan itu menjadikan Ghafar sebagai mengaku kalah sebelum berjuang. Dia *surrender* kepada Anwar.

Sebaliknya jika ia memilih risiko kedua, (bertanding) Ghafar mendapat sedikit kesusahan. Seandainya dia kalah dia tidak akan diselamatkan. Masalah hutang yang berjumlah lebih RM25 juta akan membengkungnya. Dan kekalahan itu juga tercetus pepecahan dalam UMNO.

Sudah pasti perbalahan yang tercetus dari pertandingan itu membawa penyakit kepada tokoh lain. Seandainya dalam perlawanan nanti, Awnar yang menang orang yang mempunyai ideologi bertentangan dengan Anwar akan mengalami kegelapan dalam dunia politik.

Tokoh-tokoh nasionalistik seperti Sanusi tentunya menjerit hysteria kalau Anwar menang. Kemenangan Anwar dan kekalahan Ghafar memberi pukulan tersendiri kepada Sanusi. Mungkin selama Anwar menjadi Timbalan Presiden UMNO, Sanusi masih lagi dapat "tunggu" dalam kabinet, tetapi selepas Anwar naik nanti, dia tidak mungkin berada di situ lagi.

Adalah sesuatu yang sumbang kalau Sanusi berkhdimat di bawah Anwar. Dimanakah maruah dia selama ini. Seandainya dia dapat berkhdimat maka dia telah menyalin dan menggadaikan prinsip selama ini. Apakah dia sanggup membuang nilai Bushido dari dirinya?

Jutseru itu hendak tak hendak dia akan meletakkan jawatan. Inilah tragedi yang menimpa Sanusi hasil daripada kekalahan Ghafar dan kemenangan Anwar kelak.

Keadaan yang sama juga menimpa Dollah Badawi. Meskipun Dollah dikira dapat berkerjasama dengan Anwar, tetapi agak sukar untuk Anwar menerimanya, atas alasan perbezaan generasi (*generation gap*).

Kemenangan Anwar juga merubah senario politik Pas dan Semangat 46.

Jika Pas menerima Anwar, sudah pasti Tengku Razaleigh akan diberikan kata dua samada meneruskan Perpaduan Ummah

atau tidak. Dalam soal ini Pas tidak mungkin berpihak kepada Ku Li, kerana mereka telah mengadakan hubungan sulit (berkasih) yang lama dengan Anwar, lagipun pada penilaian Pas keislaman Anwar Ibrahim lebih serasi dengan keislaman Pas berbanding dengan keislaman Tengku Razaleigh Hamzah.

Kemuncak atau bala paling besar yang berlaku kalau takdirnya Anwar menang dan seterusnya menguasai UMNO ialah akan berlakunya pertentangan dalam UMNO. Golongan yang kalah sudah pasti bersatu dan mengumpul kekuatan. Dalam hal ini tidak mustahil mereka akan mengundang Datuk Musa Hitam agar aktif semula dalam parti, ataupun menjemput Ku Li masuk ke dalam UMNO ataupun berpaktat dengan Ku Li menentang Anwar dalam pilihanraya.

Demikianlah kesimpulan yang dapat diramalkan berlaku dalam perhimpunan agung UMNO kali ini. Jika ahli UMNO melanggari tradisi parti, seperti melawan yang lebih tua, terlalu gelojo, besar kemungkinan tragedi yang disebutkan tadi berlaku.

Penerusan tradisi dalam UMNO bukan sahaja menyelamatkan Encik Ghafar, Anwar, ia juga turut menyelamatkan Sanusi dan Dollah Badawi! Terpulanglah kepada kebijaksanaan ahli UMNO!

18hb Jun, 1993/1 Muharram 1414.  
Kuala Lumpur.